

Anda seperti yang dinamakan di dalam Halaman Maklumat e-Sijil (“e-Sijil”) bersetuju untuk menyertai Takaful Malaysia Budi (selepas ini dirujuk sebagai “Sijil Asas”) dan membayar Caruman ke dalam Akaun Peserta (“AP”) dan Dana Berkaitan Pelaburan (“ILF”) (sekiranya tambahan caruman tunggal dibuat dan/atau *mySaver* disertakan bersama Sijil Anda). Anda juga bersetuju untuk menderma sebahagian daripada Caruman ke dalam Akaun Khas Peserta (“AKP”) berdasarkan Tabarru’ mengikut kadar yang ditentukan di dalam Sijil ini.

Anda memberi Kami kuasa berdasarkan Wakalah untuk menguruskan AP, AKP dan ILF dan sebagai pulangan, Kami akan menerima yuran Wakalah, Caj Pengurusan Dana, Caj Perkhidmatan dan menerima sebahagian daripada keuntungan pelaburan daripada AP sebagai insentif prestasi berdasarkan Ju’alah mengikut kadar yang ditentukan di dalam Sijil ini.

Anda bersetuju bahawa sebarang lebihan yang boleh dibahagikan daripada AKP akan dibahagikan di antara peserta yang layak dan sebarang lebihan yang boleh dibahagikan akan diterima oleh Kami sebagai insentif prestasi berdasarkan Ju’alah. Sekiranya AKP mengalami defisit, pinjaman tanpa faedah akan diberikan oleh Kami kepada AKP berdasarkan Qard.

## DEFINISI

Dalam **Sijil** ini, jika konteksnya menyatakan jantina maskulin hendaklah dianggap termasuk jantina feminin dan begitu juga perkataan tunggal harus juga meliputi perkataan majmuk dan sebaliknya, dan perkataan di bawah harus membawa erti seperti berikut:

- 1.1 **“UMUR KEMASUKAN”** bererti umur Orang Yang Dilindungi pada hari lahir akan datang yang ditentukan dari Tarikh Permulaan.
- 1.2 **“A-LEVEL”** merujuk kepada “*Advanced Level*”, di mana ianya merupakan kelayakan pra-universiti yang paling dikenali di seluruh dunia, berdasarkan sistem pembelajaran United Kingdom.
- 1.3 **“CARUMAN DIPERUNTUKKAN”** bererti tambahan caruman tunggal atau Tambahan Caruman Berkala selepas menolak yuran Wakalah.
- 1.4 **“UMUR DICAPAI”** bererti Umur Kemasukan Orang Yang Dilindungi dicampur dengan jumlah Tahun Sijil dari Tarikh Permulaan.
- 1.5 **“HARI PERNIAGAAN”** merujuk kepada hari (selain hari Sabtu, Ahad atau cuti umum di Kuala Lumpur, Malaysia) di mana ibu pejabat Kami dibuka untuk perniagaan di Malaysia dan sebarang rujukan kepada “hari”, “minggu”, “bulan” atau “tahun” di mana hari, minggu, bulan atau tahun itu mengikut kalendar Gregorian.
- 1.6 **“SIJIL”** bererti Sijil ini, e-Sijil, sebarang Endorsemen, lampiran dan pindaan terhadapnya yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Kami.
- 1.7 **“ULANG TAHUN SIJIL”** bererti ulang tahun untuk Tarikh Permulaan.
- 1.8 **“TAHUN SIJIL”** bererti tempoh satu (1) tahun termasuk Tarikh Permulaan dan sejurus selepas tarikh tersebut. Setiap Tahun Sijil berikutnya adalah tempoh satu (1) tahun dari Ulang Tahun Sijil sehingga Ulang Tahun Sijil akan datang.
- 1.9 **“TARIKH PERMULAAN”** merujuk kepada Tarikh Permulaan, yang berkaitan dengan manfaat yang disediakan, seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil atau dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami. Walau bagaimanapun, perlindungan Anda hanya akan berkuat kuasa dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko.
- 1.10 **“CARUMAN”** bererti Caruman berkala yang akan dibayar oleh Anda di bawah Sijil Anda atau di dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami, mengikut manfaat yang diberikan, seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil.
- 1.11 **“TEMPOH BAYARAN CARUMAN”** bererti tempoh di mana Caruman perlu dibayar di bawah Sijil Anda atau di dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami, mengikut manfaat yang diberikan, seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil.

- 1.12 **“TEMPOH PERLINDUNGAN”** bererti tempoh dari Tarikh Permulaan sehingga Tarikh Tamat bagi perlindungan di bawah Sijil Anda atau di dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami, mengikut manfaat yang diberikan, seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil.
- 1.13 **“HALAMAN MAKLUMAT e-SIJIL”** dan **“e-Sijil”** bererti dokumen yang mengandungi maklumat terperinci Peserta, Orang Yang Dilindungi dan perlindungan Takaful.
- 1.14 **“ENDORSEMEN”** bererti bukti secara bertulis ke atas pindaan, variasi atau perubahan yang dilakukan ke atas Sijil Anda.
- 1.15 **“TARIKH TAMAT”** bererti Tarikh Tamat / tarikh matang, yang berkaitan dengan manfaat yang disediakan, seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil atau di dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami di mana perlindungan terhadap Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil Anda ditamatkan.
- 1.16 **“PEMBAHAGIAN DANA”** bererti pembahagian Caruman Diperuntukkan ke dalam setiap *ILF*.
- 1.17 **“CAJ PENGURUSAN DANA”** merujuk kepada caj yang dikenakan ke atas Sijil Anda untuk perkhidmatan yang diberikan oleh Kami dalam menguruskan *ILF*.
- 1.18 **“GCSE”** merujuk kepada Sijil Am Pendidikan Menengah di mana peperiksaan dan kelayakan telah ditetapkan dan ditadbir bersama oleh lima (5) lembaga peperiksaan berikut yang dinamakan sebagai *Assessment and Qualifications Alliance (AQA)*, *Oxford, Cambridge and RSA Examinations (OCR)*, *Pearson Edexcel*, *Welsh Joint Education Committee (WJEC)* dan *Council for the Curriculum, Examinations Assessment (CCEA)*.
- 1.19 **“HIBAH”** merujuk kepada pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan. Di bawah Sijil Anda, penama boleh menerima pembayaran manfaat di bawah Sijil Anda berdasarkan Hibah sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.
- 1.20 **“DANA BERKAITAN-PELABURAN”** atau **“ILF”** merujuk kepada dana yang ditubuhkan untuk tujuan pelaburan di mana tambahan caruman tunggal dan Tambahan Caruman Berkala akan dikreditkan.
- 1.21 **“JU’ALAH”** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang mencapai keputusan yang ditentukan. Di bawah Sijil Anda, Anda membenarkan Kami menerima sebahagian daripada keuntungan pelaburan yang timbul daripada AP dan sebarang lebihan yang boleh dibahagikan yang timbul daripada AKP sebagai insentif prestasi untuk pencapaian Kami dalam menguruskan AP dan AKP yang telah menghasilkan keuntungan dan lebihan.
- 1.22 **“ULANG TAHUN BULANAN”** merujuk kepada hari di dalam mana-mana bulan kalendar berikutnya di mana hari itu sepadan angkanya dengan Tarikh Permulaan. Sekiranya tiada hari di dalam bulan kalendar berikutnya yang sepadan angkanya dengan Tarikh Permulaan, Ulang Tahun Bulanan dalam bulan kalendar seterusnya adalah tarikh terakhir di dalam bulan kalendar itu.
- 1.23 **“NILAI ASET BERSIH”** atau **“NAB”** bermakna nilai bersih aset dana pelaburan ditolak liabilitinya.
- 1.24 **“PESERTA”** merujuk kepada pemilik sijil untuk Sijil ini seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil.
- 1.25 **“AKAUN PESERTA”** atau **“AP”** bererti akaun yang ditubuhkan untuk tujuan pelaburan di mana Caruman akan dikreditkan. Akaun ini dimiliki sepenuhnya oleh Anda.
- 1.26 **“AKAUN KHAS PESERTA”** atau **“AKP”** merujuk kepada dana yang ditubuhkan untuk mengumpulkan sebahagian Caruman yang dibayar oleh para peserta, melalui potongan dari AP, berdasarkan Tabarru’ bagi tujuan memenuhi tuntutan yang berkaitan dengan kejadian atau risiko yang dinyatakan di dalam Sijil ini. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh kumpulan peserta tersebut.
- 1.27 **“KEPENTINGAN TAKAFUL YANG DIBENARKAN”** bererti suatu konsep yang menerangkan perhubungan atau kepentingan di antara Anda dengan Orang Yang Dilindungi; di mana kehilangan Orang Yang Dilindungi akan mengakibatkan kerugian kewangan Anda.

- 1.28 **“ORANG YANG DILINDUNGI”** merujuk kepada Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil ini seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil.
- 1.29 **“QARD”** merujuk kepada pinjaman yang dipulangkan pada akhir tempoh yang dipersetujui tanpa sebarang faedah. Di bawah Sijil Anda, Kami meminjamkan sejumlah wang ke dalam AKP tanpa faedah jika AKP mengalami kerugian.
- 1.30 **“TAMBAHAN CARUMAN BERKALA”** bererti Caruman berkala yang akan dibayar oleh Anda seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil yang berkenaan dengan *mySaver*, jika berkenaan, atau di dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami.
- 1.31 **“TARIKH KUAT KUASA SEMULA”** bererti tarikh apabila permohonan Anda untuk kuat kuasa semula diluluskan oleh Kami.
- 1.32 **“RIDER”** bererti manfaat tambahan yang Anda boleh sertakan bersama Sijil Anda, seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil, sebarang Endorsemen atau sebarang lampiran.
- 1.33 **“TARIKH KUAT KUASA RISIKO”** bererti Tarikh Kuat Kuasa Risiko, yang berkaitan dengan manfaat yang disediakan, seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil atau di dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami, di mana risiko perlindungan Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil Anda telah berkuat kuasa.
- 1.34 **“CAJ PERKHIDMATAN”** merujuk kepada caj pentadbiran yang dikenakan bagi menguruskan Sijil Anda.
- 1.35 **“SYARIAH”** merujuk kepada undang-undang, ketetapan dan ajaran Islam. Dalam konteks Sijil Anda, “Syariah” akan merujuk kepada undang-undang, ketetapan dan ajaran Islam berkenaan dengan perniagaan dan produk Takaful.
- 1.36 **“SPM”** merujuk kepada Sijil Pelajaran Malaysia seperti yang ditetapkan dan diperiksa oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.37 **“STAM”** merujuk kepada Sijil Tinggi Agama Malaysia yang dianjurkan dan dikendalikan bersama oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.38 **“STPM”** merujuk kepada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia seperti yang ditetapkan dan diperiksa oleh Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.39 **“JUMLAH PERLINDUNGAN”** bererti amaun perlindungan yang berkaitan dengan manfaat yang diberikan dalam Sijil Anda atau di dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami.
- 1.40 **“TABARRU’”** bererti derma bagi tujuan kebajikan. Di bawah Sijil Anda, Anda mendermakan sebahagian daripada Caruman ke dalam AKP berdasarkan Tabarru’ untuk membantu peserta lain. Tabarru’ berkuat kuasa apabila Anda mencarum ke dalam AKP.
- 1.41 **“TAKAFUL”** merujuk kepada satu skim bantuan bersama yang berdasarkan prinsip persaudaraan, perpaduan dan kerjasama di mana setiap peserta bersetuju untuk menyumbang sejumlah wang, berdasarkan **Tabarru’** kepada satu dana bersama bagi memberikan bantuan kewangan yang dibayar kepada peserta, orang yang dilindungi atau benefisiari apabila berlakunya kejadian yang telah pun ditakrifkan.
- 1.42 **“KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL”** atau **“KMK”** merujuk kepada keadaan ketidakupayaan yang timbul dari mana-mana satu (1) daripada keadaan berikut:
- (i) Sekiranya Orang Yang Dilindungi bekerja, keilatan yang disebabkan oleh kecederaan atau penyakit yang mana menghalang Orang Yang Dilindungi secara menyeluruh dan kekal dari melakukan segala aktiviti normal, iaitu melibatkan diri dalam sebarang perniagaan, pekerjaan, profesion atau melaksanakan sebarang kerja, bagi mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan. Keilatan tersebut mestilah berterusan untuk tempoh enam (6) bulan dan disahkan oleh pengamal perubatan yang Kami lantik;
  - (ii) Sekiranya Orang Yang Dilindungi tidak bekerja, keilatan yang disebabkan oleh kecederaan atau penyakit yang mana memerlukan Orang Yang Dilindungi bagi sepanjang kehidupan lazim beliau seterusnya, yang akan bergantung kepada penjagaan dan perhatian perubatan yang berterusan dan pergerakan yang

- terbatas di dalam rumah, hospital atau institusi yang serupa. Keilatan tersebut mestilah berterusan untuk tempoh enam (6) bulan dan disahkan oleh pengamal perubatan yang Kami lantik; atau
- (iii) Apabila berlakunya mana-mana yang berikut kepada Orang Yang Dilindungi:
- kehilangan penglihatan menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan bagi kedua-dua belah mata; atau
  - kehilangan upaya secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan bagi dua belah sama ada kaki dan/atau tangan pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki; atau
  - kehilangan penglihatan secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan bagi sebelah mata dan kehilangan upaya bagi sebelah kaki atau tangan pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki.

Bagi mengelakkan keraguan, Orang Yang Dilindungi dianggap “Bekerja” sekiranya beliau bekerja untuk orang lain atau bekerja sendiri sama ada sepenuh masa atau separuh masa, bagi mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan. Selain itu, mana-mana Orang Yang Dilindungi yang umurnya pada hari lahir akan datang, pada tarikh berlakunya KMK adalah dibawah lapan belas (18) tahun akan dianggap sebagai Orang Yang Dilindungi yang tidak bekerja.

- 1.43 **“JUMLAH NILAI AKAUN”** bererti nilai agregat bagi semua unit yang diperuntukkan kepada *ILF* untuk Sijil ini.
- 1.44 **“HARGA UNIT”** bererti harga satu (1) unit *ILF* pada hari tertentu yang ditentukan oleh Kami, yang muktamad dan terikat dengan Anda.
- 1.45 **“TARIKH PENILAIAN”** bererti tarikh di mana Kami melakukan penilaian unit untuk menentukan Harga Unit bagi *ILF*. Ia akan dilakukan pada Hari Perniagaan di ibu pejabat Kami.
- 1.46 **“WAKALAH”** merujuk kepada satu kontrak di mana suatu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain sebagai wakilnya untuk menjalankan tugas tertentu mengenai hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran. Di bawah Sijil Anda, Anda memberi kuasa kepada Kami untuk menguruskan AP, AKP dan *ILF* berdasarkan Wakalah dan sebagai balasan, Kami akan menerima yuran Wakalah dan Caj Pengurusan Dana.
- 1.47 **“KAMI”** merujuk kepada Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad.
- 1.48 **“ANDA”** bererti Peserta seperti yang dinamakan di dalam e-Sijil dan kepada siapa Sijil ini dikeluarkan. Bagi mengelakkan keraguan, Peserta juga boleh menjadi Orang Yang Dilindungi.

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Anda akan membayar Caruman yang dinyatakan di dalam e-Sijil atau dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk tarikh Caruman akhir dibayar.

Semua Caruman hendaklah dibayar terlebih dahulu pada tarikh patut dibayar berdasarkan Jumlah Perlindungan, Umur Kemasukan dan jantina Orang Yang Dilindungi sepanjang Tempoh Perlindungan Sijil ini. Caruman tambahan akan dikenakan berdasarkan pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang dihantar kepada Anda.

Caruman yang dibayar akan dikredit ke dalam AP. Selepas itu, yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.3 dan Klausula 2.4 di bawah, akan ditolak berdasarkan kepada terma dan syarat Sijil Anda.

### 2.2 TAMBAHAN CARUMAN TUNGGAL

Tambahan caruman tunggal dibenarkan selepas lima belas (15) hari dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko sehingga akhir Tempoh Perlindungan tertakluk kepada amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM 500) untuk setiap transaksi atau amaun minimum yang ditetapkan oleh Kami dari semasa ke semasa. Bayaran tambahan caruman tunggal tidak akan menambah Jumlah Perlindungan.

### 2.2.1 CARUMAN DIPERUNTUKKAN

Bahagian dari tambahan caruman tunggal ini akan digunakan bagi pembelian unit di dalam *ILF*, di mana bilangan unit yang akan dikreditkan akan ditentukan dengan merujuk kepada **Harga Unit** yang dikira pada hari tambahan caruman tunggal dibayar.

## 2.3 YURAN DAN CAJ

### 2.3.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Sijil Anda adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda. Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Caruman atau tambahan caruman tunggal.

### 2.3.2 CAJ PERKHIDMATAN

Caj Perkhidmatan bulanan akan ditolak secara bulanan daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, pada setiap Ulang Tahun Bulanan Sijil ini, sepanjang Tempoh Perlindungan. Caj Perkhidmatan di bawah Sijil Asas ini adalah Ringgit Malaysia Lima (RM5) setiap bulan.

### 2.3.3 CAJ PENGURUSAN DANA

Caj Pengurusan Dana akan dikenakan terhadap setiap *ILF* seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Dana Berkaitan-Pelaburan Ianya akan ditolak pada setiap Tarikh Penilaian dan akan ditunjukkan di dalam Harga Unit.

## 2.4 TABARRU'

2.4.1 Pengiraan Tabarru' bulanan akan berdasarkan:

- a) Jumlah Perlindungan; dan
- b) kadar Tabarru' pada Umur Dicapai dan jantina Orang Yang Dilindungi.

2.4.2 Sekiranya Orang Yang Dilindungi terjejas dari segi kesihatan dan/atau terlibat di dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, tambahan Tabarru' mungkin dikenakan tertakluk kepada keputusan underait Kami.

2.4.3 Amaun Tabarru' akan ditolak secara bulanan bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk Ulang Tahun Bulanan sebaik sebelum Tarikh Tamat.

2.4.4 Tabarru' akan terus dipotong daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, ke dalam AKP tanpa mengambil kira sama ada Anda telah membuat Caruman seterusnya atau tidak.

2.4.5 Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin. Kami mungkin mengubah kadar Tabarru' pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar Tabarru' baru akan diguna pakai ke atas semua Orang Yang Dilindungi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

Semua yuran, caj dan Tabarru' di atas adalah tidak dijamin. Sekiranya ada perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Yuran, caj dan Tabarru' baru hanya akan dikenakan pada Ulang Tahun Sijil akan datang.

## DESKRIPSI DANA BERKAITAN PELABURAN

### 3.1 DANA BERKAITAN PELABURAN

3.1.1 *ILF* yang ditubuhkan oleh Kami adalah seperti di dalam Jadual Dana Berkaitan-Pelaburan Sijil ini.

3.1.2 Anda boleh memilih lebih dari satu (1) *ILF* untuk pelaburan Anda di bawah Sijil ini.

3.1.3 *ILF* baru boleh ditubuhkan oleh Kami dari semasa ke semasa di mana peruntukan di dalam Sijil ini akan digunakan (melainkan ianya tidak sesuai) untuk dana baru ini. Anda boleh menambah beberapa atau semua dana ini ke dalam portfolio pelaburan Anda bagi Sijil ini tertakluk kepada terma dan syarat yang akan ditentukan oleh Kami.



### 3.2 PELABURAN DANA

- 3.2.1 Pemilihan portfolio pelaburan setiap *ILF* adalah berdasarkan strategi objektif dana.
- 3.2.2 Kami boleh mewakili semua atau mana-mana kuasa budi bicara dan pelaburan Kami kepada mana-mana individu atau organisasi pengurusan dana mengikut terma yang Kami anggap sesuai.
- 3.2.3 Kami akan melaburkan *ILF* mengikut ketetapan Syariah.

### 3.3 PENILAIAN DANA BERKAITAN-PELABURAN

Bagi tujuan Sijil ini, pengiraan NAB untuk *ILF* adalah seperti berikut:

- 3.3.1 amaun di mana pada pendapat Kami selepas memperolehi nasihat bebas yang dianggap sesuai, pelaburan *ILF* tersebut boleh dilaksanakan di pasaran terbuka pada Tarikh Penilaian dengan merujuk kepada harga urusian pasaran yang bersesuaian di bursa saham yang diiktiraf dan dipilih oleh Kami ditambah dengan perbelanjaan yang bakal ditanggung, ditambah;
- 3.3.2 sehubungan dengan kepentingan dalam bentuk harta tanah dan sekuriti lain atau harta pelbagai jenis yang dipegang dalam *ILF*, jumlah di mana pada pendapat Kami selepas memperolehi nasihat bebas yang dianggap sesuai, adalah nilai kepentingan tersebut pada Tarikh Penilaian ditambah perbelanjaan yang bakal ditanggung sekiranya kepentingan tersebut dilaksanakan pada hari tersebut, ditambah;
- 3.3.3 jumlah tunai dipegang yang tidak dilaburkan dalam *ILF* pada Tarikh Penilaian, ditolak;
- 3.3.4 jumlah (sekiranya ada) yang Kami akan tentukan pada Tarikh Penilaian dan akan dianggap sebagai liabiliti *ILF*, ditolak;
- 3.3.5 jumlah yang pada pendapat Kami adalah mencukupi dan adil untuk kos penilaian sebarang kepentingan dalam bentuk harta tanah yang terkandung dalam *ILF* dan perbelanjaan dan pengeluaran lain yang boleh dikaitkan kepada kepentingan tersebut, ditolak; dan
- 3.3.6 Caj Perkhidmatan Dana.

### 3.4 PEMOTONGAN DANA

Potongan akan dibuat dari Jumlah Nilai Akaun di mana jumlahnya dianggap sesuai oleh Kami sepenuhnya, sebagai elaun yang patut dibayar untuk sebarang levi, cukai, duti atau sebarang caj lain dalam apa jua bentuk yang timbul di mana ianya menjadi tanggungan *ILF*.

Unit yang didebitkan akan ditentukan dengan merujuk kepada Harga Unit yang dikira pada Tarikh Penilaian sejurus selepas tarikh kelulusan apabila keadaan itu direalisasikan.

### 3.5 UNIT

#### 3.5.1 PERUNTUKAN UNIT

Setiap *ILF* dibahagikan kepada unit yang sama nilai. Unit diperuntukkan kepada Anda bergantung kepada jumlah Caruman Diperuntukkan berkenaan dengan tahun caruman, Pembahagian Dana; iaitu pembahagian Caruman Diperuntukkan ke dalam setiap *ILF* dan mengikut Harga Unit semasa. Peruntukan ini boleh dilakukan sehingga ke 1/10000 unit atau pecahan lain yang akan ditentukan oleh Kami.

#### 3.5.2 PENGIRAAN HARGA UNIT

Kami akan menilai setiap *ILF* pada setiap Hari Perniagaan untuk penentuan Harga Unit. Harga Unit pada mana-mana Tarikh Penilaian *ILF* tersebut akan diperolehi dengan membahagikan NAB pada Hari Perniagaan sebelum Tarikh Penilaian dengan bilangan unit terbitan *ILF* tersebut.

#### 3.5.3 PENCIPTAAN UNIT

- 3.5.3.1 Unit-unit dalam mana-mana *ILF* hanya boleh dicipta sekiranya ia ditambah kepada aset *ILF* yang nilainya bersamaan dengan nilai unit yang dicipta.
- 3.5.3.2 Sekiranya permohonan untuk penciptaan unit dan tambahan caruman tunggal atau Tambahan Caruman Berkala, jika berkenaan, diterima, disetujui dan diluluskan oleh Kami di ibu pejabat

Kami, bilangan unit yang dicipta akan ditentukan dengan merujuk kepada Harga Unit pada Tarikh Penilaian yang akan datang.

### 3.5.4 PEMBATALAN UNIT

- 3.5.4.1 Unit dalam mana-mana *ILF* hanya boleh dibatalkan sekiranya ada pengeluaran dari aset *ILF* yang nilainya bersamaan dengan nilai unit yang dibatalkan.
- 3.5.4.2 Sekiranya permohonan pembatalan unit diterima, disetujui dan diluluskan oleh Kami di ibu pejabat Kami, bilangan unit yang dibatalkan akan ditentukan dengan merujuk kepada Harga Unit pada Tarikh Penilaian sejurus selepas tarikh kelulusan pembatalan.

## KEJADIAN DI MANA MANFAAT AKAN DIBAYAR

Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, Kami akan membayar manfaat berikut, apabila berlakunya mana yang berikut sebelum Tarikh Tamat:

### 4.1 MANFAAT KEMATIAN

Apabila berlakunya kematian ke atas Orang Yang Dilindungi, Kami akan membayar:

- 4.1.1 Manfaat Perbelanjaan Kematian Dipercepatkan (PKD) iaitu sepuluh peratus (10%) dari Jumlah Perlindungan, sehingga Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) sejurus selepas menerima notis pemberitahuan kematian; dan
- 4.1.2 jumlah sekaligus bersamaan dengan baki Jumlah Perlindungan, selepas menolak bayaran manfaat PKD; dan
- 4.1.3 jumlah di dalam AP dan Jumlah Nilai Akaun, jika ada.

Dengan syarat:

- (a) Kami menerima notis pemberitahuan kematian disertakan dengan bukti dokumen kematian Orang Yang Dilindungi;
- (b) jika Orang Yang Dilindungi meninggal dunia sebelum Ulang Tahun Sijil di mana dia mencapai umur lima (5) tahun pada hari lahir akan datang, Jumlah Perlindungan akan berkurang mengikut jadual di bawah, berdasarkan umurnya pada hari lahir akan datang:

Umur Hari Lahir Akan Datang Pada Tarikh Kematian	Jumlah Manfaat Baru (Peratusan (%) Jumlah Perlindungan)
Satu (1)	20
Dua (2)	40
Tiga (3)	60
Empat (4)	80
Lima (5) dan ke atas	100

; dan

- (c) selepas pembayaran penuh jumlah manfaat baru seperti jadual di atas, Sijil ini akan ditamatkan secara automatik.

### 4.2 MANFAAT KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL (KMK)

Sekiranya berlaku KMK ke atas Orang Yang Dilindungi sebelum Ulang Tahun Sijil di mana dia mencapai umur tujuh puluh (70) tahun pada hari lahir akan datang, Kami akan membayar:

- 4.2.1 Jumlah Perlindungan, tertakluk kepada had maksimum Ringgit Malaysia Lapan Juta (RM 8,000,000) di bawah produk ini dan semua perlindungan KMK di bawah produk lain, yang melindungi Orang Yang Dilindungi yang sama; dan

4.2.2 jumlah AP dan Jumlah Nilai Akaun, jika ada, berikutan tarikh kelulusan tuntutan KMK.

Dengan syarat :

- (a) Kami menerima bukti KMK yang memuaskan terhadap Orang Yang Dilindungi;
- (b) jika KMK Orang Yang Dilindungi berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil di mana dia mencapai umur lima (5) tahun pada hari lahir akan datang, Jumlah Perlindungan akan berkurang mengikut jadual di bawah, berdasarkan umurnya pada hari lahir akan datang:

Umur Hari Lahir Akan Datang Pada Tarikh Berlakunya KMK	Jumlah Manfaat Baru (Peratus (%) Jumlah Perlindungan)
Satu (1)	20
Dua (2)	40
Tiga (3)	60
Empat (4)	80
Lima (5) dan ke atas	100

; dan

- (c) selepas pembayaran penuh jumlah manfaat baru seperti jadual di atas, Sijil ini akan ditamatkan secara automatik.

### 4.3 MANFAAT GANJARAN KECEMERLANGAN PENDIDIKAN

Kami akan membayar Manfaat Ganjaran Kecemerlangan Pendidikan mengikut pencapaian di dalam peperiksaan yang diambil oleh Orang Yang Dilindungi mengikut jadual di bawah:

Jenis Peperiksaan	SPM / GCSE	STPM	STAM	A-Level
<u>Kepujian Minimum yang Diperlukan</u> Gred bersamaan dengan "Mumtaz", "Gred A-", "Gred A", "Gred A+" atau "Gred A**"	Sekurang-kurangnya tujuh (7) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan	Sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan	Sekurang-kurangnya tujuh (7) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan	Sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran dengan kepujian minimum yang diperlukan
Ganjaran setiap Kepujian	RM125			

Dengan syarat:

- 4.3.1 salah satu Rider di bawah disertakan bersama Sijil Anda pada permulaan;
  - 4.3.1.1 *myPayor*; atau
  - 4.3.1.2 *myPayor Plus*;
- 4.3.2 Sijil Anda mesti berkuat kuasa untuk satu (1) tahun atau lebih seperti yang ditetapkan dari Tarikh Permulaan sehingga tarikh Orang Yang Dilindungi menduduki kertas pertama bagi sebarang Jenis Peperiksaan (selepas ini dirujuk sebagai "Tarikh Kelayakan");
- 4.3.3 semua Caruman yang patut dibayar di bawah Sijil Anda dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk tarikh akhir sejeurus sebelum atau pada Tarikh Kelayakan dibayar sepenuhnya; dan
- 4.3.4 jika Manfaat Ganjaran Kecemerlangan Pendidikan telah dibayar kepada Orang Yang Dilindungi di bawah sebarang Jenis Peperiksaan, Orang Yang Dilindungi yang sama tidak akan layak lagi untuk menerima Manfaat Ganjaran Kecemerlangan Pendidikan di bawah Jenis Peperiksaan yang sama.



#### 4.4 MANFAAT KEMATANGAN

Pada akhir Tarikh Tamat, sebarang baki di dalam AP dan Jumlah Nilai Akaun akan dibayar.

Sebelum membayar sebarang manfaat di atas seperti yang dinyatakan di bawah Klausa 4.1, 4.2 dan 4.4, sebarang amaun hutang pada Sijil Anda mestilah ditolak daripada jumlah tuntutan dibayar.

Manfaat kematian, KMK dan Manfaat Ganjaran Kecemerlangan Pendidikan akan dibayar daripada AKP.

### PENGECUALIAN

#### 5.1 KEMATIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Sijil Anda untuk kematian Orang Yang Dilindungi yang disebabkan oleh bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula, mana yang terkemudian.

#### 5.2 MANFAAT KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL (KMK)

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Sijil Anda untuk KMK Orang Yang Dilindungi:

- 5.2.1 yang telah wujud sebelum atau pada Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Sijil Anda, mana yang terkemudian;
- 5.2.2 secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau disebabkan oleh mana Keadaan Sedia Ada di mana KMK berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan yang pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Sijil Anda, mana yang terkemudian; atau
- 5.2.3 yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada mana sebab berikut:
  - 5.2.3.1 cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
  - 5.2.3.2 penerbangan, peluncuran, atau sebarang jenis penerbangan di udara selain juruterbang, anak kapal atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
  - 5.2.3.3 peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;
  - 5.2.3.4 sebarang pelanggaran undang-undang atau sebarang aktiviti jenayah atau pengganas yang dilakukan, cuba dilakukan atau diprovokasi oleh Orang Yang Dilindungi; atau
  - 5.2.3.5 semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda; atau
  - 5.2.3.6 Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

Keadaan Sedia Ada bermaksud sebarang Kecederaan atau penyakit:

- i. Yang wujud atau telah mengalami gejala;
- ii. Di mana wujudnya manifestasi penyakit, yang Anda atau Orang Yang Dilindungi sedar atau sepatutnya sedar;
- iii. Berdasarkan perkembangan patologi penyakit yang diterima secara perubatan, penyakit tersebut telah wujud; atau
- iv. Di mana Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan, diagnosis, perundingan atau ubat-ubatan yang ditetapkan; dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari sebelum Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Sijil Anda, termasuk keadaan yang tidak diketahui dan /atau dimaklumkan kepada Kami.

## PERUNTUKAN AM

### 6.1 KONTRAK

Sijil ini bersama dengan penyertaan Anda / borang cadangan dan deklarasasi yang telah dihantar kepada Kami untuk menyertai di dalam pelan ini akan membentuk keseluruhan kontrak di antara Anda dan Kami. Semua pernyataan yang dikemukakan akan dianggap sebagai representasi dan bukannya jaminan.

Sekiranya terdapat pindaan yang perlu ke atas Sijil Anda, ianya hendaklah diluluskan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Kami.

### 6.2 TEMPOH PERLINDUNGAN

Perlindungan di bawah Sijil Anda akan bermula daripada Tarikh Permulaan dan berakhir pada Tarikh Tamat dengan syarat ia tidak ditamatkan mengikut Klausula 6.27, "Penamatan Sijil Anda" di bawah. Sijil Anda tertakluk kepada pembayaran Caruman mengikut kadar yang berkuat kuasa pada masa itu seperti yang diberitahu oleh Kami.

### 6.3 KAWASAN GEOGRAFI

Semua manfaat yang dinyatakan dalam Sijil Anda berkuat kuasa di seluruh dunia, dua-puluh-empat (24) jam sehari, melainkan telah dinyatakan secara spesifik di dalam mana-mana Endorsemen atau sebarang lampiran.

### 6.4 SALAH NYATA UMUR

Sekiranya umur Orang Yang Dilindungi telah dinyatakan kurang/lebih daripada umur yang sebenar, ianya akan dikendalikan mengikut Jadual 8 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Pelarasan akan dibuat terhadap dana yang berkaitan untuk menunjukkan yuran Wakalah, jumlah Tabarru' dan lebihan diperuntukkan yang baharu.

Sekiranya pada umur sebenar, Orang Yang Dilindungi tidak layak untuk dilindungi di bawah Sijil ini, liabiliti Kami adalah terhad kepada jumlah yang sama dengan Caruman yang telah dibayar. Sekiranya *mySaver* dilampirkan bersama Sijil Anda, Kami akan memulangkan kepada Anda yang berikut:

6.4.1 yuran Wakalah;

6.4.2 jumlah unit yang telah diperuntukkan (sekiranya ada) pada Harga Unit pada Tarikh Penilaian berikutnya bergantung kepada tarikh tuntutan; dan

6.4.3 jumlah unit yang telah ditolak untuk membayar Tabarru' dan Caj Perkhidmatan;

tolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan kesihatan yang ditanggung berkaitan dengan pengeluaran Sijil Anda.

### 6.5 SALAH NYATA JANTINA

Sekiranya jantina Orang Yang Dilindungi telah dinyatakan dengan salah, pelarasan akan dibuat dalam dana yang berkaitan untuk menunjukkan yuran Wakalah, jumlah Tabarru' dan lebihan diperuntukkan yang baharu.

### 6.6 PENGURUSAN DANA

Berdasarkan kebenaran yang diberikan kepada Kami oleh Anda dan para peserta yang lain, Kami akan menguruskan AP, AKP dan *ILF* mengikut Syariah dan dengan cara yang dapat memelihara kepentingan para peserta. Kami mempunyai budi bicara untuk melakukan apa-apa tindakan yang dianggap perlu untuk faedah para peserta dan dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada melaburkan dana dan mendapatkan takaful semula yang mencukupi, tertakluk kepada keperluan Syariah dan kawal selia.

### 6.7 KEUNTUNGAN PELABURAN AP

Sebarang keuntungan hasil pelaburan AP, selepas ditolak insentif prestasi sebanyak lima belas peratus (15%), akan dikumpul di dalam AP dan amaun tersebut akan dibayar apabila berlaku tuntutan, kematangan atau serahan. Kami akan menerima insentif prestasi berdasarkan Ju'alah.

Amaun prinsipal yang diletakkan ke dalam AP dan keuntungan hasil pelaburan AP adalah tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar.

## 6.8 PENGAGIHAN LEBIHAN

Lima puluh peratus (50%) daripada lebihan yang boleh diagihkan dari AKP yang ditentukan oleh Kami akan diagihkan kepada peserta yang layak dan akan dikreditkan ke dalam AP. Kami akan menerima lima puluh peratus (50%) daripada lebihan yang boleh diagihkan sebagai insentif prestasi berdasarkan Ju'alah.

Lebihan daripada PSA adalah tidak dijamin dan berdasarkan pengalaman tuntutan sebenar Kami dan akan digunakan terlebih dahulu untuk menyelesaikan Qard yang terhutang kepada Kami.

## 6.9 REKTIFIKASI DEFISIT & KERUGIAN

Sekiranya AKP mengalami defisit, Kami akan memberikan pinjaman tanpa faedah kepada AKP berdasarkan Qard untuk memperbaiki defisit tersebut. Kami tidak akan memberikan pinjaman sekiranya AP dan/atau ILF mengalami defisit atau kerugian.

Sebarang keuntungan daripada pinjaman akan dimiliki oleh AKP (kumpulan peserta) dan pinjaman akan dibayar apabila AKP kembali ke kedudukan lebihan. Kami mungkin mengetepikan hak Kami untuk menerima pembayaran balik pinjaman.

Sekiranya AP dan AKP mengalami defisit atau mengalami kerugian akibat salah urus atau kecuaiannya Kami, Kami akan melakukan pemindahan secara langsung untuk memperbaiki defisit atau kerugian tersebut.

## 6.10 BAYARAN UNTUK AMAUN KECIL

Untuk sebarang amaun yang patut dibayar dan yang akan dibayar kepada Anda kerana bayaran balik / serahan / matang / penamatan / tuntutan yang akan dibayar menggunakan cara pembayaran selain daripada secara elektronik, bayaran tersebut akan hanya dibuat sekiranya amaun yang patut dibayar dan yang akan dibayar berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) atau lebih. Untuk sebarang amaun yang kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Kami akan mendermakannya untuk amal kebajikan seperti yang diluluskan oleh Kami.

## 6.11 MATAWANG BAYARAN

Semua bayaran di bawah Sijil Anda harus menggunakan matawang sah Malaysia.

## 6.12 NOTIS

Segala surat-menyurat, notis, permintaan atau arahan yang diperlukan oleh Kami mestilah secara bertulis melalui media elektronik atau secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir Anda yang berada dalam rekod Kami.

## 6.13 PINDAAN

Kami berhak untuk meminda terma dan peruntukan bagi Sijil Anda dengan memberikan Anda notis bertulis tiga puluh (30) hari lebih awal. Pindaan sedemikian hanya akan terpakai dari Ulang Tahun Sijil berikutnya sebaik sahaja selepas tamat tempoh notis bertulis awal tiga puluh (30) hari.

Sekiranya suatu permohonan adalah diperlukan untuk perubahan pada Sijil Anda, Kami haruslah dimaklumkan tentang sebarang perubahan pada jawapan Anda atau sebarang perkara yang sebelum ini telah didedahkan di dalam permohonan Anda yang telah dihantar sebelum Sijil Anda diubah.

Pindaan kepada Sijil Anda tidak sah kecuali ianya diluluskan, disokong dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Kami.

#### 6.14 BUKTI KEPENTINGAN TAKAFUL YANG DIBENARKAN

Kami memerlukan bukti yang memuaskan untuk Kepentingan Takaful Yang Dibenarkan antara Anda dan Orang Yang Dilindungi sebelum seseorang diterima untuk perlindungan Takaful dan apabila manfaat dibayar.

#### 6.15 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

6.15.1 Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam Klausula 5.1, Klausula 5.2 dan Klausula 6.15.2 atau peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, kesahihan Sijil Anda tidak dapat dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko.

6.15.2 Sekiranya Sijil Anda telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang dibuat atau yang belum dibuat;

6.15.2.1 dalam peringkat cadangan;

6.15.2.2 dalam laporan pengadil doktor, atau orang lain; atau

6.15.2.3 dalam dokumen yang membawa kepada penerbitan Sijil Anda,

yang mana ianya tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara material atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (dinyatakan dalam Klausula 6.15.3) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.

6.15.3 Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami, akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

#### 6.16 SALAH NYATA / FRAUD

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Sijil Anda telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

6.16.1 Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;

6.16.2 perubahan kepada terma Sijil Anda;

6.16.3 perubahan dalam amaun Caruman; atau

6.16.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

#### 6.17 PERTUKARAN RISIKO

Anda hendaklah memberitahu Kami tentang sebarang pertukaran terhadap pekerjaan, perniagaan, tugas atau usaha Orang Yang Dilindungi, dan membayar sebarang tambahan Caruman yang mungkin Kami perlukan. Pemberitahuan tersebut akan berkuat kuasa hanya pada Ulang Tahun Sijil seterusnya dengan syarat pertukaran risiko tersebut telah diluluskan oleh Kami. Di mana pekerjaan Orang Yang Dilindungi telah bertukar kepada kelas yang lebih tinggi tetapi pertukaran tersebut tidak diberitahu kepada Kami sehingga tuntutan telah dibuat, Kami berhak untuk mengubah tuntutan dengan sewajarnya.

#### 6.18 PERKHIDMATAN SIJIL

Perubahan kewangan terhadap Sijil Anda, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

6.18.1 Penambahan / pengurangan Jumlah Perlindungan;

6.18.2 Penambahan / pembuangan Rider;

6.18.3 Pertukaran tarikh lahir;

6.18.4 Pertukaran mod Caruman; atau

6.18.5 Pertukaran pekerjaan.

Anda boleh membuat permohonan untuk sebarang pertukaran di atas kepada Kami. Bukti kesihatan yang memuaskan bagi Peserta dan Orang Yang Dilindungi, mana yang berkenaan, termasuk bayaran tambahan

Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permohonan untuk sebarang pertukaran di atas terhadap Sijil Anda. Jika bukti kesihatan terbukti tidak memuaskan, Kami mempunyai hak untuk membuat tawaran balas atau menolak permohonan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

### 6.19 PERTUKARAN

Anda boleh membuat permohonan kepada Kami untuk membatalkan unit di dalam *ILF* dan dengan nilai unit yang dibatalkan untuk membeli unit dalam mana *ILF* lain atau sebarang *ILF* baharu yang lain yang telah ditubuhkan oleh Kami. Harga Unit yang relevan akan digunakan di dalam pengiraan. Amaun minimum yang harus dijual untuk membeli unit di dalam *ILF* yang lain adalah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000).

Bilangan unit yang perlu dikreditkan ke dalam *ILF* akan ditetapkan mengikut Harga Unit yang dikira pada Tarikh Penilaian sejurus selepas tarikh kelulusan permohonan tersebut.

### 6.20 PENGELUARAN SEBAHAGIAN

Anda boleh membuat permohonan untuk mengeluarkan amaun daripada *ILF*, tertakluk kepada syarat berikut:

- 6.20.1 pengeluaran boleh dilakukan pada bila-bila masa dan amaun pengeluaran mestilah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500), dalam gandaan Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10); dan
- 6.20.2 tiada keperluan minimum bagi amaun yang tinggal di dalam *ILF* selepas pengeluaran.

Kami berhak untuk menyemak had dalam Klausula 6.20.1 dan Klausula 6.20.2 dari semasa ke semasa, dan Anda boleh menyemak dengan Kami mengenai had yang berkenaan sebelum mengemukakan permohonan tersebut kepada Kami.

### 6.21 PENYERAHAN HAK

Anda tidak boleh membuat penyerahan hak Anda di dalam Sijil Anda yang menjejaskan Kami melainkan notis bertulis telah diberikan kepada Kami. Semua penyerahan hak adalah tertakluk kepada sebarang jumlah yang terhutang di bawah Sijil Anda. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas kesahihan sebarang penyerahan hak atau caj dengan hanya mengakui notis itu.

### 6.22 PERUNTUKAN TANPA LUPUT

Caruman yang dibayar oleh Anda dalam tempoh lima (5) tahun pertama Tempoh Caruman ("Tempoh Permulaan") mungkin tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan Caj Perkhidmatan ("Caj") untuk tempoh masa tertentu pada Tempoh Permulaan. Caj tertunggak untuk tempoh masa ini akan dikumpul. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak akan menyebabkan Sijil Anda luput ketika Tempoh Permulaan dengan syarat Anda sentiasa membayar Caruman Anda dengan sepenuhnya dan bayaran Caruman adalah terkini ketika Tempoh Permulaan. Jika tidak, Peruntukan Tanpa Luput seperti yang dinyatakan di dalam klausula ini tidak boleh diguna pakai lagi, dan Sijil ini akan luput mengikut Klausula 6.23 di bawah.

Caj tertunggak seterusnya akan ditolak;

- 6.22.1 dari AP Anda; atau
- 6.22.2 dari sebarang jumlah bayaran yang perlu dibayar kepada Anda di bawah Sijil ini disebabkan bayaran balik / serahan / penamatan / tuntutan.

### 6.23 LUPUT

Sekiranya pada Ulang Tahun Bulanan, AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, tidak mencukupi untuk membayar jumlah penuh bulanan Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, jumlah baki AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, baki masih akan ditolak dan Sijil Anda akan tetap diteruskan untuk tempoh yang ditentukan secara pro-rata ditambah dengan tempoh tangguh tiga puluh (30) hari. Sijil Anda seterusnya akan luput dan perlindungan Orang Yang Dilindungi akan ditamatkan.

## 6.24 KUAT KUASA SEMULA

Sekiranya Sijil Anda luput, Anda boleh memohon untuk kuat kuasa semula dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh luput Sijil Anda. Bagi mengelakkan keraguan, apabila Kami meluluskan permohonan kuat kuasa tersebut, Kami hanya akan melindungi Orang Yang Dilindungi bagi sebarang keadaan yang dilindungi yang berlaku selepas Tarikh Kuat Kuasa Semula, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Anda .

Kelulusan kuat kuasa semula adalah tertakluk kepada penerimaan oleh Kami seperti berikut:

- 6.24.1 Permohonan untuk kuat kuasa semula;
- 6.24.2 Sebarang jumlah Caruman yang tertunggak yang ditentukan oleh Kami; dan
- 6.24.3 Bukti kesihatan Orang Yang Dilindungi yang memenuhi syarat Kami.

Tarikh kuat kuasa untuk kuat kuasa semula akan ditentukan oleh Kami.

## 6.25 SERAHAN

Anda boleh memohon untuk membuat serahan Sijil Anda kepada Kami untuk menguat kuasakan pembatalan itu dengan sewajarnya. Anda layak untuk mendapat AP dan Jumlah Nilai Akaun dan perlindungan Orang Yang Dilindungi akan terhenti.

## 6.26 HAK KAMI

- 6.26.1 Kami mempunyai hak untuk menangguhkan pembelian atau pengeluaran unit dari mana-mana *ILF* untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan pembelian atau penebusan.
- 6.26.2 Tertakluk kepada sekurang-kurangnya tiga (3) bulan notis bertulis, Kami boleh:
  - 6.26.2.1 mengeluarkan atau menutup sebarang *ILF* atau berhenti untuk membenarkan peruntukan tambahan caruman tunggal atau Tambahan Caruman Berkala, jika berkenaan, ke dalamnya atau untuk memindahkan aset ke dana baru yang mempunyai objektif pelaburan yang serupa. Sekiranya Anda mempunyai sebarang unit di dalam *ILF* tersebut, Anda boleh menebus atau memindah unit tersebut kepada *ILF* yang lain. Kami akan menentukan mengikut budi bicara Kami sepenuhnya untuk memindahkan unit selebihnya di dalam *ILF* tersebut ke dalam *ILF* yang lain sekiranya tiada arahan diberikan kepada Kami dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Kami;
  - 6.26.2.2 mengubah nama mana-mana *ILF*;
  - 6.26.2.3 memisahkan atau menggabungkan unit dalam mana *ILF* yang sedia ada; atau
  - 6.26.2.4 membuat sebarang perubahan yang perlu dilakukan disebabkan oleh peraturan pengawal selia dan/atau perubahan perundangan, pengubahsuaian berkanun yang boleh digubal dari semasa ke semasa.
- 6.26.3 Tanpa sebarang notis awal, Kami boleh memilih untuk:
  - 6.26.3.1 menghentikan sementara penetapan harga unit dan transaksi tambahan caruman tunggal atau Tambahan Caruman Berkala, jika berkenaan, sekiranya perdagangan di bursa di mana *ILF* dilaburkan dihentikan sementara; atau
  - 6.26.3.2 mengembalikan wang yang telah dicarumkan ke dalam dana baru selepas tempoh tawaran awalnya beserta keuntungan (sekiranya ada), sekiranya saiz minimum dana yang diperlukan tidak tercapai.

## 6.27 PENAMATAN SIJIL ANDA

Sijil Anda akan ditamatkan secara automatik;

- 6.27.1 apabila bayaran serahan dibuat;
  - 6.27.2 apabila Sijil Anda luput;
  - 6.27.3 apabila kematian Orang Yang Dilindungi;
  - 6.27.4 apabila tuntutan KMK Orang Yang Dilindungi diluluskan; atau
  - 6.27.5 apabila Sijil Anda matang pada Tarikh Tamat;
- dan Kami tidak akan mengembalikan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Caruman diterima oleh Kami selepas penamatan Sijil Anda tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti tetapi Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.



## 6.28 PENGECUALIAN SEKATAN

Kami tidak akan dianggap memberikan perlindungan atau bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau manfaat yang terkandung di dalam Sijil Anda sehinggakan peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada:

- 6.28.1 sebarang sekatan atau larangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- 6.28.2 sekatan dagangan dan ekonomi, undang-undang atau peraturan:
  - 6.28.2.1 Kesatuan Eropah;
  - 6.28.2.2 United Kingdom;
  - 6.28.2.3 Amerika Syarikat; atau
- 6.28.3 sebarang undang-undang dan peraturan tempatan yang lain.

Kami boleh menamatkan Sijil Anda dengan serta-merta dan tidak akan diminta untuk menjalankan sebarang urusan niaga perniagaan dengan Anda selepas itu berhubungan dengan Sijil Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat atau menerima sebarang pembayaran di bawah Sijil Anda.

## 6.29 HAK UNTUK PENAMATAN DISEBABKAN OLEH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

Sekiranya Kami mengetahui, atau mempunyai kecurigaan yang wajar, bahawa Sijil Anda dieksploitasi untuk aktiviti pengubahan wang haram atau membiayai keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil Anda dengan segera. Kami akan menguruskan semua Caruman yang telah dibayar dan semua manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan Sijil Anda dengan cara yang Kami fikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

## 6.30 TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti akan dibawa untuk menuntut atas Sijil Anda sebelum tamatnya enam puluh (60) hari selepas bukti kehilangan bertulis telah diberikan mengikut keperluan Sijil Anda. Sekiranya Anda / Orang Yang Dilindungi / penama Anda / wasi atau pentadbir harta pusaka Anda yang sah gagal mengemukakan bukti kehilangan yang diperlukan seperti yang ditetapkan dalam terma dan syarat Sijil Anda, beliau boleh, dalam tempoh tempoh satu (1) tahun kalendar dari masa bukti bertulis kehilangan itu harus dilengkapkan, menyerahkan bukti kehilangan yang berkaitan kepada Kami dengan sebab munasabah mengenai kegagalan memenuhi terma dan syarat Sijil Anda. Penerimaan bukti kehilangan tersebut bergantung kepada budi bicara Kami sepenuhnya. Selepas tamat tempoh tempoh, Kami tidak akan menerima, dengan alasan apa pun, bukti kehilangan bertulis.

## 6.31 CUKAI

Kami berhak untuk memungut sebarang cukai yang dibenarkan di bawah Undang-Undang Malaysia. Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad pada cukai jualan dan perkhidmatan dan / atau mana-mana bentuk cukai jualan atau cukai penggunaan lain yang sedang berkuatkuasa atau dilaksanakan selepas tarikh Sijil Anda akan dicaj mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Cukai berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada Caruman yang berkenaan dan caj lain.

## 6.32 AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Anda boleh membuat pertanyaan atau meminta akses atau melakukan pembetulan Data Peribadi Anda/ Orang Yang Dilindungi atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi Anda/ Orang Yang Dilindungi pada bila-bila masa sahaja dengan mengemukakan pertanyaan atau permintaan tersebut kepada Kami melalui emel ke [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my). Kami akan menyimpan maklumat peribadi Anda/ Orang Yang Dilindungi hanya untuk tempoh yang perlu sahaja bagi memenuhi tujuan ianya dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang, peraturan atau polisi dalaman.

Anda dan Orang Yang Dilindungi telah menyatakan persetujuan untuk Data Peribadi Anda/ Orang Yang Dilindungi dikumpulkan dan diproses oleh Kami untuk tujuan yang dinyatakan dan mengikut Pemberitahuan Privasi Kami seperti yang diterbitkan di laman web Kami.

### 6.33 UNDANG-UNDANG TERPAKAI

Sijil ini, dan segala hak, kewajipan dan liabiliti di bawah Sijil Anda , hendaklah ditafsir, ditentukan dan dikuatkuasakan mengikut Undang-Undang Malaysia.

### 6.34 PIAGAM KHIDMAT PELANGGAN

Anda boleh mengunjungi laman web Kami untuk mengetahui lebih lanjut mengenai [Piagam Khidmat Pelanggan](#) Kami.

### JADUAL DANA BERKAITAN PELABURAN

Kami telah menubuhkan *ILF* berikut bersama dengan butiran mengenai objektif, strategi dan Caj Pengurusan Dana:

**(i) myBalanced Fund**

Jenis Dana	Balanced Fund								
<b>Objektif Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk mencapai aliran pendapatan sederhana dan pertumbuhan modal yang konsisten dalam tempoh jangkamasa sederhana ke jangkamasa panjang dengan melabur dalam portfolio berkepelbagaian termasuk pelaburan ekuiti dan pendapatan tetap yang mematuhi keperluan Syariah.</li> <li>• Portfolio berkepelbagaian tersebut mengandungi gabungan ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap yang “seimbang” seperti saham yang diluluskan oleh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia, Sekuriti Hutang Islam Swasta (IPDS), Sukuk dan instrumen pasaran wang Islam.</li> </ul>								
<b>Strategi Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Skop pelaburan menjurus kepada peruntukan aset yang seimbang merangkumi kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang yang patuh Syariah.</li> <li>• Pemilihan pelaburan ekuiti yang menawarkan prospek pendapatan yang kukuh dalam tempoh jangkamasa sederhana ke jangkamasa panjang dan pendapatan dividen yang tinggi terutamanya dari saham mewah yang patuh Syariah dan syarikat kukuh yang mempunyai prospek pertumbuhan pendapatan yang kukuh dan pulangan dividen yang menarik dan tersenarai di Bursa Malaysia.</li> <li>• Pendekatan peruntukan aset: <table border="1" style="margin-left: 20px; width: 100%;"> <thead> <tr style="background-color: #4CAF50; color: white;"> <th style="text-align: center;">Kelas Aset</th> <th style="text-align: center;">Lingkungan (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Saham tersenarai yang diluluskan oleh <b>Syariah</b></td> <td style="text-align: center;">10 - 40</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Kerajaan dan IPDS yang diluluskan oleh <b>Syariah</b></td> <td style="text-align: center;">10 - 60</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">wang yang diluluskan oleh <b>Syariah</b></td> <td style="text-align: center;">0 - 80</td> </tr> </tbody> </table> </li> </ul>	Kelas Aset	Lingkungan (%)	Saham tersenarai yang diluluskan oleh <b>Syariah</b>	10 - 40	Kerajaan dan IPDS yang diluluskan oleh <b>Syariah</b>	10 - 60	wang yang diluluskan oleh <b>Syariah</b>	0 - 80
Kelas Aset	Lingkungan (%)								
Saham tersenarai yang diluluskan oleh <b>Syariah</b>	10 - 40								
Kerajaan dan IPDS yang diluluskan oleh <b>Syariah</b>	10 - 60								
wang yang diluluskan oleh <b>Syariah</b>	0 - 80								
<b>Pengurus Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diuruskan secara dalaman oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad.</li> </ul>								
<b>Caj Pengurusan Dana</b>	<p>Caj Pengurusan Dana adalah 1.20% dari NAB setahun</p>								

**(ii) myBlue Chips Fund**

Jenis Dana	Blue Chips Fund
<b>Objektif Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menawarkan pertumbuhan modal yang konsisten dalam jangka masa panjang melalui pelaburan dalam syarikat patuh Syariah yang mempunyai permodalan pasaran yang tinggi.</li> </ul>
<b>Strategi Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Skop pelaburan khususnya dalam syarikat patuh Syariah yang mempunyai permodalan pasaran yang tinggi bagi mencapai pertumbuhan modal dalam jangka masa panjang.</li> <li>Peruntukan sehingga 90% dalam saham yang diluluskan oleh Syariah (bakinya dalam pasaran wang Islam): <ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan ekuiti minimum sebanyak 40%</li> <li>Peruntukan ekuiti maksimum sebanyak 90%</li> </ul> </li> <li>Pengurusan portfolio yang aktif – sentiasa meneliti peruntukan aset dan pegangan saham dalam pencarian saham yang memenuhi objektif dana tersebut.</li> </ul>
<b>Pengurus Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diuruskan secara dalaman oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad.</li> </ul>
<b>Caj Pengurusan Dana</b>	<p>Caj Pengurusan Dana adalah berdasarkan nisbah ekuiti dan pendapatan tetap tertakluk kepada lingkungan berikut:</p> <p>Caj minimum : 1.00% dari NAB setahun</p> <p>Caj maksimum : 1.50% dari NAB setahun</p>

**(iii) myDividend Fund**

Jenis Dana	Dividend Yielders Fund
<b>Objektif Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dana tersebut akan dilabur khususnya dalam saham yang mempunyai pulangan dividen yang tinggi dan saham-saham mewah patuh Syariah yang memberi pembayaran dividen tahunan yang konsisten dan keupayaan peningkatan modal dalam jangkamasa panjang.</li> </ul>
<b>Strategi Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melabur khususnya dalam saham dengan pulangan dividen yang tinggi dan memberikan dividen kasar tahunan 4.00% di samping saham mewah yang boleh memberikan pertumbuhan modal dalam jangkamasa panjang.</li> <li>Peruntukan sehingga 95% dalam saham yang diluluskan oleh Syariah (bakinya dalam pasaran wang Islam): <ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan ekuiti minimum sebanyak 40%</li> <li>Peruntukan ekuiti maksimum sebanyak 90%</li> </ul> </li> <li>Pada setiap masa, pendedahan ekuiti minimum dalam saham yang mempunyai pulangan dividen yang tinggi (4% dividen kasar) adalah 50% dari jumlah pendedahan ekuiti.</li> <li>Pengurusan portfolio yang aktif - Sentiasa meneliti peruntukan aset dan pegangan saham dalam pencarian saham yang memenuhi objektif dana tersebut.</li> </ul>
<b>Pengurus Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diuruskan secara dalaman oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad.</li> </ul>
<b>Caj Pengurusan Dana</b>	<p>Caj Pengurusan Dana adalah berdasarkan nisbah ekuiti dan pendapatan tetap tertakluk kepada lingkungan berikut:</p> <p>Caj minimum : 1.00% dari NAB setahun</p> <p>Caj maksimum : 1.50% dari NAB setahun</p>

**(iv) myEquity Index Fund**

Jenis Dana	Index Tracker Fund
<b>Objektif Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa menjejaki prestasi Tanda Aras (Indeks Syariah FBM Emas) dalam jangkamasa sederhana ke jangkamasa panjang.</li> <li>• Dana tersebut akan dilabur dalam saham patuh Syariah dengan penekanan ke atas saham komponen dalam Indeks Syariah FBM Emas berwajaran tinggi bagi menjejaki prestasi Tanda Aras tersebut dengan teliti.</li> </ul>
<b>Strategi Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melabur terutamanya di dalam empat puluh saham teratas komponen Index Syariah FBM Emas untuk mengikuti secara dekat pergerakan Tanda Aras dalam jangkamasa sederhana ke jangkamasa panjang.</li> <li>• Pendedahan ekuiti yang tinggi sepanjang masa dengan peruntukan sehingga 95% dalam saham yang diluluskan oleh Syariah (bakinya dalam pasaran wang Islam): <ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan ekuiti minimum sebanyak 90%</li> <li>Peruntukan ekuiti maksimum sebanyak 95%</li> </ul> </li> <li>• Sentiasa menyeimbangi saham komponen bagi memastikan yang Dana tersebut mencapai objektifnya untuk menjejaki secara dekat prestasi Tanda Aras tersebut.</li> </ul>
<b>Pengurus Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diuruskan secara dalaman oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad.</li> </ul>
<b>Caj Pengurusan Dana</b>	<p>Caj Pengurusan Dana adalah berdasarkan nisbah ekuiti dan pendapatan tetap tertakluk kepada lingkungan berikut:</p> <p>Caj minimum : 1.00% dari NAB setahun</p> <p>Caj maksimum : 1.50% dari NAB setahun</p>



**(v) myGrowth Fund**

Jenis Dana	Growth Fund
<b>Objektif Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk mencapai peluang pertumbuhan modal dan pendapatan dividen melalui pelaburan selektif dalam saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang diluluskan Syariah.</li> <li>• Dana tersebut akan melabur dalam saham yang mengutamakan pertumbuhan yang tinggi dengan memberikan kedua-dua peningkatan modal dan saham dengan pulangan dividen yang tinggi supaya dapat menawarkan aliran pendapatan direalisasikan yang konsisten.</li> </ul>
<b>Strategi Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melabur khususnya dalam ekuiti patuh Syariah yang merangkumi portfolio berkepelbagaian seperti syarikat berkaitan indeks, saham mewah dan syarikat yang mempunyai prospek pertumbuhan yang kukuh dan pulangan dividen yang tinggi yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia.</li> <li>• Peruntukan sehingga 95% dalam saham yang diluluskan oleh Syariah (bakinya dalam pasaran wang Islam): <ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan ekuiti minimum sebanyak 50%</li> <li>Peruntukan ekuiti maksimum sebanyak 95%</li> </ul> </li> <li>• Pengurusan portfolio yang aktif – sentiasa meneliti peruntukan aset dan pegangan saham. Nisbah perolehan saham/portfolio kebiasaannya adalah tinggi untuk mencari peluang di dalam saham yang meningkatkan modal dan yang mempunyai pulangan dividen yang tinggi.</li> <li>• Pelaburan dana dalam mana-mana satu sekuriti tersenarai hendaklah dihadkan kepada tidak lebih daripada lima peratus (5%) daripada modal berbayar syarikat penerima pelaburan atau tidak lebih daripada lima peratus (5%) daripada jumlah aset dana, yang mana lebih rendah.</li> </ul>
<b>Pengurus Dana</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diuruskan secara dalaman oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad.</li> </ul>
<b>Caj Pengurusan Dana</b>	<p>Caj Pengurusan Dana adalah berdasarkan nisbah ekuiti dan pendapatan tetap tertakluk kepada lingkungan berikut:</p> <p>Caj minimum : 1.00% dari NAB setahun</p> <p>Caj maksimum : 1.50% dari NAB setahun</p>

**PENYATA MAKLUMAT SIJIL****1. TEMPOH PENELITIAN PERCUMA**

Sekiranya Anda tidak berpuas hati dengan Sijil Anda atas sebarang sebab, Anda boleh memohon untuk membatalkannya dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil Anda. Sijil Anda akan dibatalkan dan Kami akan membayar balik semua Caruman yang telah dibayar (kecuali apabila tambahan caruman tunggal dibuat dan/atau *mySaver* dilampirkan bersama Sijil Anda) kepada Anda, termasuk yuran Wakalah, tolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan kesihatan yang berkaitan dengan pengeluaran Sijil Anda.

Sekiranya *mySaver* dilampirkan bersama Sijil Anda, Kami akan membayar balik kepada Anda:

- (a) yuran Wakalah;
- (b) jumlah unit yang telah diperuntukkan (sekiranya ada) pada Harga Unit pada Tarikh Penilaian berikutnya selepas permohonan untuk pembatalan telah diluluskan oleh Kami; dan
- (c) jumlah unit-unit yang telah ditolak untuk membayar Tabarru' dan Caj Perkhidmatan;

tolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan kesihatan yang ditanggung berkaitan dengan pengeluaran Sijil ini.

Perlindungan Orang Yang Dilindungi akan ditamatkan dan Anda tidak akan dapat membuat tuntutan manfaat di bawah Sijil ini.

**2. BUKTI UMUR**

Bukti umur Orang Yang Dilindungi diperlukan oleh Kami sebelum sebarang pembayaran manfaat dibayar di bawah Sijil Anda melainkan maklumat ini pernah ditentusahkan dan diperakui benar oleh Kami.

**3. PENAMAAN**

- 3.1 Anda yang juga merupakan Orang Yang Dilindungi boleh menamakan sesiapa pun untuk menerima pembayaran manfaat sekiranya Anda meninggal dunia, sama ada sebagai wasi atau benefisiari di bawah Hibah bersyarat.
- 3.2 Anda boleh membatalkan sebarang penamaan dan/atau menamakan penama lain dari semasa ke semasa secara bertulis asalkan ia diterima dan didaftarkan dengan sewajarnya oleh Kami.
- 3.3 Sekiranya Anda telah menamakan lebih daripada seorang penama, pembayaran manfaat, sekiranya ada, akan diberi kepada penama yang masih hidup pada waktu kematian Anda secara sama rata kecuali telah ditentukan oleh Anda; dan bayaran tersebut akan dianggap sebagai pelepasan yang sah ke atas liabiliti Kami di bawah Sijil Anda.
- 3.4 Apabila penama meninggal dunia setelah kematian Anda tetapi sebelum sebarang pembayaran manfaat dibuat, Kami akan membayar manfaat tersebut kepada:
  - i. Harta pusaka Anda sekiranya penama adalah wasi; atau
  - ii. Harta pusaka bagi penama yang telah meninggal dunia sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.
- 3.5 Sekiranya tiada penamaan yang sah ketika Anda meninggal dunia, pembayaran manfaat hendaklah dibayar kepada wasi atau pentadbir yang sah bagi harta pusaka Anda. Sekiranya tiada wasi atau pentadbir yang sah bagi harta pusaka Anda ketika pembayaran manfaat dibuat, Kami akan membayar kepada pihak yang menuntut sehingga amaun maksimum yang dibenarkan di bawah Undang-Undang Malaysia, dan baki, sekiranya ada, akan dibayar kepada orang yang dinamakan sebagai wasi atau pentadbir yang sah bagi harta pusaka Anda mengikut perintah mahkamah seterusnya yang Kami terima.

**4. PERTUKARAN ALAMAT**

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami dengan serta-merta berkenaan pertukaran alamat supaya Kami boleh memastikan Anda diberitahu mengenai sebarang maklumat yang penting. Anda juga harus memaklumkan kepada Kami melalui *myTakaful* Customer portal, e-mel kepada kami di [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my) atau menghubungi Unit Khidmat Pelanggan (UKP) di 1-300 88 252 385 sebarang pertukaran alamat penama untuk memudahkan pengurusan pembayaran tuntutan.

## 5. KEMUDAHAN MEMBAYAR CARUMAN

Anda boleh membayar Caruman sama ada melalui kad kredit/debit atau melalui akaun semasa/ simpanan. Anda mempunyai pilihan untuk membayar Caruman setiap bulan, suku tahunan, setengah tahun atau tahunan.

## 6. SERAHAN TUNAI

Sijil Anda akan mempunyai nilai serahan, dan Anda boleh menyerahkannya pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Perlindungan. Pertimbangan wajar perlu dibuat kerana Anda akan mengalami kerugian manfaat tertentu andainya Anda menyerahkan Sijil Anda. Sila hubungi Kami dengan serta-merta sekiranya ada sesiapa menghampiri Anda dan menggalakkan supaya menyerahkan mana-mana Sijil Anda

## 7. PERTANYAAN / PENGURUSAN ADUAN

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai sebarang hal yang berkaitan dengan Sijil Anda, Anda boleh merujuk kepada Unit Khidmat Pelanggan (UKP) Kami di:

### Unit Khidmat Pelanggan (UKP)

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

Tingkat 27, Blok Annexe,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

E-mel: [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)

Laman Web: [takaful-malaysia.com.my](http://takaful-malaysia.com.my)

Anda juga boleh merujuk laman web Kami untuk maklumat terkini NAB (diguna pakai sekiranya tambahan caruman tunggal telah dibuat dan/atau mySaver dilampirkan bersama Sijil Anda). Secara alternatif, Anda boleh menghubungi Unit Khidmat Pelanggan (UKP) Kami atau mengunjungi cawangan terdekat Kami.

## 8. SALURAN BAGI RAYUAN TUNTUTAN

Sekiranya Anda memerlukan penjelasan lebih lanjut atau Anda tidak berpuas hati dengan jawapan atau keputusan tuntutan yang diberikan oleh unit pengurusan aduan Kami, sila hubungi Unit Khidmat Pelanggan (UKP) Kami di talian 1-300 88 252 385 atau emel Kami di [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my) dan Kami akan memberikan respons yang sewajarnya. Bagi kes rayuan, Kami akan membawa perkara yang sama kepada pihak pengurusan kanan Kami untuk semakan dan akan memberikan respons Kami sekiranya rayuan Anda telah diputuskan/ditentukan oleh Kami.

Sekiranya Anda tidak berpuas hati dengan keputusan akhir berkaitan dengan rayuan Anda, Anda boleh merujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) atau BNMTELELINK, Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut dalam masa enam (6) bulan selepas keputusan Kami.

### Ombudsman Perkhidmatan Kewangan [200401025885 (664393-P)]

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Tel: 603 2272 2811

Fax: 603 2272 1577

E-mel: [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)

Laman web: [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

### BNM Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Tingkat Bawah, Blok D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 (LINK)

Fax: 03-2174 1515

E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## PANDUAN DAN PROSEDUR TUNTUTAN

### 1. NOTIS TUNTUTAN

Notis tuntutan bertulis yang mengandungi butiran yang mencukupi untuk mengenalpasti Orang Yang Dilindungi mestilah dihantar kepada Kami dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh berlaku atau bermulanya tuntutan tersebut kecuali untuk pelan penghospitalan/ pelan perubatan.

Bagi pelan penghospitalan, notis bertulis untuk mana-mana penghospitalan yang mempunyai perbelanjaan yang boleh dituntut hendaklah dihantar bersama-sama dengan dokumen sokongan kepada Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan penghospitalan.

Bagi pelan perubatan, Anda / Orang Yang Dilindungi hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari hilang upaya yang mempunyai perbelanjaan boleh dituntut, memberi notis bertulis kepada Kami dengan menyatakan butir-butir penuh keadaan tersebut, termasuk bil dan resit asal, dan laporan penuh dari pakar perubatan yang menetapkan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh hilang upaya itu bermula pada pendapat doktor tersebut dan ringkasan tentang kos rawatan termasuk ubat-ubatan yang dipreskripsi dan perkhidmatan yang diberi oleh doktor tersebut. Orang Yang Dilindungi hendaklah segera mendapatkan dan bertindak mengikut nasihat perubatan yang sepatutnya dan Kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya rawatan atau perkhidmatan menjadi perlu disebabkan kegagalan Orang Yang Dilindungi untuk bertindak.

Kegagalan memberi notis dalam jangkamasa tersebut tidak akan menjadikan tuntutan tersebut tidak sah sekiranya terdapat sebab yang boleh diterima oleh Kami bahawa tiada berkemungkinan untuk memberikan notis tersebut dan notis tersebut telah diberikan seawal yang mungkin.

### 2. BUKTI TUNTUTAN

Bukti tuntutan yang memuaskan bersama borang tuntutan yang disediakan oleh Kami dan diisi dengan lengkap mestilah dikemukakan kepada Kami dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berlaku atau bermulanya tuntutan tersebut kecuali manfaat penghospitalan secara tunai. Bagi manfaat penghospitalan secara tunai, bukti kehilangan yang kukuh di mana tuntutan boleh dibuat mesti dikemukakan kepada Kami dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat penghospitalan tersebut.

### 3. SIJIL, MAKLUMAT DAN BUKTI

Semua sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami harus dikemukakan dalam format yang dikehendaki oleh Kami dan perbelanjaannya ditanggung oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi. Bagaimanapun, semua notis, yang Kami kehendaki Anda atau Orang Yang Dilindungi kemukakan, mestilah secara bertulis dan dialamatkan kepada Kami. Orang Yang Dilindungi harus, di atas permintaan dan dibiayai oleh Kami mengemukakan satu laporan perubatan pada bila-bila masa yang dianggap perlu.

### 4. PEMBAYARAN TUNTUTAN

Sebelum Kami membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil Anda, Kami akan memotong sebarang jumlah terhutang kepada Kami. Bayaran tersebut, sekiranya ada, akan diberi kepada Anda / penama Anda / wasi atau pentadbir harta pusaka Anda mengikut terma dan syarat Sijil Anda.

Sekiranya Kami telah menjamin pembayaran kepada hospital berdasarkan kemudahan tanpa tunai yang diberikan kepada Anda dan/atau Orang Yang Dilindungi, Kami akan membayar tuntutan tersebut terus kepada hospital.

Seterusnya dipersetujui bahawa sebarang kebenaran untuk melaksanakan pembayaran kepada hospital adalah kemudahan yang diberikan kepada Anda. Bayaran tersebut tidak akan mengetepikan atau ditafsirkan sebagai penepian hak Kami untuk menandingi tuntutan seterusnya dan/atau kesahihan Sijil Anda atau untuk mendapatkan semula jumlah perbelanjaan hospital yang telah dibayar daripada Anda sekiranya terdapat sebarang salah nyata atau penyembunyian fakta yang penting dan boleh mempengaruhi penerimaan risiko Sijil Anda.

Selepas Kami membuat pembayaran tersebut, tanggungjawab Kami akan dilepaskan sepenuhnya.

Kami berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya Kami tidak berpuas hati dengan bukti yang dikemukakan untuk mengesahkan sama ada:

- 4.1 Kewujudan Kepentingan Takaful Yang Dibenarkan di antara Anda dan Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil Anda; atau
- 4.2 Keadaan kerugian.

Sekiranya terdapat penipuan tuntutan atau terdapat unsur fraud/penipuan, termasuk deklarasi / pernyataan palsu, melambung atau membesar-besarkan tuntutan atau penyerahan dokumen yang dipalsukan, telah digunakan untuk mendapat manfaat di bawah Sijil Anda, Kami tidak akan membayar tuntutan dan segala perlindungan di bawah Sijil Anda akan dilucutkan.

## 5. TERMA DAN SYARAT

Pihak yang menuntut bertanggungjawab untuk memastikan tuntutan yang dikemukakan adalah untuk manfaat yang dinyatakan dalam Sijil Anda. Sebarang ketidaksamaan mengenai definisi skop perlindungan akan sentiasa dirujuk sepertimana yang dinyatakan dalam Sijil Anda.

## 6. BORANG TUNTUTAN DAN DOKUMEN SOKONGAN (SALINAN PERLU DISAHKAN)

### Tuntutan Kematian

- (a) Borang tuntutan
- (b) Salinan sijil kematian orang yang meninggal dunia
- (c) Salinan permit pengebumian
- (d) Salinan kad identiti penuntut atau penama
- (e) Laporan polis jika kematian berlaku akibat Kemalangan
- (f) Laporan kesihatan (tidak wajib melainkan diminta oleh Kami)
- (g) Salinan bukti hubungan

### Tuntutan Keilatan Menyeluruh dan Kekal

- (a) Borang tuntutan
- (b) Salinan kad pengenalan penuntut
- (c) Salinan surat tamat perkhidmatan dari majikan (tidak wajib melainkan diminta oleh Kami)
- (d) Laporan Panel Lembaga Perubatan
- (e) Laporan polis jika keilatan berlaku akibat Kemalangan
- (f) Laporan kesihatan dari doktor pakar

### Tuntutan Penyakit Kritikal

- (a) Borang tuntutan
- (b) Salinan kad pengenalan penuntut
- (c) Laporan kesihatan dari doktor pakar
- (a) Semua laporan makmal dan laporan siasatan

### Tuntutan Manfaat Penghospitalan Secara Tunai

- (a) Borang tuntutan
- (b) Salinan kad pengenalan penuntut
- (c) Nota dibenarkan keluar atau nota wad atau sebarang penyata / bil yang dikeluarkan oleh hospital
- (d) Laporan polis jika penghospitalan berlaku akibat Kemalangan
- (e) Laporan kesihatan dari hospital jika tuntutan melebihi RM500

### Perbelanjaan Pengebumian

- (a) Borang tuntutan
- (b) Salinan sijil kematian orang yang meninggal dunia
- (c) Salinan permit pengebumian
- (d) Salinan kad pengenalan penuntut
- (e) Salinan bukti hubunga



Perlindungan di bawah Lampiran ini diberikan kepada Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam e-Sijil Sijil Asas yang diuruskan oleh Kami di mana Lampiran ini dilampirkan bersama.

Lampiran ini adalah sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya sah sekiranya Sijil Asas adalah sah. Selain itu, Lampiran ini tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil Asas kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Lampiran ini.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lampiran ini, terma dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti terma dan ungkapan yang digunakan dalam Sijil Asas.

- 1.1 **“KEMALANGAN”** bererti kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, di luar kebiasaan pada masa dan di tempat yang dikenalpasti, tanpa sebarang sebab yang lain, menjadi punca tunggal bagi Kecederaan anggota badan.
- 1.2 **“MANA-MANA SATU KEILATAN”** bererti untuk setiap tempoh Keilatan dari sebab yang sama termasuk sebarang dan semua komplikasi daripadanya kecuali jika Orang Yang Dilindungi sembuh sepenuhnya dan bebas dari sebarang rawatan susulan (termasuk ubat-ubatan, diet khas atau suntikan atau nasihat mengenai keadaan penyakit) bagi Keilatan tersebut sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari dari tarikh keluar dari Hospital terakhir dan Keilatan selanjutnya dari sebab yang sama akan dianggap sebagai Keilatan yang baru.
- 1.3 **“KANSER”** bererti sebagai sebarang tumor malignan yang dicirikan oleh pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan pencerobohan tisu. Istilah tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarkoma.
- 1.4 **“KLINIK”** bererti institusi yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai Klinik, yang beroperasi untuk memberi rawatan kepada pesakit yang cedera atau sakit dan menyediakan kemudahan untuk menjalankan diagnosis, Pembedahan kecil/minor dan kemudahan pemberian ubat. Pertubuhan sepertinya mesti diuruskan oleh Pakar Perubatan yang berdaftar secara sah dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- 1.5 **“PENYAKIT KONGENITAL”** bererti sebarang kecacatan fizikal atau perubatan yang wujud sejak lahir, dan juga kecacatan fizikal neo-natal yang berkembang dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelahiran. Ini termasuk semua jenis hernia (sehingga usia enam (6) tahun) dan epilepsi kecuali disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Orang Yang Dilindungi dilindungi secara berterusan di bawah Lampiran ini.
- 1.6 **“DOKTOR GIGI”** bererti orang yang berlesen atau berdaftar sewajarnya untuk mengamalkan pergigian dalam kawasan geografi di mana dia memberikan khidmat, tetapi tidak termasuk Pakar Perubatan atau Pakar Bedah atau Doktor Gigi yang merupakan Peserta / Orang Yang Dilindungi itu sendiri.
- 1.7 **“KEILATAN”** bererti sakit, wabak, Penyakit atau keseluruhan Kecederaan yang timbul daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.
- 1.8 **“DOKTOR”, “PAKAR PERUBATAN”** atau **“PAKAR BEDAH”** bererti Pengamal Perubatan berdaftar yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang semasa memberikan rawatan, mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihannya di kawasan geografi dimana dia berkhidmat, tetapi tidak termasuk Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah yang merupakan Peserta / Orang Yang Dilindungi itu sendiri.
- 1.9 **“PERBELANJAAN YANG LAYAK”** bererti Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung disebabkan oleh Keilatan yang dilindungi tetapi tidak melebihi had manfaat yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat Lampiran ini.

- 1.10 “KECEMASAN”** bererti perhatian rawatan perubatan yang segera diperlukan dalam masa dua belas (12) jam untuk Kecederaan, Penyakit atau simptom yang muncul secara tiba-tiba dan amat serius di mana jika tidak dirawat dengan segera akan mengakibatkan kehilangan nyawa, (seperti Kemalangan dan serangan sakit jantung) atau menyebabkan kemerosotan kesihatan yang ketara.
- 1.11 “HOSPITAL”** bererti sebuah institusi yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai Hospital untuk jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit atas katil berbayar, dan di mana:
- (a) mempunyai kemudahan untuk menjalankan diagnosis dan Pembedahan utama;
  - (b) menyediakan khidmat penjagaan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berdaftar dan siswazah;
  - (c) di bawah penyeliaan Pengamal Perubatan; dan
  - (d) bukannya Klinik; tempat untuk penagih alkohol atau dadah; pusat jagaan, rumah rehat atau pemulihan atau rumah orang tua atau institusi yang serupa dengannya.
- 1.12 “PENGHOSPITALAN”** bererti kemasukan ke Hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk tempoh masa yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) jam berturut-turut untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi Keilatan yang dilindungi mengikut cadangan Pengamal Perubatan. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam sekiranya pesakit tidak tinggal di Hospital secara fizikal sepanjang tempoh yang dinasihatkan.
- 1.13 “PENYAKIT”** bererti keadaan fizikal yang berbeza daripada keadaan kesihatan yang normal yang ditunjukkan dari segi patologi. Penyakit juga bererti sakit atau wabak.
- 1.14 “KECEDERAAN”** bererti Kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan.
- 1.15 “UNIT RAWATAN RAPI”** atau **“ICU”** bererti bahagian di dalam Hospital yang ditetapkan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital, dan di mana ianya dijaga secara berterusan selama dua puluh empat (24) jam untuk rawatan pesakit dalam keadaan kritikal dan dilengkapi dengan perkhidmatan kejururawatan dan perubatan khas yang tidak boleh didapati di bahagian lain dalam Hospital.
- 1.16 “KEGAGALAN BUAH PINGGANG”** bererti kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang ditunjukkan sebagai kerosakan kronik dan tidak dapat dipulihkan untuk kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi yang mengakibatkan rawatan dialisis buah pinggang dimulakan.
- 1.17 “PERLU DARI SEGI PERUBATAN”** bererti perkhidmatan perubatan yang:
- (a) selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa untuk Keilatan yang dilindungi;
  - (b) menurut piawaian amalan perubatan yang baik, selaras dengan tahap piawaian penjagaan perubatan profesional semasa, dan manfaat perubatan yang terbukti;
  - (c) bukan untuk kemudahan Orang Yang Dilindungi atau Pengamal Perubatan, dan tidak dapat diberikan secara munasabah di luar Hospital (jika berdaftar sebagai pesakit dalam)
  - (d) bukan bersifat eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, pencegahan atau penyaringan; dan
  - (e) yang mana perubahan adalah adil dan munasabah dan lazim untuk orang yang mengalami Keilatan.
- 1.18 “PENGAMAL PERUBATAN”** bererti seorang yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihannya semasa memberikan rawatan di kawasan geografi di mana dia berkhidmat, tetapi tidak termasuk Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah yang merupakan Peserta atau Orang Yang Dilindungi.
- 1.19 “GARIS PANDUAN MMA”** bererti jadual yuran atau caj terkini untuk pelbagai huraian perkhidmatan dan/atau rawatan perubatan yang disediakan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) sebagai panduan oleh profesion perubatan di Malaysia.

- 1.20 “PESAKIT LUAR”** bererti Orang Yang Dilindungi tersebut menerima jagaan atau rawatan perubatan (termasuk rawatan di pusat rawatan harian) tanpa dimasukkan ke dalam Hospital.
- 1.21 “HAD TAHUNAN KESELURUHAN”** bererti manfaat dibayar berkenaan perbelanjaan yang ditanggung bagi perkhidmatan dan/atau rawatan yang disediakan kepada Orang Yang Dilindungi semasa Tahun Sijil adalah terhad kepada Had Tahunan Keseluruhan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat Lampiran ini tanpa mengira jenis Keilatan. Sekiranya Had Tahunan Keseluruhan telah habis dibayar, semua manfaat yang dibayar kepada Orang Yang Dilindungi di bawah Lampiran ini akan dihentikan untuk baki Tahun Sijil tersebut.
- 1.22 “HAD SEPANJANG HAYAT KESELURUHAN”** bererti jumlah manfaat terkumpul yang dibayar berkenaan perbelanjaan yang ditanggung bagi perkhidmatan dan/atau rawatan yang disediakan kepada Orang Yang Dilindungi di bawah Lampiran ini, termasuk semua pembaharuan terdahulu, disepanjang hayat Orang Yang Dilindungi akan terhad kepada Had Sepanjang Hayat Keseluruhan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat Lampiran ini tanpa mengira jenis Keilatan.
- Bagi mengelakkan sebarang keraguan, tiada Had Sepanjang Hayat Keseluruhan di bawah Lampiran ini.
- 1.23 “JENIS PELAN”** bererti pelan yang Anda telah sertai di bawah Lampiran ini ditunjukkan sebagai Jumlah Perlindungan di bawah Jadual Manfaat dan Caruman di dalam e-Sijil atau di dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami.
- 1.24 “PENYAKIT SEDIA ADA”** bererti sebarang Keilatan, Kecederaan, sakit, wabak atau Penyakit (fizikal atau mental) yang Orang Yang Dilindungi mempunyai pengetahuan yang munasabah sebelum Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana yang terkemudian. Anda atau Orang Yang Dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah tentang keadaan sedia ada di mana keadaannya adalah satu (1) yang mana:
- (a) Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
  - (b) nasihat kesihatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan yang telah disyorkan;
  - (c) simptom yang ketara dan jelas atau telah terbukti; atau
  - (d) kewujudannya dapat dilihat dengan jelas kepada orang yang mengalami keadaan itu.
- 1.25 “UBAT YANG DIPRESKRIPSIKAN”** bererti ubat yang diberikan oleh Pakar Perubatan, ahli farmasi berdaftar atau Hospital dan yang dipreskripsikan oleh Pakar Perubatan atau Pakar dalam rawatan Keilatan yang dilindungi.
- 1.26 “CAJ MUNASABAH DAN BIASA DIAMALKAN”** bererti caj untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan, yang dianggap munasabah dan biasa diamalkan selagi caj itu tidak melebihi had biasa caj yang dibuat oleh pihak lain di lokaliti di mana caj itu dikenakan, apabila memberi rawatan, khidmat atau bekalan perubatan seumpamanya atau yang serupa kepada individu dengan jantina yang sama dan kategori umur yang sama untuk Penyakit atau Kecederaan yang serupa serta selaras dengan piawaian dan amalan perubatan yang diterima dan tidak boleh diabaikan tanpa menjejaskan keadaan perubatan Orang Yang Dilindungi. Ini hendaklah konsisten dan pada tahap yang sama seperti yang disyorkan dalam Garis Panduan *MMA*.
- 1.27 “PAKAR”** bererti pengamal perubatan atau pergigian yang berdaftar dan berlesen di kawasan geografi di mana khidmat tersebut diberikan dan yang diklasifikasikan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan sebagai orang yang mempunyai kepakaran yang tinggi dan khusus dalam bidang perubatan atau pergigian yang tertentu, tetapi tidak termasuk Pakar Perubatan, Pakar Bedah atau Doktor Gigi yang merupakan Peserta / Orang Yang Dilindungi itu sendiri.

- 1.28 “PENYAKIT TERTENTU”** bererti keilatan seperti berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, berlaku dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini:
- Hipertensi, diabetes mellitus dan penyakit kardiovaskular;
  - Semua tumor, Kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem hempedu;
  - Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
  - Hernia, buasir, fistula, hidrokela atau varikokel;
  - Endometriosis, termasuk penyakit sistem pembiakan wanita; atau
  - Gangguan vertebra-tulang belakang (termasuk cakera) dan penyakit lutut.
- 1.29 “PEMBEDAHAN”** bererti mana-mana prosedur perubatan berikut:
- Untuk menginsisi, mengeksisi atau mengelektrokauteri mana-mana bahagian badan atau organ kecuali untuk khidmat pergigian;
  - Untuk membaiki, mengubah atau membentuk semula mana-mana bahagian organ atau badan;
  - Untuk mengurangkan retakan atau dislokasi melalui manipulasi; atau
  - Penggunaan endoskopi untuk mengeluarkan batu atau objek dari larinks, bronkus, trakea, esofagus, perut, usus, pundi kencing atau uretra.
- 1.30 “TEMPOH MENUNGGU”** bererti tiga puluh (30) hari pertama di antara permulaan Keilatan Orang Yang Dilindungi dan Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana yang terkemudian, kecuali Kecederaan tidak sengaja dan Penyakit Tertentu. Bagi Penyakit Tertentu, Tempoh Menunggu adalah satu ratus dua puluh (120) hari.

Sekiranya perlindungan terhenti, Tempoh Menunggu akan dimulakan semula dari Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini.

Tiada Tempoh Menunggu bagi Kecederaan tidak sengaja.

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Lampiran ini dikeluarkan atas pertimbangan terhadap permohonan Anda dan pembayaran Caruman tambahan yang ditentukan di dalam e-Sijil atau Endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Kami pada selang masa dan tarikh patut dibayar yang sama sepertimana Caruman di bawah Sijil Asas bermula dari Tarikh Permulaan Lampiran ini sehingga dan termasuk tarikh Caruman terakhir yang patut dibayar.

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa, semua Caruman perlu dibayar terlebih dahulu pada tarikh kuat kuasa berdasarkan Jenis Pelan, Umur Kemasukan dan jantina Orang Yang Dilindungi sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini. Caruman tambahan boleh dikenakan berdasarkan pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

Caruman yang perlu dibayar akan dikreditkan ke dalam AP. Selepas itu, yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, seperti dinyatakan di dalam Klausula 2.2 dan Klausula 2.3 di bawah, akan ditolak tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Asas dan Lampiran ini.

### 2.2 YURAN DAN CAJ

#### 2.2.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Lampiran ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda.

Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Caruman telah dibuat.

### 2.2.2 CAJ PERKHIDMATAN

Caj Perkhidmatan bulanan akan ditolak secara bulanan daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, pada setiap Ulang Tahun Bulanan Sijil ini, sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini.

Caj Perkhidmatan di bawah Lampiran ini adalah Ringgit Malaysia Lima (RM5) setiap bulan.

## 2.3 TABARRU'

2.3.1 Pengiraan Tabarru' bulanan akan berdasarkan:

- (a) Jenis Pelan; dan
- (b) kadar Tabarru' pada Umur Dicapai dan jantina Orang Yang Dilindungi.

2.3.2 Sekiranya Orang Yang Dilindungi terjejas dari segi kesihatan dan/atau terlibat di dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, tambahan Tabarru' mungkin dikenakan tertakluk kepada keputusan underait Kami.

2.3.3 Amaun Tabarru' akan ditolak secara bulanan bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk Ulang Tahun Bulanan sebaik sebelum Tarikh Tamat.

2.3.4 Tabarru' akan terus dipotong daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, ke dalam AKP tanpa mengambil kira sama ada Anda telah membuat Caruman seterusnya atau tidak di bawah Lampiran ini.

2.3.5 Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin. Kami mungkin mengubah kadar Tabarru' pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar Tabarru' baharu akan diguna pakai ke atas semua Orang Yang Dilindungi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

Semua yuran, caj dan Tabarru' di atas adalah tidak dijamin. Sekiranya ada perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Yuran, caj dan Tabarru' baharu hanya akan dikenakan pada Ulang Tahun Sijil akan datang.

### KEJADIAN DI MANA MANFAAT AKAN DIBAYAR

Semasa Lampiran ini sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, apabila Kami menerima dan meluluskan ke atas bukti yang wajar seperti bil, resit asal dan/atau bukti lain yang memuaskan bahawa Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital atau mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan/atau rawatan di Hospital/Klinik/pusat rawatan Kanser/dialisis yang berdaftar secara sah/ untuk perkhidmatan yang Perlu Dari Segi Perubatan dan/atau rawatan yang berkaitan dengan sebarang manfaat dilindungi seperti di bawah akibat Penyakit atau Kecederaan, selepas menggunakan had yang sesuai untuk setiap jenis manfaat yang dilindungi berkaitan dengan Keilatan, Kami akan membayar Perbelanjaan Yang Layak sehingga Had Tahunan Keseluruhan dan Had Sepanjang Hayat Keseluruhan, mana yang berkenaan, seperti yang disediakan di bawah Lampiran ini untuk:

- (a) Penyakit yang wujud atau didiagnosis selepas Tempoh Menunggu; atau
- (b) Kecederaan yang mana berlaku pada atau selepas Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.

Manfaat yang dilindungi adalah:

### **3.1 BILIK DAN PENGINAPAN HOSPITAL HARIAN**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk bilik penginapan dan makanan yang Perlu Dari Segi Perubatan. Jumlah manfaat dibayar adalah sama dengan caj sebenar yang dikenakan oleh Hospital semasa Penghospitalisan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada kadar maksimum Bilik dan Penginapan Hospital Harian, dan had seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat. Orang Yang Dilindungi hanya layak menerima manfaat ini apabila dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam.

### **3.2 UNIT RAWATAN RAPI**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk bilik penginapan sebenar Orang Yang Dilindungi semasa dimasukkan sebagai pesakit di dalam di Unit Rawatan Rapi Hospital. Jumlah manfaat dibayar adalah sama dengan caj sebenar yang dikenakan oleh Hospital, tertakluk kepada bilangan hari maksimum dan had seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Di mana tempoh penghospitalan di dalam Unit Rawatan Rapi melebihi had maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat, pembayaran balik akan dihadkan kepada kadar piawaian Bilik dan Penginapan Hospital Harian.

Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital tidak akan dibayar bagi tempoh penahanan yang sama di mana manfaat Unit Rawatan Rapi harian dibayar.

### **3.3 YURAN PEMBEDAHAN**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar, termasuk lawatan penilaian oleh Pakar sebelum pembedahan dan rawatan selepas pembedahan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada bilangan hari maksimum dari tarikh Pembedahan dan had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Jika lebih dari satu (1) Pembedahan dilakukan, jumlah bayaran untuk semua pembedahan yang dilakukan tidak harus melebihi had maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

### **3.4 YURAN PAKAR BIUS**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk pemberian ubat bius yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh pakar bius, tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

### **3.5 BILIK PEMBEDAHAN**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk bilik pembedahan berkaitan prosedur pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

### **3.6 BEKALAN DAN PERKHIDMATAN HOSPITAL**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk jagaan am, ubat yang dipreskripsikan dan diambil, pencucian dan pembalutan luka, anduh, acuan plaster, sinar-x, pemeriksaan makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolisma basal, suntikan dan larutan intravena, pemberian darah dan plasma darah yang Perlu Dari Segi Perubatan termasuk kos darah dan plasma darah, yuran pentadbiran dan kit kemasukan semasa Orang Yang Dilindungi dimasukkan sebagai pesakit dalam di Hospital, sehingga had seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.



### **3.7 LAWATAN PAKAR PERUBATAN DAN PAKAR DALAM HOSPITAL**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan oleh Pakar Perubatan dan Pakar untuk lawatan di dalam hospital dalam tempoh penghospitalan untuk Keilatan yang tidak memerlukan pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Untuk Keilatan memerlukan pembedahan, ianya tertakluk kepada Jadual Ketiga Belas Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) tahun 2006.

### **3.8 YURAN AMBULANS**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk perkhidmatan ambulan domestik (termasuk atendan) yang Perlu Dari Segi Perubatan ke dan/atau dari Hospital yang dimasukkan. Pembayaran tidak akan dibuat jika Orang Yang Dilindungi tidak dimasukkan ke hospital dan, tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

### **3.9 PEMBEDAHAN HARIAN**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan bagi rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk Orang Yang Dilindungi atas penggunaan kemudahan pemulihan bagi prosedur pembedahan yang sedia diaturkan di Hospital/Klinik Pakar di dalam Hospital (tetapi bukan untuk bermalam), tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

### **3.10 YURAN LAPORAN PERUBATAN**

Pembayaran semula bagi yuran sebenar yang ditanggung untuk Laporan Perubatan yang telah dilengkapkan sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

### **3.11 ELAUN TUNAI HARIAN DI HOSPITAL KERAJAAN MALAYSIA**

Pembayaran elaun tunai untuk setiap hari lengkap penghospitalan bagi Keilatan yang dilindungi di Hospital Kerajaan Malaysia, tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

### **3.12 UJIAN DIAGNOSTIK SEBELUM PENGHOSPITALAN**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung dalam masa enam puluh (60) hari sebelum Penghospitalan, bagi ECG, sinar-x dan ujian makmal yang Perlu Dari Segi Perubatan dan atas nasihat Pengamal Perubatan untuk melakukan untuk tujuan diagnostik disebabkan oleh Kemalangan atau Kecederaan berkaitan dengan Keilatan yang dilindungi, tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Pembayaran tidak akan dibuat jika keputusan dari perkhidmatan diagnosis tersebut tidak memerlukan Penghospitalan Orang Yang Dilindungi untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnos itu. Tambahan lagi, caj perubatan dan rundingan oleh Pengamal Perubatan itu tidak akan dibayar.

### **3.13 RUNDINGAN PAKAR SEBELUM PENGHOSPITALAN**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung dalam masa enam puluh (60) hari sebelum Penghospitalan, bagi rundingan kali pertama yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar yang berkaitan dengan Keilatan dan rundingan tersebut telah disyorkan secara bertulis oleh Pengamal Perubatan am yang memberikan rawatan, tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Pembayaran tidak akan dibuat untuk rawatan klinikal (termasuk ubat dan rundingan berikutnya selepas Penyakit didiagnos) atau di mana Penghospitalan Orang Yang Dilindungi tidak diperlukan untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnos itu.

### **3.14 RAWATAN SELEPAS PENGHOSPITALAN**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung dalam masa sembilan puluh (90) hari sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital ke atas rawatan susulan yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar Perubatan yang sama, tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Ini adalah termasuk Ubat Yang Dipreskripsikan semasa rawatan susulan tetapi tidak akan melebihi bekalan yang diperlukan untuk maksimum sembilan puluh (90) hari dari tarikh keluar hospital.

### **3.15 RAWATAN KANSER PESAKIT LUAR**

Sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnos menghidap Kanser, Kami akan membayar semula Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk rawatan Kanser yang Perlu Dari Segi Perubatan yang dilakukan di pusat rawatan Kanser berdaftar yang sah tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (radioterapi atau kemoterapi tidak termasuk rundingan, ujian pemeriksaan, ubat yang dibawa pulang) hendaklah dijalankan di jabatan Pesakit Luar Hospital atau pusat rawatan Kanser berdaftar sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital atau Pembedahan.

Menjadi syarat khas bagi manfaat ini walaupun terdapat pengecualian Penyakit Sedia Ada, manfaat ini tidak akan dibayar untuk mana-mana Orang Yang Dilindungi yang telah didiagnos sebagai pesakit Kanser dan/atau sedang menerima rawatan Kanser sebelum Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.

### **3.16 RAWATAN DIALISIS BUAH PINGGANG PESAKIT LUAR**

Sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnos menghidap Kegagalan Buah Pinggang, Kami akan membayar semula Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk rawatan dialisis buah pinggang yang Perlu Dari Segi Perubatan yang dilakukan di pusat rawatan dialisis buah pinggang berdaftar yang sah tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (dialisis tidak termasuk rundingan, ujian pemeriksaan, ubat yang dibawa pulang) hendaklah dijalankan di jabatan Pesakit Luar Hospital atau pusat rawatan dialisis buah pinggang berdaftar sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital atau Pembedahan.

Menjadi syarat khas bagi manfaat ini walaupun terdapat pengecualian Penyakit Sedia Ada, manfaat ini tidak akan dibayar untuk mana-mana Orang Yang Dilindungi yang mengalami penyakit renal kronik dan/atau sedang menerima rawatan dialisis sebelum Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.

### **3.17 RAWATAN KECEMASAN KEMALANGAN PESAKIT LUAR**

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan sebagai Pesakit Luar di mana-mana Klinik atau Hospital yang berdaftar akibat Kecederaan anggota badan yang timbul akibat Kemalangan, dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas Kemalangan itu berlaku dan tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat . Rawatan susulan oleh Doktor yang sama atau Klinik atau Hospital berdaftar yang sama bagi Kecederaan tubuh badan akan disediakan sehingga maksimum tiga puluh (30) hari dari tarikh Kemalangan, tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

### 3.18 RAWATAN KECEMASAN PERGIGIAN AKIBAT KEMALANGAN

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang dicaj oleh Doktor Gigi yang berdaftar atau di Klinik gigi atau Hospital dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas Kemalangan itu berlaku untuk rawatan kecederaan akibat kemalangan kepada gigi asli yang sihat tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Perkhidmatan pemulihan, periodontal, ortodontal dan prostodontal berikutnya tidak dilindungi. Rawatan susulan oleh Doktor Gigi yang sama atau Klinik atau Hospital berdaftar yang sama untuk kecederaan akibat kemalangan yang sama terhadap gigi asli yang sihat akan diberikan sehingga maksimum empat belas (14) hari dari tarikh Kemalangan dan tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

### 3.19 MANFAAT PENJAGAAN KEJURURAWATAN DI RUMAH

Pembayaran balik bagi caj sebenar yang ditanggung untuk penjagaan atau perkhidmatan kejururawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan yang diberikan oleh jururawat yang berkelayakan dan berlesen dari segi perubatan di rumah Orang Yang Dilindungi, dalam tempoh tujuh (7) hari sejeurus selepas keluar dari Hospital selepas Penghospitalkan untuk tempoh tiga (3) hari atau lebih, dengan syarat:

- 3.19.1 Penjagaan atau perkhidmatan kejururawatan tersebut mesti disyorkan oleh Pakar Perubatan untuk tempoh minimum tiga (3) jam setiap hari; dan
- 3.19.2 Amaun yang perlu dibayar untuk manfaat ini adalah sama dengan caj sebenar yang ditanggung, tertakluk kepada bilangan hari maksimum dan had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Penjagaan Kejururawatan Di Rumah yang disediakan di bawah Lampiran ini termasuk:

- (a) Terapi fizikal, pekerjaan atau percakapan oleh ahli terapi berdaftar, dan/atau
- (b) Penjagaan kejururawatan separuh masa atau berselang-selang yang disediakan di bawah penyeliaan jururawat berdaftar; dan/atau
- (c) Perkhidmatan sosial perubatan yang disediakan di bawah penyeliaan langsung dari Pakar Perubatan.

### 3.20 PEMINDAHAN ORGAN

Pembayaran semula bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk pembedahan pemindahan bagi Orang Yang Dilindungi sebagai penerima pemindahan buah pinggang, jantung, paru-paru, hati atau sumsum tulang. Bayaran untuk manfaat ini hanya terpakai sekali seumur hidup sepanjang Lampiran ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Kos perolehan organ dan semua kos yang ditanggung oleh penderma adalah tidak dilindungi.

Manfaat di atas akan dibayar dari AKP.

## PENGECUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk Penghospitalkan, Pembedahan atau caj yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, dari mana-mana satu (1) sebab berikut:

- 4.1 Sebarang tuntutan disebabkan oleh Penyakit Sedia Ada;
- 4.2 Sebarang tuntutan disebabkan oleh Penyakit atau Penyakit Tertentu yang berlaku di dalam Tempoh Menunggu;

- 4.3 Sebarang pengkhatan, Pembedahan plastik/kosmetik dan rawatan yang berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada dwi-kelopak mata, jerawat, keloid, parut, tag kulit, *diffused alopecia* dan keguguran rambut) atau komplikasinya kecuali yang diakibatkan oleh Kecederaan. Pemeriksaan mata, pembetulan cermin mata, kanta intraokular, Lasik, Intralase, Zyoptix, Orthoptics, pembaikan penglihatan akibat rabun termasuk tetapi tidak terhad kepada rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme (Keratotomy Radial); penggunaan atau pemerolehan peralatan atau peranti luaran seperti anggota tiruan, penyambung luaran, alat bantu pendengaran (termasuk perkakasan koklea) dan sebarang peranti dalaman lain yang diimplan, perentak jantung dan preskripsi dan caj sewa peranti tersebut kecuali semasa Penghospitalan;
- 4.4 Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau Pembedahan oral kecuali yang diperlukan kerana Kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat, namun tidak termasuk penggantian gigi palsu, penempatan gigi palsu dan perkhidmatan penggantian prostetik seperti implan, *bridge* dan *crown* bagi kes Kecederaan akibat kemalangan;
- 4.5 Penjagaan kejururawatan persendirian atau panggilan ke rumah, rawatan rehat pulih atau penjagaan sanitari/kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, mabuk, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (*AIDS*) atau Kompleks Berkaitan *AIDS* (*ARC*) dan penyakit berkaitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (*HIV*), dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang. Penyakit seperti Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (*HFMD*), demam denggi dan demam campak tidak dianggap sebagai penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang;
- 4.6 Sebarang rawatan, terapi atau pembedahan untuk Penyakit Kongenital atau penyakit keturunan, kecacatan atau keilangan termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penyakit atau kecacatan bayi baru lahir yang dijangkiti sebelum atau semasa kelahiran termasuk sebarang komplikasi yang terhasil;
- 4.7 Kehamilan, bersalin (termasuk ujian diagnostik), menggugurkan kandungan, keguguran, atau penjagaan pranatal atau selepas bersalin, kaedah kawalan kelahiran dan kontraseptif secara pembedahan, mekanikal atau kimia, ujian atau rawatan yang berkaitan dengan ketidaksuburan/kemandulan atau pensterilan atau disfungsi seksual atau prosedur pertukaran jantina, termasuk sebarang komplikasi yang terhasil;
- 4.8 Sebarang jagaan atau rawatan perubatan yang diterima terutamanya untuk tujuan eksperimen atau penyiasatan, sebarang ujian darah dan alahan topikal termasuk ujian tampalan, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Keilangan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan sebarang rawatan dan ubat pencegahan, terapi sel stem, atau pemeriksaan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, atau rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan atau Pembedahan bariatrik;
- 4.9 Sebarang rawatan Pesakit Luar kecuali dinyatakan secara spesifik di bawah Lampiran ini;
- 4.10 Rawatan untuk kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau feloni, atau semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan yang mengubah minda atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras;
- 4.11 Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, jenayah, atau aktiviti penganas, tugas aktif dalam mana-mana angkatan tentera, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan atau pemberontakan awam;
- 4.12 Pengionan, radiasi atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata api nuklear;
- 4.13 Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh badan oleh Orang Yang Dilindungi dan kos perolehan organ tersebut termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya;
- 4.14 Penyiasatan dan rawatan gangguan apnea tidur dan dengkur, rawatan hiperhidrosis, terapi penggantian hormon termasuk tetapi tidak terhad kepada terapi hormon seksual dan terapi atau rawatan alternatif lain seperti tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, akupresur, refleksologi, penetapan tulang, podiatrik, rawatan pakar herba, terapi oksigen hiperbarik, urut atau terapi aroma;

- 4.15 Penjagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak diperlukan atau setakat yang perlu dibayar oleh mana-mana takaful/insurans atau indemniti lain yang melindungi Orang Yang Dilindungi dan keilatan yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah kontrak takaful/insurans Pampasan Pekerja;
- 4.16 Gangguan psikotik, mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
- 4.17 Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan jalur lebar, radio atau kemudahan serupa dan barangan bukan perubatan lain yang tidak layak;
- 4.18 Penyakit atau Kecederaan akibat daripada sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti di dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram; atau
- 4.19 Penerbangan persendirian selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana syarikat penerbangan berjadual komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan.

## PERUNTUKAN AM

### 5.1 KAWASAN GEOGRAFI

Semua manfaat yang dinyatakan di dalam Lampiran ini berkuat kuasa di seluruh dunia, dua puluh empat (24) jam sehari tertakluk kepada Klausula 5.2 dan Klausula 5.3.

### 5.2 MASTAUTIN LUAR NEGARA

Tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh Orang Yang Dilindungi di luar Malaysia, sekiranya Orang Yang Dilindungi menetap atau melancong di luar Malaysia melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

### 5.3 RAWATAN LUAR NEGARA

Sekiranya Orang Yang Dilindungi menerima rawatan luar dari Malaysia untuk sebarang Keilatan, Kami akan membayar balik jumlah Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk rawatan yang setara dan Perlu Dari Segi Perubatan bagi Keilatan tersebut di Hospital di Malaysia. Walau bagaimanapun, jika rawatan untuk Keilatan tersebut tidak tersedia di Malaysia, Kami hanya akan membayar semula jumlah yang setara dengan caj untuk rawatan dan perkhidmatan perubatan setanding yang terdekat dengan rawatan Keilatan tersebut yang terdapat di Hospital di Malaysia.

Kami tidak akan membayar semula sebarang kos pengangkutan ke atau dari tempat rawatan.

### 5.4 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

5.4.1 Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam Klausula 4, Klausula 5.4.2 atau peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, kesahihan Lampiran ini tidak dapat dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.

5.4.2 Sekiranya Lampiran ini telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang dibuat atau yang belum dibuat;

5.4.2.1 dalam peringkat cadangan;

5.4.2.2 dalam laporan doktor yang dirujuk, atau orang lain; atau

5.4.2.3 dalam dokumen yang membawa kepada penerbitan Sijil Anda

yang mana ianya tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara material atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (dinyatakan dalam Klausa 5.4.3) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.

5.4.3 Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

## **5.5 SALAH NYATA / FRAUD**

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Lampiran ini telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

- 5.5.1 Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;
- 5.5.2 perubahan kepada terma Sijil Anda;
- 5.5.3 perubahan dalam amaun Caruman; atau
- 5.5.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

## **5.6 PERKHIDMATAN SIJIL**

Perubahan kewangan terhadap Lampiran ini, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

Anda boleh membuat permohonan untuk pertukaran Jenis Pelan kepada Kami. Bukti kesihatan yang memuaskan bagi Orang Yang Dilindungi termasuk bayaran tambahan Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permohonan untuk sebarang pertukaran terhadap Sijil Anda. Jika bukti kesihatan terbukti tidak memuaskan, Kami mempunyai hak untuk membuat tawaran balas atau menolak permohonan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

## **5.7 PEMBATALAN LAMPIRAN INI**

Anda boleh memohon untuk membatalkan Lampiran ini kepada Kami. Anda tidak akan layak untuk menerima pulangan Caruman dan perlindungan Anda akan terhenti pada tarikh tamat Caruman akan datang.

Pembatalan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan Lampiran ini.

## **5.8 SERAHAN**

Lampiran ini akan diserahkan sekali bersama Sijil Asas apabila permohonan serahan telah diserahkan oleh Anda.

Serahan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan Lampiran ini.

## 5.9 KOORDINASI MANFAAT

Sekiranya Orang Yang Dilindungi menerima sebarang pampasan atau pembayaran balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung daripada insurans/takaful perubatan lain atau sebarang undang-undang atau program kerajaan, manfaat yang perlu dibayar adalah terhad kepada perbelanjaan perubatan yang tidak dibayar sepenuhnya di bawah skim tersebut.

Selepas Kami membuat pembayaran tersebut, tanggungjawab Kami akan dilepaskan sepenuhnya.

## 5.10 SYARAT PENARIKAN BALIK PORTFOLIO

Kami mempunyai hak untuk membatalkan portfolio ini secara menyeluruh jika Kami membuat keputusan untuk tidak meneruskan produk Takaful ini.

Pembatalan portfolio ini secara menyeluruh akan diberikan secara notis bertulis kepada Anda sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum Tahun Sijil tersebut tamat dan Kami akan menamatkan semua Lampiran sehingga tamat tempoh Tahun Sijil yang terkini.

## 5.11 PENAMATAN LAMPIRAN INI

Perlindungan di bawah Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik;

- 5.11.1 apabila Lampiran ini dibatalkan;
  - 5.11.2 selepas tamat tempoh notis oleh Kami untuk menarik balik Lampiran ini sepenuhnya dari pasaran mengikut klausa Syarat Penarikan Balik Portfolio;
  - 5.11.3 apabila Sijil luput;
  - 5.11.4 apabila pembayaran serahan Sijil dibuat;
  - 5.11.5 apabila Sijil Asas ditamatkan; atau
  - 5.11.6 apabila Sijil matang pada Tarikh Tamat;
- dan Kami tidak akan mengembalikan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Caruman diterima oleh Kami selepas penamatan Lampiran ini tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti tetapi Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.



## JADUAL MANFAAT

Item	Deskripsi Manfaat	Amaun Maksimum (dalam Ringgit Malaysia)							
		Pelan 150	Pelan 250	Pelan 350	Pelan 500				
<b>A. MANFAAT HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN</b>									
(1)	Bilik Dan Penginapan Hospital Harian (Tiada had bilangan hari)	150 setiap hari	250 setiap hari	350 setiap hari	500 setiap hari				
(2)	Unit Rawatan Rapi (Maksimum 60 hari bagi setiap satu keilangan)	Seperti caj yang dikenakan							
(3)	Yuran Pembedahan (Rawatan selepas pembedahan terhadap kepada 90 hari selepas keluar hospital)								
(4)	Yuran Pakar Bius								
(5)	Bilik Pembedahan								
(6)	Bekalan Dan Perkhidmatan Hospital								
(7)	Lawatan Pakar Perubatan Dan Pakar Dalam Hospital								
(8)	Yuran Ambulans								
(9)	Pembedahan Harian								
(10)	Yuran Laporan Perubatan					100 setiap keilangan			
(11)	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia (Tiada had bilangan hari)					100 setiap hari			
<b>B. RAWATAN PESAKIT LUAR</b>									
(1)	Ujian Diagnostik Sebelum Penghospitalan (maksimum 60 hari sebelum dimasukkan ke hospital)	Seperti caj yang dikenakan							
(2)	Rundingan Pakar Sebelum Penghospitalan (maksimum 60 hari sebelum dimasukkan ke hospital)								
(3)	Rawatan Selepas Penghospitalan (maksimum 90 hari selepas keluar hospital)								
(4)	Rawatan Kanser Pesakit Luar								
(5)	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar								
(6)	Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar (dalam masa 24 jam selepas kemalangan, sehingga 30 hari rawatan susulan)								
(7)	Rawatan Kecemasan Pergigian Akibat Kemalangan (dalam masa 24 jam selepas kemalangan, sehingga 14 hari rawatan susulan)								
(8)	Manfaat Penjagaan Kejururawatan Di Rumah (sehingga 180 hari seumur hidup)								
(9)	Pemindahan Organ (sekali seumur hidup)								
<b>C. HAD KESELURUHAN [Terpakai kepada kedua-dua item di bawah (A) &amp; (B)]</b>									
(1)	Had Tahunan Keseluruhan	300,000	500,000	700,000	1,000,000				
(2)	Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	Tiada had sepanjang hayat							
<b>D. MANFAAT TAMBAHAN</b>									
(1)	Bantuan Perubatan Kecemasan Antarabangsa	Ya							

\* Dicaj berdasarkan Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan, tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan.

## DEFINISI

- 1.1 “ASIA ASSISTANCE”** atau “AAN” di bawah Endorsemen ini bererti pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh Kami untuk menyediakan Bantuan Perubatan Kecemasan Antarabangsa seperti diperihalkan di Bahagian 2 di bawah.
- 1.2 “KEADAAN PERUBATAN YANG SERIUS”** bererti suatu keadaan di mana pada pendapat AAN merupakan satu kecemasan perubatan yang serius yang memerlukan rawatan pemulihan segera untuk mengelakkan kematian atau gangguan yang serius kepada prospek kesihatan bagi Orang Yang Dilindungi dalam tempoh terdekat atau jangka panjang. Keseriusan keadaan kesihatan akan dinilai dalam konteks lokasi geografi, jenis kecemasan perubatan dan adanya penjagaan atau kemudahan perubatan tempatan yang sesuai bagi Orang Yang Dilindungi.

## SKOP PERKHIDMATAN

Kami telah memeterai perjanjian dengan AAN di mana e-Kad perubatan akan dikeluarkan kepada Orang Yang Dilindungi yang akan digunakan sebagai pengesahan kelayakan bagi perkhidmatan di bawah Endorsemen ini termasuk permohonan untuk mengeluarkan surat jaminan kepada Hospital. Orang Yang Dilindungi mestilah sentiasa mengenalkan diri beliau sendiri dengan menyatakan nama penuh dan nombor kad pengenalan beliau. Apabila diminta oleh Anda dan/atau Orang Yang Dilindungi, AAN akan menyediakan Perkhidmatan Bantuan Perubatan Kecemasan Antarabangsa berikut kepada Orang Yang Dilindungi, dua puluh empat (24) jam sehari dan tujuh (7) hari seminggu:

### 2.1 PERKHIDMATAN BANTUAN PERUBATAN KECEMASAN ANTARABANGSA

Perkhidmatan berikut disediakan kepada Orang Yang Dilindungi yang berada di luar Malaysia bagi tempoh yang tidak melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut pada mana-mana satu (1) perjalanan.

#### 2.1.1 Pemindahan Perubatan Kecemasan

Berikutan rawatan kecemasan dan Penghospitalan Orang Yang Dilindungi dan selepas perundingan dengan Pengamal Perubatan yang merawat yang menentukan bahawa kemudahan perubatan tempatan tidak mencukupi untuk merawat Orang Yang Dilindungi, AAN akan mengaturkan pemindahan perubatan di bawah pengawasan perubatan yang berterusan dari Hospital yang tidak mencukupi di mana Orang Yang Dilindungi dirawat ke Hospital berdekatan yang mempunyai kemudahan perubatan yang mencukupi yang akan ditentukan oleh AAN selepas penilaian yang sewajarnya berkenaan semua fakta dan keadaan yang mana AAN ketahui pada masa yang berkenaan.

Kami akan bertanggungjawab untuk membayar kos yang ditanggung akibat pemindahan sedemikian sehingga had maksimum Dolar Amerika Syarikat Satu Juta (USD1,000,000) sahaja.

#### 2.1.2 Penghantaran Balik Dengan Penyeliaan Perubatan

Selepas perundingan dengan Pengamal Perubatan tempatan yang merawat, sekiranya rawatan boleh diteruskan di Hospital berdekatan dengan tempat tinggal berikutan kestabilan Orang Yang Dilindungi, AAN akan mengatur bagi penghantaran balik dibawah penyeliaan perubatan yang berterusan.

Semua keputusan mengenai cara pengangkutan dan destinasi terakhir akan dibuat oleh AAN, berasaskan semata-mata atas keperluan perubatan dan penilaian semua fakta dan keadaan yang mana AAN ketahui pada masa yang berkenaan.

Kami akan bertanggungjawab untuk membayar kos yang ditanggung akibat penghantaran balik sedemikian sehingga had maksimum Dolar Amerika Syarikat Satu Juta (USD1,000,000) sahaja.

### 2.1.3 Penghantaran Pulang Jenazah

Bagi kematian Orang Yang Dilindungi semasa berada di luar negara, AAN akan mengatur untuk penghantaran jenazah Orang Yang Dilindungi dari tempat kematian ke negara asal beliau sahaja atau kos pengebumian di tempat kematian seperti yang diluluskan oleh AAN.

Kami akan bertanggungjawab bagi segala pembayaran perbelanjaan yang ditanggung yang munasabah dan tidak dapat dielakkan yang berkenaan dengan perkhidmatan ini dan yang serupa dengannya ke atas Sijil ini dan semua Sijil Orang Yang Dilindungi yang sama sehingga had maksimum Dolar Amerika Syarikat Tiga Puluh Ribu (USD 30,000) sahaja.

## SYARAT - SYARAT

**3.1** Peruntukan perkhidmatan yang diperihalkan di dalam Bahagian 2 adalah tertakluk kepada syarat berikut:

3.1.1 AAN dan Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan pihak ketiga yang akan menjadi tanggungjawab Anda dan/atau tanggungjawab Orang Yang Dilindungi.

3.1.2 AAN akan menggunakan usaha terbaiknya untuk menyediakan dengan cara yang betul dan masa yang tepat maklumat dan perkhidmatan di atas kepada Orang Yang Dilindungi dan akan berhati-hati dan berusaha dalam memilih pembekal perkhidmatan di atas. Walau bagaimanapun, AAN tidak boleh menjamin kualiti pembekal perkhidmatan di atas dan pemilihan terakhir pembekal perkhidmatan akan menjadi tanggungjawab Anda dan/atau tanggungjawab Orang Yang Dilindungi. AAN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian ke atas Anda dan/atau Orang Yang Dilindungi berikutan penggunaan pembekal perkhidmatan oleh Orang Yang Dilindungi atau kelewatan dalam menyampaikan maklumat atau mesej di atas.

**3.2** Kami boleh menyemak semula, mengubah dan membatalkan mana-mana peruntukan di bawah Endorsemen ini pada bila-bila masa tanpa notis awal. Selain itu, Kami berhak menarik balik mana-mana atau semua perkhidmatan di Bahagian 2 di atas pada bila-bila masa dengan memberi tiga puluh (30) hari notis secara bertulis kepada Anda.

## PENGECUALIAN

Rawatan, kejadian atau syarat berikut adalah dikecualikan secara khusus:

**4.1** Penyakit Sedia Ada seperti ditakrifkan di dalam Lampiran di mana Endorsemen ini dikepilkan.

**4.2** Perkhidmatan Pemandangan Perubatan Kecemasan Antarabangsa atau kos-kos yang tidak diluluskan terlebih dahulu dan secara bertulis oleh AAN dan/atau yang tidak diaturkan oleh AAN. Pengecualian ini tidak akan digunakan untuk pemindahan perubatan kecemasan dari kawasan-kawasan terpencil atau primitif yang mana AAN tidak boleh dihubungi terlebih dahulu dan kelewatan perkhidmatan tersebut dijangkakan akan mengakibatkan kehilangan nyawa atau kemudaratannya yang melampau terhadap prospek Orang Yang Dilindungi.

**4.3** Sebarang kejadian yang berlaku ketika Orang Yang Dilindungi berada di dalam wilayah Malaysia, negara kediaman biasa atau negara asal beliau.

- 4.4 Sebarang perbelanjaan sekiranya Orang Yang Dilindungi melancong di luar Malaysia atau di luar negara kediamannya yang biasa, yang berbeza daripada nasihat Pengamal Perubatan atau bagi tujuan memperolehi rawatan perubatan atau untuk berehat dan pemulihan berikutan sebarang Kemalangan atau Penyakit.
- 4.5 Sebarang perbelanjaan sekiranya Orang Yang Dilindungi tidak menghadapi Keadaan Perubatan Yang Serious atau sekiranya rawatan boleh ditangguhkan sehingga Orang Yang Dilindungi kembali ke Malaysia atau negara kediamannya yang biasa.
- 4.6 Sebarang rawatan atau perbelanjaan yang berkaitan dengan melahirkan anak, keguguran (pengguguran spontan) dan kehamilan (kecuali kehamilan yang tidak normal atau komplikasi kehamilan yang serius yang membahayakan nyawa ibu dan/atau anak yang belum lahir).
- 4.7 Sebarang perbelanjaan yang berkaitan dengan penyakit atau Kecederaan dari sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari), pameran sukan, bungee jumping, mendaki gunung atau tebing yang memerlukan khidmat panduan dan penggunaan tali. Menyelam skuba, aktiviti aeronautik atau penerbangan selain daripada penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana syarikat penerbangan berjadual komersial yang dilesenkan atau penerbangan peribasi atau sukan profesional.
- 4.8 Sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk kecelaruan emosi, Penyakit mental dan gangguan psikiatri yang bertentangan dengan sebab fizikal dan khususnya perubatan.
- 4.9 Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri, bunuh diri atau cubaan bunuh diri, penagihan atau penyalahgunaan dadah, penyalahgunaan alkohol, penyakit kelamin, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau sebarang keadaan atau wabak penyakit yang berkaitan dengan AIDS.
- 4.10 Kos pengebumian di negara asal Orang Yang Dilindungi.
- 4.11 Sekiranya Orang Yang Dilindungi menyertai atau melibatkan diri di dalam perang atau sebarang tindakan peperangan, samada diisytiharkan atau tidak, penaklukan, perlakuan musuh luar, permusuhan, penentangan, revolusi, kebangkitan kuasa, ketenteraan atau rampasan kuasa, berkhidmat secara aktif dalam sebarang ketenteraan atau angkatan tentera selain daripada latihan keamanan tentera sandaran dan aktiviti yang tidak sah.
- 4.12 Sekiranya Orang Yang Dilindungi menghidap sebarang keadaan akibat radiasi pengionan atau kontaminasi akibat radioaktiviti dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari proses pembelahan atom atau dari bahan senjata nuklear.
- 4.13 Kegagalan Orang Yang Dilindungi untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah berikutan amaran tentang sebarang rancangan mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang dirancang melalui media massa.
- 4.14 Kos pengangkutan Orang Yang Dilindungi dengan menggunakan bot Orang Yang Dilindungi atau menyewa bot melainkan dipersetujui secara bertulis oleh AAN sebelum membuat pengaturan pengangkutan itu.

## PEMBATALAN

Endorsemen ini dibatalkan pada tarikh penamatan Lampiran yang mana Endorsemen ini dikepilkan.

Perlindungan di bawah Lampiran ini diberikan kepada Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam e-Sijil Sijil Asas yang diuruskan oleh Kami di mana Lampiran ini dilampirkan bersama.

Lampiran ini adalah sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya sah sekiranya Sijil Asas adalah sah. Selain itu, Lampiran ini tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil Asas kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Lampiran ini.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lampiran ini, terma dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti terma dan ungkapan yang digunakan dalam Sijil Asas.

- 1.1 **“KEMALANGAN”** bererti kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, di luar kebiasaan pada masa dan di tempat yang dikenalpasti, tanpa sebarang sebab yang lain, menjadi punca tunggal bagi Kecederaan anggota badan.
- 1.2 **“MANFAAT TUNAI HOSPITAL HARIAN”** bererti amaun tunai harian yang diberikan kepada Orang Yang Dilindungi di bawah Lampiran ini yang dinyatakan sebagai Jumlah Perlindungan di bawah Jadual Manfaat dan Caruman di dalam e-Sijil atau di dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami.
- 1.3 **“KEILATAN”** bererti sakit, wabak, Penyakit atau keseluruhan Kecederaan yang timbul daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.
- 1.4 **“HOSPITAL”** bererti sebuah institusi yang ditubuhkan dan didaftarkan dengan sewajarnya sebagai Hospital untuk jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit atas katil berbayar, dan di mana:
  - (a) mempunyai kemudahan untuk menjalankan diagnosis dan pembedahan utama;
  - (b) menyediakan khidmat penjagaan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berdaftar dan siswazah;
  - (c) di bawah penyeliaan Pengamal Perubatan; dan
  - (d) bukannya klinik; tempat untuk penagih alkohol atau dadah; pusat jagaan, rumah rehat atau pemulihan atau rumah orang tua atau institusi yang serupa dengannya.
- 1.5 **“PENGHOSPITALAN”** bererti memasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk tempoh masa yang berterusan sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam berturut-turut untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi Keilatan yang dilindungi mengikut nasihat Pengamal Perubatan. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam sekiranya pesakit tidak tinggal di Hospital secara fizikal sepanjang tempoh yang dinasihatkan.
- 1.6 **“KECEDERAAN”** bererti Kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan.
- 1.7 **“PENYAKIT”** bererti keadaan fizikal yang berbeza daripada keadaan kesihatan yang normal yang ditunjukkan dari segi patologi. Penyakit juga bererti sakit atau wabak.
- 1.8 **“UNIT RAWATAN RAPI”** atau **“ICU”** bererti bahagian di dalam Hospital yang ditetapkan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital, dan di mana ianya dijaga secara berterusan selama dua puluh empat (24) jam untuk rawatan pesakit dalam keadaan kritikal dan dilengkapi dengan perkhidmatan kejururawatan dan perubatan khas yang tidak boleh didapati di bahagian lain dalam Hospital.

- 1.9 “PERLU DARI SEGI PERUBATAN”** bererti perkhidmatan perubatan yang:
- (a) selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa untuk Keilatan yang dilindungi;
  - (b) menurut piawaian amalan perubatan yang baik, selaras dengan tahap piawaian penjagaan perubatan profesional semasa, dan manfaat perubatan yang terbukti;
  - (c) bukan untuk kemudahan Orang Yang Dilindungi atau Pengamal Perubatan, dan tidak dapat diberikan secara munasabah di luar Hospital (jika berdaftar sebagai pesakit dalam);
  - (d) bukan bersifat eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, pencegahan atau penyaringan; dan
  - (e) yang mana perubahan adalah adil dan munasabah dan lazim untuk orang yang mengalami Keilatan.
- 1.10 “PENGAMAL PERUBATAN”** bererti seorang yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihannya semasa memberikan rawatan di kawasan geografi di mana dia berkhidmat, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Peserta atau Orang Yang Dilindungi.
- 1.11 “PENYAKIT SEDIA ADA”** bererti sebarang Keilatan, Kecederaan, sakit, wabak atau Penyakit (fizikal atau mental) yang Anda atau Orang Yang Dilindungi mempunyai pengetahuan yang munasabah sebelum Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana yang terkemudian. Anda atau Orang Yang Dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah tentang keadaan sedia ada di mana keadaannya adalah satu (1) yang mana:
- (a) Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
  - (b) nasihat kesihatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan yang telah disyorkan;
  - (c) simptom yang ketara dan jelas atau telah terbukti; atau
  - (d) kewujudannya dapat dilihat dengan jelas kepada orang yang mengalami keadaan itu.
- 1.12 “PENYAKIT TERTENTU”** bererti keilatan seperti berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, berlaku dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini:
- (a) Hipertensi, diabetes mellitus dan Penyakit kardiovaskular;
  - (b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem hempedu;
  - (c) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
  - (d) Hernia, buasir, fistula, hidrokela atau varikokel;
  - (e) Endometriosis, termasuk Penyakit sistem pembiakan wanita; atau
  - (f) Gangguan vertebra-tulang belakang (termasuk cakera) dan penyakit lutut.
- 1.13 “TEMPOH MENUNGGU”** bererti tiga puluh (30) hari pertama di antara permulaan Keilatan Orang Yang Dilindungi dan Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana yang terkemudian, kecuali Kecederaan tidak sengaja dan Penyakit Tertentu. Bagi Penyakit Tertentu, Tempoh Menunggu adalah satu ratus dua puluh (120) hari.

Sekiranya ada pecahan di dalam perlindungan, Tempoh Menunggu akan diaplikasikan semula dari Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini.

Tiada Tempoh Menunggu bagi Kecederaan tidak sengaja.

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Lampiran ini dikeluarkan atas pertimbangan terhadap permohonan Anda dan pembayaran Caruman tambahan yang ditentukan di dalam e-Sijil atau Endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Kami pada selang masa dan tarikh patut dibayar yang sama sepertimana Caruman di bawah Sijil Asas bermula dari Tarikh Permulaan Lampiran ini sehingga dan termasuk tarikh Caruman terakhir yang patut dibayar.

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa, semua Caruman perlu dibayar terlebih dahulu pada tarikh patut dibayar berdasarkan Manfaat Tunai Hospital Harian, Umur Kemasukan dan jantina Orang Yang Dilindungi sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini. Caruman tambahan boleh dikenakan berdasarkan pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

Caruman yang perlu dibayar akan dikreditkan ke dalam AP. Selepas itu, yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, seperti dinyatakan di dalam Klausula 2.2 dan Klausula 2.3 di bawah, akan ditolak tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Asas dan Lampiran ini.

### 2.2 YURAN DAN CAJ

#### 2.2.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Lampiran ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda.

Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Caruman telah dibuat.

#### 2.2.2 CAJ PERKHIDMATAN

Caj Perkhidmatan bulanan akan ditolak secara bulanan daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, pada setiap Ulang Tahun Bulanan Sijil ini, sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini.

Caj Perkhidmatan di bawah Lampiran ini adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) setiap bulan.

### 2.3 TABARRU'

2.3.1 Pengiraan Tabarru' bulanan akan berdasarkan:

- (a) Manfaat Tunai Hospital Harian; and
- (b) kadar Tabarru' pada Umur Dicapai dan jantina Orang Yang Dilindungi.

2.3.2 Sekiranya Orang Yang Dilindungi terjejas dari segi kesihatan dan/atau terlibat di dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, tambahan Tabarru' mungkin dikenakan tertakluk kepada keputusan underait Kami.

2.3.3 Amaun Tabarru' akan ditolak secara bulanan bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk Ulang Tahun Bulanan sebaik sebelum Tarikh Tamat.

2.3.4 Tabarru' akan terus dipotong daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, ke dalam AKP tanpa mengambil kira sama ada Anda telah membuat Caruman seterusnya atau tidak di bawah Lampiran ini.



2.3.5 Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin. Kami mungkin mengubah kadar Tabarru' pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar Tabarru' baharu akan diguna pakai ke atas semua Orang Yang Dilindungi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

Semua yuran, caj dan Tabarru' di atas adalah tidak dijamin. Sekiranya ada perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Yuran, caj dan Tabarru' baharu hanya akan dikenakan pada Ulang Tahun Sijil akan datang.

## KEJADIAN DI MANA MANFAAT AKAN DIBAYAR

Semasa Lampiran ini sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, Kami akan membayar manfaat berikut sebelum Tarikh Tamat:

- 3.1 seratus peratus (100%) Manfaat Tunai Hospital Harian untuk setiap hari kemasukan yang lengkap di dalam wad biasa Hospital, sehingga maksimum seratus lapan puluh (180) hari Penghospitalan setiap Tahun Sijil; atau
- 3.2 dua ratus peratus (200%) Manfaat Tunai Hospital Harian untuk setiap hari kemasukan yang lengkap di dalam *ICU* Hospital, sehingga maksimum tiga puluh (30) hari untuk setiap satu (1) Keilatan.

Sekiranya kemasukan Orang Yang Dilindungi berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil di mana Orang Yang Dilindungi mencapai umur satu (1) atau dua (2) tahun pada hari lahir akan datang, Manfaat Tunai Hospital Harian akan diselaraskan seperti berikut:

- (a) Lima puluh peratus (50%) Manfaat Tunai Hospital Harian untuk setiap hari kemasukan yang lengkap di dalam wad biasa Hospital, sehingga maksimum seratus lapan puluh (180) hari Penghospitalan setiap Tahun Sijil; atau
- (b) Tujuh puluh lima peratus (75%) Manfaat Tunai Hospital Harian untuk setiap hari kemasukan yang lengkap di dalam *ICU* Hospital, sehingga maksimum tiga puluh (30) hari untuk setiap satu (1) Keilatan.

Dengan syarat:

- (a) Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital dengan tempoh minimum dua puluh empat (24) jam berturut-turut akibat sebarang Keilatan selepas Tempoh Menunggu atau Kemalangan; dan
- (b) Penerimaan dan kelulusan ke atas bukti pengesahan Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital di Malaysia sebagai pesakit dalam di atas cadangan Pengamal Perubatan dibekalkan kepada Kami.

Bagi mengelakkan keraguan, tiada Manfaat Tunai Hospital Harian di dalam wad biasa akan dibayar bagi tempoh penghospitalan yang sama di mana Manfaat Tunai Hospital Harian untuk kemasukan *ICU* dibayar dan sebaliknya.

Jumlah amaun Manfaat Tunai Hospital Harian yang akan dibayar oleh Kami adalah terhad kepada Lima Ratus Ringgit Malaysia (RM 500) di bawah produk ini dan semua perlindungan myHospital Cash termasuk sebarang pelan perlindungan Hospital tunai/pendapatan dengan sebarang nama atau deskripsi, melindungi Orang Yang Dilindungi yang sama.

Manfaat di atas akan dibayar daripada AKP.

## PENGECUALIAN

Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk Penghospitallan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, kesemuanya atau sebahagian, oleh salah satu (1) kejadian berikut:

- 4.1 Penyakit Sedia Ada;
- 4.2 Penghospitallan disebabkan oleh Penyakit atau Penyakit Tertentu yang berlaku dalam Tempoh Menunggu;
- 4.3 Kehamilan, bersalin (termasuk bersalin secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan, penjagaan pranatal atau selepas bersalin dan kaedah kawalan kelahiran atau kontraseptif secara pembedahan, mekanikal atau kimia dan rawatan yang berkaitan dengan ketidaksuburan/kemandulan. Disfungsi erektil dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan.
- 4.4 Gangguan psikotik, mental atau saraf, termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya.
- 4.5 Penyakit atau Kecederaan yang berlaku semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan yang mengubah minda.
- 4.6 Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, jenayah, atau aktiviti penganas, tugas aktif dalam mana-mana angkatan tentera, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan atau pemberontakan awam.
- 4.7 Pengionan, radiasi atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata api nuklear.
- 4.8 Sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau sebarang aktiviti jenayah atau penganas yang dimulakan hasil hasutan olehnya.
- 4.9 Cubaan bunuh diri atau Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras.
- 4.10 Penerbangan persendirian selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana syarikat penerbangan berjadual komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- 4.11 Penyakit atau Kecederaan akibat daripada sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti di dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram.
- 4.12 Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (*AIDS*), jangkitan *Human Immunodeficiency Virus (HIV)* atau keadaan yang berkaitan.
- 4.13 Penghospitallan yang dianggap sebagai tidak munasabah dan tidak Perlu Dari Segi Perubatan mengikut diagnosis dan rawatan untuk keadaan/penyakit berikut.
- 4.14 Pemeriksaan atau perundingan perubatan rutin, penjagaan dan rawatan kosmetik atau pergigian atau pembedahan plastik, pendermaan organ atau tisu, prosedur menukar jantung, pembedahan eksperimen atau elektif atau anomali kongenital.

## PERUNTUKAN AM

### 5.1 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

5.1.1 Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam Klausa 4, Klausa 5.1.2 atau peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, kesahihan Lampiran ini tidak dapat dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.

5.1.2 Sekiranya Lampiran ini telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang dibuat atau yang belum dibuat;

5.1.2.1 dalam peringkat cadangan;

5.1.2.2 dalam laporan doktor yang dirujuk, atau orang lain; atau

5.1.2.3 dalam dokumen yang membawa kepada penerbitan Sijil Anda

yang mana ianya tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara material atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (dinyatakan dalam Klausa 5.1.3) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.

5.1.3 Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

### 5.2 SALAH NYATA / FRAUD

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Lampiran ini telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

5.2.1 Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;

5.2.2 perubahan kepada terma Sijil Anda;

5.2.3 perubahan dalam amaun Caruman; atau

5.2.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

### 5.3 PERKHIDMATAN SIJIL

Perubahan kewangan terhadap Lampiran ini, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

Anda boleh membuat permohonan untuk pertukaran Manfaat Tunai Hospital Harian kepada Kami. Bukti kesihatan yang memuaskan bagi Orang Yang Dilindungi termasuk bayaran tambahan Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permohonan untuk sebarang pertukaran terhadap Sijil Anda. Jika bukti kesihatan terbukti tidak memuaskan, Kami mempunyai hak untuk membuat tawaran balas atau menolak permohonan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

#### **5.4 PEMBATALAN LAMPIRAN INI**

Anda boleh memohon untuk membatalkan Lampiran ini kepada Kami. Anda tidak akan layak untuk menerima pulangan Caruman dan perlindungan Anda akan terhenti pada tarikh tamat Caruman akan datang.

Pembatalan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan Lampiran ini.

#### **5.5 SERAHAN**

Lampiran ini akan diserahkan sekali bersama Sijil Asas apabila permohonan serahan telah diserahkan oleh Anda.

Serahan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa serahan Lampiran ini.

#### **5.6 PENAMATAN LAMPIRAN INI**

Perlindungan di bawah Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik;

5.6.1 apabila Lampiran ini dibatalkan;

5.6.2 apabila Sijil luput;

5.6.3 apabila bayaran serahan Sijil dibuat;

5.6.4 apabila Sijil Asas ditamatkan; atau

5.6.5 apabila Sijil matang pada Tarikh Tamat;

dan Kami tidak akan mengembalikan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Caruman diterima oleh Kami selepas penamatan Lampiran ini tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti tetapi Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.

Perlindungan di bawah Lampiran ini diberikan kepada Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam e-Sijil Sijil Asas yang diuruskan oleh Kami di mana Lampiran ini dilampirkan bersama.

Lampiran ini adalah sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya sah sekiranya Sijil Asas adalah sah. Selain itu, Lampiran ini tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil Asas kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Lampiran ini.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lampiran ini, terma dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti terma dan ungkapan yang digunakan dalam Sijil Asas.

- 1.1 **“KEMALANGAN”** bererti kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, di luar kebiasaan pada masa dan di tempat yang dikenalpasti, tanpa sebarang sebab yang lain, menjadi punca tunggal bagi Kecederaan anggota badan.
- 1.2 **“AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN”** adalah seperti berikut:
- (a) Pemindahan  
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
  - (b) Pergerakan  
Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
  - (c) Perihal Mengawal  
Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.
  - (d) Pemakaian  
Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
  - (e) Mandi/ Membersihkan diri  
Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tab mandi atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
  - (f) Makan  
Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.
- 1.3 **“TEMPOH PENILAIAN”** bererti tempoh yang mana Kami akan menilai keadaan sebelum menentukan samada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai Kekal. Tempoh Penilaian adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi yang berkaitan dan tidak akan lebih daripada dua belas (12) bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).
- 1.4 **“KECEDERAAN”** bererti Kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan.
- 1.5 **“TIDAK BOLEH PULIH”** bererti tidak boleh dipulihkan dengan sewajarnya oleh rawatan perubatan dan/atau prosedur pembedahan yang konsisten dengan piawaian semasa perkhidmatan perubatan yang boleh didapati di Malaysia.
- 1.6 **“PENGAMAL PERUBATAN”** bererti seorang yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang semasa memberikan rawatan, mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihannya di kawasan geografi di mana dia berkhidmat, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Peserta atau Orang Yang Dilindungi.

- 1.7 “KAKITANGAN PERUBATAN”** ditakrifkan sebagai doktor (doktor am dan pakar), pengamal tradisional, jururawat, paramedik, juruteknik makmal, doktor gigi, jururawat pergigian atau pekerja ambulans yang bekerja di pusat perubatan atau hospital atau klinik/poliklinik pergigian di Malaysia. Doktor, pengamal tradisional, jururawat dan doktor gigi mesti berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 1.8 “PAKAR NEUROLOGI”** bererti seorang Pengamal Perubatan yang mana di perakui oleh lembaga dalam bidang neurologi dan Fellow bagi Persatuan Neurologi samada di United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada atau Australia.
- 1.9 “KEKAL”** bererti dijangka untuk kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi.
- 1.10 “DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN”** bererti simptom difungsi dalam sistem saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi. Simptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthria (kesukaran bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.
- 1.11 “TEMPOH MENUNGGU”** bererti enam puluh (60) hari pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian, bagi Kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari. Bagi penyakit kritikal (seperti yang ditakrifkan dalam Klausu 3.2) selain daripada yang di atas, Tempoh Menunggu bererti tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian. Sekiranya perlindungan terhenti, Tempoh Menunggu akan dimulakan semula dari Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini.

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Lampiran ini dikeluarkan atas pertimbangan terhadap permohonan Anda dan pembayaran tambahan Caruman yang ditentukan di dalam e-Sijil atau Endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Kami pada selang masa dan tarikh patut dibayar yang sama sepertimana Caruman di bawah Sijil Asas bermula dari Tarikh Permulaan lampiran ini sehingga dan termasuk tarikh Caruman terakhir yang patut dibayar.

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa, semua Caruman perlu dibayar terlebih dahulu pada tarikh patut dibayar berdasarkan Jumlah Perlindungan Lampiran ini, Umur Kemasukan dan jantina Orang Yang Dilindungi sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini. Caruman tambahan boleh dikenakan berdasarkan pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

Caruman yang perlu dibayar akan dikreditkan ke dalam AP. Selepas itu, yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, seperti dinyatakan di dalam Klausu 2.2 dan Klausu 2.3 di bawah, akan ditolak tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Asas dan Lampiran ini.

### 2.2 YURAN DAN CAJ

#### 2.2.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Lampiran ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda.

Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Caruman telah dibuat.

### 2.2.2 CAJ PERKHIDMATAN

Caj Perkhidmatan bulanan akan ditolak secara bulanan daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, pada setiap Ulang Tahun Bulanan Sijil, sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini.

Caj Perkhidmatan di bawah Lampiran ini adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) setiap bulan.

## 2.3 TABARRU'

2.3.1 Pengiraan Tabarru' bulanan akan berdasarkan:

- (a) Jumlah Perlindungan Lampiran ini; dan
- (b) kadar Tabarru' pada Umur Dicapai dan jantina Orang Yang Dilindungi.

2.3.2 Sekiranya Orang Yang Dilindungi terjejas dari segi kesihatan dan/atau terlibat di dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, tambahan Tabarru' mungkin dikenakan tertakluk kepada keputusan underait Kami.

2.3.3 Amaun Tabarru' akan ditolak secara bulanan bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk Ulang Tahun Bulanan sebaik sebelum Tarikh Tamat.

2.3.4 Tabarru' akan terus dipotong daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, ke dalam AKP tanpa mengambil kira sama ada Anda telah membuat Caruman seterusnya atau tidak di bawah Lampiran ini.

2.3.5 Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin. Kami mungkin mengubah kadar Tabarru' pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar Tabarru' baharu akan diguna pakai ke atas semua Orang Yang Dilindungi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

Semua yuran, caj dan Tabarru' di atas adalah tidak dijamin. Sekiranya ada perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Yuran, caj dan Tabarru' baharu hanya akan dikenakan pada Ulang Tahun Sijil akan datang.

## KEJADIAN DI MANA MANFAAT AKAN DIBAYAR

### 3.1 MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL

Semasa Lampiran ini sedang berkuatkuasa dan tertakluk kepada terma, syarat dan Tempoh Menunggu, sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnos menghidap penyakit kritikal sebelum Tarikh Tamat Tempoh seperti yang ditakrifkan di dalam Klausula 3.2 seperti di bawah, Kami akan membayar Jumlah Perlindungan Lampiran ini.

Dengan Syarat:

3.1.1 Tuntutan terhadap penyakit kritikal mestilah didiagnos oleh Pengamal Perubatan dan disokong dengan bukti klinikal, radiologi, histologi dan bukti makmal yang memuaskan kepada Kami.

3.1.2 Jika terdapat tuntutan penyakit kritikal yang sah telah dikemukakan di bawah Lampiran ini, manfaat untuk penyakit kritikal yang sama tidak akan dibayar pada masa akan datang.



- 3.1.3 Jumlah amaun agregat manfaat yang dibayar di bawah Lampiran ini secara keseluruhannya tidak harus melebihi seratus peratus (100%) dari Jumlah Perlindungan Lampiran ini tanpa mengira bilangan penyakit kritikal yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi pada bila-bila masa.
- 3.1.4 Tuntutan yang dibuat di bawah Lampiran ini akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Sijil Asas bagi amaun yang telah dibayar yang sama di bawah Lampiran ini. Apabila Jumlah Perlindungan Sijil Asas telah dibayar secara penuh, Sijil Asas akan ditamatkan secara automatik.
- 3.1.5 Sekiranya penyakit kritikal berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil di mana umur Orang Yang Dilindungi mencapai umur lima (5) tahun pada hari lahir yang akan datang, Jumlah Perlindungan Lampiran ini akan berkurang mengikut jadual di bawah, berdasarkan Umur beliau pada hari lahir akan datang:

Umur Hari Lahir Akan Datang Pada Tarikh Diagnosis Penyakit Kritikal	Jumlah Manfaat Baru (Peratusan (%) Jumlah Perlindungan Lampiran ini)
Satu (1)	20
Dua (2)	40
Tiga (3)	60
Empat (4)	80
Lima (5) dan ke atas	100

Apabila pembayaran penuh amaun manfaat baru dibuat seperti jadual di atas, Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik.

- 3.1.6 Amaun keseluruhan Jumlah Perlindungan yang dibayar oleh Kami adalah terhad sehingga Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) di bawah ini dan semua perlindungan *myCritical Illness*, perlindungan *myMultipay Critical Illness* dan sebarang perlindungan pada masa akan datang dengan sebarang nama atau deskripsi, melindungi Orang Yang Dilindungi yang sama.

## 3.2 DEFINISI PENYAKIT KRITIKAL

### 3.2.1 SERANGAN JANTUNG – KETERUKAN TERTENTU

Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

- Sejarah sakit dada tipikal;
- Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyonsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
- Peningkatan petunjuk kardiium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:  
Troponin T Kardiium atau Troponin I Kardiium  $> / = 0.5$  ng/ml.

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil; dan
- Peningkatan petunjuk kardiium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

### 3.2.2 STROK/ANGIN AHMAR – MENGAKIBATKAN DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM –SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang Pakar Neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah digunapakai.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Serangan iskemia sementara (TIA);
- (b) Simptom serebral yang disebabkan oleh migrain;
- (c) Kecederaan traumatik pada tisu otak atau salur darah; dan
- (d) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi vestibular.

### 3.2.3 KANSER–KETERUKAN TERTENTU DAN TIDAK MELINDUNGI KANSER TAHAP AWAL

Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dengan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
  - Pra-malignan;
  - Bukan invasif;
  - Karsinoma in situ;
  - Mempunyai malignan pinggiran (borderline); dan/atau
  - Mempunyai potensi malignan;
- (b) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (c) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (d) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (e) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;
- (f) Semua kanser dengan kewujudan HIV; dan
- (g) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.

### 3.2.4 PEMBEDAHAN PINTASAN ARTERI KORONARI

Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Angioplasti;
- (b) Teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
- (c) Prosedur lubang kunci (keyhole); dan
- (d) Prosedur laser.

### 3.2.5 PENYAKIT ARTERI KORONARI SERIUS

Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleksi (tidak termasuk cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleksi. Kejadian yang dilindungi akan dibayar tidak mengira sama ada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.

### 3.2.6 ANGIOPLASTI DAN RAWATAN INVASIF LAIN UNTUK PENYAKIT ARTERI KORONARI

Menjalani Angioplasti Belon Arteri Koronari, arterektomi, rawatan laser atau memasukkan sten buat pertama kali untuk membetulkan satu atau lebih arteri koronari yang sempit atau tersumbat seperti yang dibuktikan oleh angiografi, untuk kali pertama.

Prosedur penyiasatan intra-arteri adalah tidak dilindungi. Pembayaran di bawah klausa ini adalah terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada perlindungan penyakit kritikal di bawah sijil ini tertakluk kepada jumlah maksimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM 25,000). Kejadian yang dilindungi akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada amaun Jumlah Perlindungan Lampiran ini, sekali gus mengurangkan amaun Jumlah Perlindungan yang boleh dibayar seterusnya di bawah Lampiran ini.

### 3.2.7 KARDIOMIOPATI – KETERUKAN TERTENTU

Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel Kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- (a) Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom.
- (b) Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.

### 3.2.8 PEMBEDAHAN INJAP JANTUNG

Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau membaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Pembaikan menerusi prosedur intra-arteri; dan
- (b) Pembaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa.

### 3.2.9 PEMBEDAHAN AORTA

Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) angioplasti;
- (b) lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berasaskan kateter;
- (c) prosedur lubang kunci (keyhole) yang lain; dan
- (d) prosedur laser.

### 3.2.10 HIPERTENSI ARTERI PULMONARI PRIMER – KETERUKAN TERTENTU

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal Kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.

Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- (a) Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom.
- (b) Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

### 3.2.11 SKLEROSIS MULTIPLE

Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh Pakar Neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:

- (a) Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
- (b) Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
- (c) Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.

### 3.2.12 PENYAKIT ALZHEIMER / DEMENSIA TERUK

Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Demensia Teruk yang disebabkan oleh Kecelaruhan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Orang Yang Dilindungi. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh Pakar Neurologi.

Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Kecelaruhan otak bukan organik seperti neurosis;
- (b) Penyakit psikiatrik; dan
- (c) Kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

### 3.2.13 PENYAKIT NEURON MOTOR – DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh Pakar Neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsy progresif, sklerosis amiotrofik lateral atau sklerosis lateral utama. Mesti ada Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan.

### 3.2.14 PENYAKIT PARKINSON – MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
- (b) Menunjukkan tanda kemerosotan progresif; dan
- (c) Pengesahan keilatan Kekal Orang Yang Dilindungi untuk melaksanakan tiga (3) atau lebih Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.

### 3.2.15 ENSEFALITIS - MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN

Keradangan teruk bahan otak, mengakibatkan kecacatan fungsian Kekal. Kecacatan fungsian Kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai. Kejadian yang dilindungi mestilah disahkan oleh Pakar Neurologi.

Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.

### 3.2.16 MENINGITIS BAKTERIA - MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN

Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi Kekal. Kerosakan fungsi Kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- (a) seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan
- (b) kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar.

Untuk definisi di atas, lain-lain bentuk meningitis, termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.

### 3.2.17 TUMOR OTAK BENIGN – KETERUKAN TERTENTU

Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Ia mengancam nyawa;
- (b) Ia menyebabkan kerosakan otak;
- (c) Ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan; dan
- (d) Kewujudannya mesti disahkan oleh Pakar Neurologi pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Sista;
- (ii) Granuloma;
- (iii) Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak;
- (iv) Hematoma;
- (v) Tumor di dalam kelenjar pituitari;
- (vi) Tumor di dalam tulang belakang; dan
- (vii) Tumor saraf akustik.

### 3.2.18 PEMBEDAHAN OTAK

Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Prosedur lubang gerudi (burr hole);
- (b) Prosedur transfenoid;
- (c) Prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum; dan
- (d) Pembedahan otak akibat Kemalangan.

### 3.2.19 TRAUMA KEPALA MAJOR (TERUK) – MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN

Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan Kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh Pakar Neurologi. Kerosakan Kekal fungsian mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan digunapakai.

### 3.2.20 HEPATITIS VIRAL FULMINAN

Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:

- (a) Penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;
- (b) Nekrosis (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;
- (c) Ujian kefungsi hati yang semakin merosot; dan
- (d) Jaundis yang semakin mendalam.

Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas adalah tidak dilindungi.

### 3.2.21 KEGAGALAN HATI TAHAP AKHIR

Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:

- (a) Jaundis kekal;
- (b) Asites (lebih cecair dalam kaviti peritoneal); dan
- (c) Ensefalopati hepatic.

Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.

### 3.2.22 PENYAKIT PARU-PARU TAHAP AKHIR

Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik. Semua kriteria berikut mestilah dipenuhi:

- (a) Keperluan rawatan oksigen berkala secara Kekal;
- (b) Gangguan Kekal pada fungsi paru-paru dengan Isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;
- (c) Sesak nafas dalam keadaan rehat; dan
- (d) Analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.

### 3.2.23 ANEMIA APLASTIK KRONIK – MENGAKIBATKAN KEGAGALAN KEKAL SUMSUM TULANG

Kegagalan Kekal dan tidak boleh pulih sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:

- (a) Tranfusi produk darah berkala;
- (b) Agen perangsang sumsum;
- (c) Agen immunosupresif; atau
- (d) Transplan sumsum tulang.

Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.

### 3.2.24 DISTROFI OTOT

Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh Pakar Neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut:

- (a) Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;
- (b) Tiada penglibatan saraf tengah / periferan sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor; dan
- (c) Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Peristiwa Dilindungi sebelum Orang Yang Dilindungi mencapai umur 12 tahun tarikh lahir berikutnya.

### 3.2.25 KEGAGALAN BUAH PINGGANG – MEMERLUKAN DIALISIS ATAU TRANSPLAN BUAH PINGGANG

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik Tidak Boleh Pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.



### 3.2.26 BUTA – KEKAL DAN TIDAK BOLEH PULIH

Kehilangan penglihatan Kekal dan Tidak Boleh Pulih akibat Kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

### 3.2.27 PEKAK – KEKAL DAN TIDAK BOLEH PULIH

Hilang Upaya mendengar secara Kekal dan Tidak Boleh Pulih akibat Kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

### 3.2.28 HILANG KEUPAYAAN BERTUTUR

Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya, Kekal dan Tidak Boleh Pulih disebabkan oleh Kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai. Bukti perubatan untuk mengesahkan Kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Semua sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi.

### 3.2.29 KELECURAN TAHAP KETIGA – KETERUKAN TERTENTU

Lecuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.

### 3.2.30 TRANSPLAN ORGAN UTAMA/ SUMSUM TULANG

Penerimaan transplan seperti berikut:

- (a) Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasi sumsum tulang menyeluruh; atau
- (b) Salah satu daripada organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang Tidak Boleh Pulih akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.

Lain-lain pemindahan sel stem adalah tidak dilindungi.

### 3.2.31 KELUMPUHAN ANGGOTA

Hilang penggunaan penuh, Kekal dan Tidak Boleh Pulih kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, akibat lumpuh disebabkan oleh penyakit atau Kecederaan. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

### 3.2.32 KOMA – MENGAKIBATKAN DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL YANG BERTERUSAN

Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang gerak balas atau tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari digunapakai. Pengesahan oleh Pakar Neurologi mesti dikemukakan.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Koma diakibatkan langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

### 3.2.33 LUPUS ERITEMATOSUS SISTEMIK DENGAN KOMPLIKASI BUAH PINGGANG YANG TERUK

Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus oleh WHO:

Jenis III : Glomerulonefritis Segmen Fokus

Jenis IV : Glomerulonefritis Resap

Jenis V : Glomerulonefritis Bermembran

### 3.2.34 KEHILANGAN UPAYA HIDUP SENDIRI (BERDIKARI)

Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

### 3.2.35 JANGKITAN HIV MELALUI TRANSFUSI DARAH

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- (b) Transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas kuatkuasa sijil;
- (c) Sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfusi darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV;
- (d) Orang Yang Dilindungi tidak menghidap hemophilia; dan
- (e) Orang Yang Dilindungi bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.

### 3.2.36 AIDS DENGAN GEJALA PENUH

Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) mesti disokong oleh keputusan positif ujian antibodi HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan satu ujian pengesahan. Sebagai tambahan, Orang Yang Dilindungi perlu mempunyai kiraan sel CD4 kurang daripada dua ratus (200)/ $\mu$ L dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria berikut:

- (a) Kehilangan lebih daripada 10% daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom susut badan);
- (b) Sarkoma Kaposi;
- (c) Radang Paru-Paru *Pneumocystis Carinii*;
- (d) Leukoensefalopati multifokal progresif;
- (e) Tuberkulosis (batuk kering) aktif;
- (f) Kurang daripada seribu (1,000) Limfosit; dan
- (g) Limfoma Malignan.

### 3.2.37 JANGKITAN VIRUS (HIV) YANG DIPEROLEHI SECARA PEKERJAAN

Jangkitan dengan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (sekiranya Orang Yang Dilindungi adalah Kakitangan Perubatan), di mana ia diperolehi hasil daripada Kemalangan yang berlaku dalam masa enam (6) bulan dari Kemalangan. Sebarang Kemalangan menimbulkan tuntutan berpotensi mesti dilaporkan kepada Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kemalangan berlaku disokong oleh ujian HIV negatif yang diambil dalam tempoh tujuh (7) hari dari Kemalangan.

### 3.2.38 PENYAKIT TERMINAL

Diagnosis konklusif bagi keadaan yang dijangka mengakibatkan kematian Orang Yang Dilindungi dalam masa dua belas (12) bulan. Orang Yang Dilindungi tidak lagi menerima rawatan aktif selain dari melegakan kesakitan. Diagnosis mesti disokong dengan pengesahan bertulis daripada pakar yang sesuai dan disahkan oleh doktor yang dilantik oleh Kami.

### 3.2.39 PENYAKIT MEDULLARY CYSTIC

Penyakit keturunan progresif buah pinggang yang dicirikan oleh kehadiran sista dalam medulla, atrofi tiub dan fibrosis interstitial dengan manifestasi klinikal anemia, poliuria dan kehilangan natrium buah pinggang, berkembang menjadi kegagalan buah pinggang kronik. Diagnosis mesti disokong oleh biopsi buah pinggang.

### 3.2.40 SINDROM APALIK (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)

Nekrosis universal korteks otak dengan batang otak utuh. Diagnosis ini mesti disahkan oleh perunding Pakar Neurologi dengan mengadakan temujanji sedemikian di hospital yang diluluskan. Keadaan ini mesti didokumenkan secara perubatan untuk sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

### 3.2.41 HEPATITIS AUTOIMUN KRONIK

Gangguan hati nekro-radang kronik yang tidak diketahui punca yang dikaitkan dengan auto-antibodi yang beredar dan paras globulin serum yang tinggi. Diagnosis mesti berdasarkan semua kriteria berikut:

- (a) Hypergammaglobulinaemia;
- (b) Kehadiran sekurang-kurangnya satu (1) daripada autoantibodi berikut:
  - (i) Antibodi anti-nuklear;
  - (ii) Antibodi otot anti licin;
  - (iii) Antibodi anti-aktin;
  - (iv) Antibodi anti-LKM-1;
  - (v) Antibodi anti-LC1; atau
  - (vi) Antibodi anti-SLA/LP
- (c) Biopsi hati pengesahan diagnosis hepatitis auto-imun.

Ini hanya dilindungi jika Orang Yang Dilindungi telah menjalani terapi immunosupresif berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan diagnosis mesti disahkan oleh pakar gastroenterologi atau hepatologi.

### 3.2.42 PANKREATITIS BERSAMBUNG KRONIK

Lebih daripada tiga (3) serangan pankreatitis mengakibatkan Kekal disfungsi pankreas menyebabkan malabsorpsi yang memerlukan terapi penggantian enzim.

Diagnosis mesti dibuat oleh pakar gastroenterologi perunding dan disahkan oleh *Endoscopic Retrograde Cholangiopancreatography (ERCP)*.

Pankreatitis Berulang Kronik yang disebabkan oleh pengambilan alkohol atau penyalahgunaan dadah dikecualikan.

### 3.2.43 PENYAKIT CREUTZFELDT-JAKOB

Kejadian Penyakit Creutzfeldt-Jakob atau Varian Penyakit Creutzfeldt-Jakob di mana terdapat defisit neurologi yang berkaitan, disertai dengan tanda dan gejala disfungsi cerebellar, demensia progresif yang teruk, kekejangan otot yang tidak terkawal, gegaran dan athetosis yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk ketidakupayaan Kekal Orang Yang Dilindungi untuk melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) dari senarai Aktiviti Kehidupan Harian.

Keadaan ini perlu didokumenkan secara perubatan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan disahkan oleh perunding Pakar Neurologi berdasarkan penemuan konklusif Electroencephalography (EEG) dan Cerebrospinal Fluid (CSF) serta imbasan Tomografi Berkomputer (CT) dan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI).

Penyakit yang disebabkan oleh rawatan hormon pertumbuhan manusia dikecualikan.

### 3.2.44 DEMAM BERDARAH EBOLA

Jangkitan virus Ebola menyebabkan demam dan pendarahan dalaman atau luaran. Semua kriteria berikut mesti dipenuhi:

- (a) Kehadiran virus Ebola telah disahkan oleh ujian makmal;
- (b) Pendarahan mukosa atau gastrousus telah berlaku; dan
- (c) Diagnosis Ebola Hemorrhagic Fever mesti disahkan oleh pakar Pengamal Perubatan.

### 3.2.45 ELEPHANTIASIS

Elephantiasis adalah akibat dan komplikasi filariasis, yang dicirikan oleh pembengkakan besar-besaran dalam tisu badan akibat daripada peredaran terhalang Kekal dalam saluran limfa, mengakibatkan ketidakupayaan Kekal Orang Yang Dilindungi untuk melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada yang disenaraikan Aktiviti Kehidupan Harian.

Diagnosis jelas Elephantiasis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar penyakit berjangkit atau pakar dalam bidang berkaitan, termasuk pengesahan makmal mikrofilaria.

Limfoedema yang disebabkan oleh jangkitan dengan penyakit kelamin, trauma, parut selepas pembedahan, kegagalan jantung kongestif atau keabnormalan sistem limfa kongenital adalah dikecualikan.

### 3.2.46 POLIOMIELITIS

Kejadian Poliomielititis di mana syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) Poliovirus dikenal pasti sebagai punca; dan
- (b) Kelumpuhan otot anggota badan atau otot pernafasan mesti ada dan berterusan selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan.

### 3.2.47 SCLERODERMA PROGRESIF

Penyakit kolagen-vaskular sistemik yang menyebabkan fibrosis meresap progresif pada kulit, saluran darah dan organ viseral. Diagnosis ini mesti disokong dengan jelas oleh biopsi dan bukti serologi dan gangguan itu mestilah mencapai perkadaran sistemik untuk melibatkan jantung, paru-paru atau buah pinggang.

### 3.2.48 SINDROM EISENMENGER TERUK

Sindrom Eisenmenger yang teruk bermaksud berlakunya shunt terbalik atau dua arah akibat hipertensi pulmonari, yang disebabkan oleh gangguan jantung.

Kedua-dua kriteria berikut mesti dipenuhi:

- (a) Kehadiran kecacatan fizikal Kekal yang dikelaskan sebagai NYHA IV; dan
- (b) Diagnosis Sindrom Eisenmenger dan tahap kecacatan fizikal mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar yang merupakan pakar kardiologi.

Manfaat di atas akan dibayar daripada AKP.

## PENGECUALIAN

Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk penyakit kritikal yang berlaku secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana sebab berikut:

- 4.1 Penyakit kritikal yang telah wujud pada Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana yang terkemudian.
- 4.2 Penyakit kritikal dimana:
  - 4.2.1 Sebarang keadaan yang wujud atau telah didiagnos semasa Tempoh Menunggu atau selepas tamat Tempoh Menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang wujud atau telah didiagnos semasa Tempoh Menunggu, kecuali bagi penyakit kritikal yang dialami akibat Kecederaan; atau
  - 4.2.2 Tanda atau simptom yang wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang mendorong seseorang mendapatkan rawatan dan perhatian perubatan, walaupun diagnosis yang terhasil berlaku sebelum atau selepas Tempoh Menunggu tamat.
- 4.3 Tuntutan bagi penyakit kritikal yang diperihalkan di dalam 4.2.1 dan/atau 4.2.2 di atas tidak boleh diterima jika pemberitahuan bagi tuntutan tersebut telah diberikan kepada Kami selepas tamat Tempoh Menunggu.
- 4.4 Sebarang penyakit secara langsung atau tidak langsung, disebabkan atau berpunca daripada bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau pencemaran akibat radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses penyelenggaraan pembelahan nuklear.
- 4.5 Semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda.
- 4.6 Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras.

## PERUNTUKAN AM

### 5.1 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

- 5.1.1 Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam Klausula 4, Klausula 5.1.2 atau peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, kesahihan Lampiran ini tidak dapat dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.
- 5.1.2 Sekiranya Lampiran ini telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang dibuat atau yang belum dibuat;
  - 5.1.2.1 dalam peringkat cadangan;
  - 5.1.2.2 dalam laporan doktor yang dirujuk, atau orang lain; atau
  - 5.1.2.3 dalam dokumen yang membawa kepada pengeluaran Sijil Anda,

yang mana ianya tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara material atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (dinyatakan dalam Klausula 5.1.3) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.

- 5.1.3 Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

## 5.2 SALAH NYATA / FRAUD

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Lampiran ini telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

- 5.2.1 Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;
- 5.2.2 perubahan kepada terma Sijil Anda;
- 5.2.3 perubahan dalam amaun Caruman; atau
- 5.2.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

## 5.3 PERKHIDMATAN SIJIL

Perubahan kewangan terhadap Lampiran ini, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

Anda boleh membuat mengemukakan permohonan Anda untuk mengubah Jumlah Perlindungan Lampiran ini kepada Kami. Bukti kesihatan yang memuaskan bagi Orang Yang Dilindungi termasuk bayaran tambahan Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permintaan untuk sebarang pertukaran terhadap Sijil Anda. Jika bukti perubatan terbukti tidak memuaskan, Kami mempunyai hak untuk membuat tawaran balas atau menolak permintaan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

## 5.4 PEMBATALAN LAMPIRAN INI

Anda boleh memohon untuk membatalkan Lampiran ini kepada Kami. Anda tidak akan layak untuk menerima pulangan Caruman dan perlindungan Anda akan terhenti pada tarikh Caruman patut dibayar yang akan datang.

Pembatalan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan Lampiran ini.

## 5.5 SERAHAN

Lampiran ini akan diserahkan sekali bersama Sijil Asas apabila permohonan serahan telah diserahkan oleh Anda.

Serahan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa serahan Lampiran ini.

## 5.6 SYARAT PENARIKAN PORTFOLIO

Kami mempunyai hak untuk membatalkan portfolio ini secara menyeluruh jika Kami membuat keputusan untuk tidak meneruskan produk Takaful ini.

Pembatalan portfolio ini secara menyeluruh akan diberikan notis bertulis kepada Anda sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tamat tempoh Tahun Sijil dan Kami akan menamatkan semua Lampiran kepada tamat tempoh Tahun Sijil yang terkini.



## 5.7 PENAMATAN LAMPIRAN INI

Perlindungan di bawah Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik;

5.7.1 apabila Lampiran ini dibatalkan;

5.7.2 apabila tuntutan terkumpul di bawah Lampiran ini telah mencapai seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan Lampiran ini;

5.7.3 setelah notis terakhir dari Kami untuk menarik balik semua Lampiran ini dari pasaran mengikut klausa Syarat Penarikan Portfolio;

5.7.4 apabila Sijil luput;

5.7.5 apabila bayaran serahan Sijil dibuat;

5.7.6 apabila Sijil Asas ditamatkan; atau

5.7.7 apabila Sijil matang pada Tarikh Tamat;

dan Kami tidak akan mengembalikan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Caruman diterima oleh Kami selepas penamatan Lampiran ini tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti kepada Kami tetapi Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.

Perlindungan di bawah Lampiran ini diberikan kepada Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam e-Sijil Sijil Asas yang diuruskan oleh Kami di mana Lampiran ini dilampirkan bersama.

Lampiran ini adalah sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya sah sekiranya Sijil Asas adalah sah. Selain itu, Lampiran ini tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil Asas kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Lampiran ini.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lampiran ini, terma dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti terma dan ungkapan yang digunakan dalam Sijil Asas.

- 1.1 **“KEMALANGAN”** bererti kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, di luar kebiasaan pada masa dan di tempat yang dikenalpasti, tanpa sebarang sebab yang lain, menjadi punca tunggal bagi Kecederaan anggota badan.
- 1.2 **“AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN”** adalah seperti berikut:
  - (a) Pemindahan  
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
  - (b) Pergerakan  
Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
  - (c) Perihal Mengawal  
Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.
  - (d) Pemakaian  
Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
  - (e) Mandi/ Membersihkan diri  
Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tab mandi atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
  - (f) Makan  
Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.
- 1.3 **“TEMPOH PENILAIAN”** bererti tempoh yang mana Kami akan menilai keadaan sebelum menentukan samada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai Kekal. Tempoh Penilaian adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi yang berkaitan dan tidak akan lebih daripada dua belas (12) bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).
- 1.4 **“KECEDERAAN”** bererti Kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan.
- 1.5 **“TIDAK BOLEH PULIH”** bererti tidak boleh dipulihkan dengan sewajarnya oleh rawatan perubatan dan/atau prosedur pembedahan yang konsisten dengan piawai semasa perkhidmatan perubatan yang boleh didapati di Malaysia.
- 1.6 **“PENGAMAL PERUBATAN”** bererti seseorang yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang semasa memberikan rawatan, mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihannya di kawasan geografi di mana dia berkhidmat, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Peserta atau Orang Yang Dilindungi.
- 1.7 **“KAKITANGAN PERUBATAN”** ditakrifkan sebagai doktor (doktor am dan pakar), pengamal tradisional, jururawat, paramedik, juruteknik makmal, doktor gigi, jururawat pergigian atau pekerja ambulans yang bekerja di pusat perubatan atau hospital atau klinik/poliklinik pergigian di Malaysia. Doktor, pengamal tradisional, jururawat dan doktor gigi mesti berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 1.8 **“PAKAR NEUROLOGI”** bererti seorang Pengamal Perubatan yang mana di perakui oleh lembaga dalam bidang neurologi dan Fellow bagi Persatuan Neurologi samada di United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada atau Australia.
- 1.9 **“KEKAL”** bererti dijangka untuk kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi.
- 1.10 **“DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN”** bererti simptom difungsi dalam sistem saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi. Simptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthria (kesukaran

bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.

- 1.11 “TEMPOH MENUNGGU”** bererti enam puluh (60) hari pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian, bagi Kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari dan penyakit arteri koronari serius. Bagi penyakit kritikal (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 3.2) selain daripada yang di atas, Tempoh Menunggu bererti tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian. Sekiranya perlindungan terberhenti, Tempoh Menunggu akan dimulakan semula dari Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini.
- 1.12 “TEMPOH HIDUP”** bererti Orang Yang Dilindungi mesti hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis dengan penyakit kritikal yang dilindung (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 3.2).

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Lampiran ini dikeluarkan atas pertimbangan terhadap permohonan Anda dan pembayaran tambahan Caruman yang ditentukan di dalam e-Sijil atau Endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Kami pada selang masa dan tarikh patut dibayar yang sama sepertimana Caruman di bawah Sijil Asas bermula dari Tarikh Permulaan Lampiran ini sehingga dan termasuk tarikh Caruman terakhir yang patut dibayar.

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa, semua Caruman perlu dibayar terlebih dahulu pada tarikh patut dibayar berdasarkan Jumlah Perlindungan Lampiran ini, Umur Kemasukan dan jantina Orang Yang Dilindungi sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini. Caruman tambahan boleh dikenakan berdasarkan pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

Caruman yang perlu dibayar akan dikreditkan ke dalam AP. Selepas itu, yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, seperti dinyatakan di dalam Klausula 2.2 dan Klausula 2.3 di bawah, akan ditolak tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Asas dan Lampiran ini.

### 2.2 YURAN DAN CAJ

#### 2.2.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Lampiran ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda.

Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Caruman telah dibuat.

#### 2.2.2 CAJ PERKHIDMATAN

Caj Perkhidmatan bulanan akan ditolak secara bulanan, daripada AP dan/atau ILF, mana yang berkenaan, pada setiap Ulang Tahun Bulanan Sijil ini, sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini.

Caj Perkhidmatan di bawah Lampiran ini adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) setiap bulan.

### 2.3 TABARRU'

2.3.1 Pengiraan Tabarru' bulanan akan berdasarkan:

- (a) Jumlah Perlindungan Lampiran ini; dan
- (b) kadar Tabarru' pada Umur Dicapai dan jantina Orang Yang Dilindungi.

2.3.2 Sekiranya Orang Yang Dilindungi terjejas dari segi kesihatan dan/atau terlibat di dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, tambahan Tabarru' mungkin dikenakan tertakluk kepada keputusan underait Kami.

2.3.3 Amaun Tabarru' akan ditolak secara bulanan bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk Ulang Tahun Bulanan sebaik sebelum Tarikh Tamat.

- 2.3.4 Tabarru' akan terus dipotong daripada AP dan/atau ILF, mana yang berkenaan, ke dalam AKP tanpa mengambil kira sama ada Anda telah membuat Caruman seterusnya atau tidak di bawah Lampiran ini.
- 2.3.5 Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin. Kami mungkin mengubah kadar Tabarru' pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar Tabarru' baharu akan diguna pakai ke atas semua Orang Yang Dilindungi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

Semua yuran, caj dan Tabarru' di atas adalah tidak dijamin. Sekiranya ada perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Yuran, caj dan Tabarru' baharu hanya akan dikenakan pada Ulang Tahun Sijil akan datang.

## KEJADIAN DI MANA MANFAAT AKAN DIBAYAR

### 3.1 MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL

Semasa Lampiran ini sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma, syarat dan Tempoh Menunggu, sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnosis menghidap penyakit kritikal sebelum Tarikh Tamat seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 3.2 di bawah, Kami akan membayar Jumlah Perlindungan Lampiran ini.

Dengan syarat:

- 3.1.1 Tuntutan terhadap penyakit kritikal mestilah didiagnosis oleh Pengamal Perubatan dan disokong dengan bukti klinikal, radiologi, histologi dan bukti makmal yang memuaskan kepada Kami.
- 3.1.2 Jika terdapat tuntutan penyakit kritikal yang sah telah dikemukakan di bawah Lampiran ini, manfaat untuk penyakit kritikal yang sama tidak akan dibayar pada masa akan datang.
- 3.1.3 Seratus peratus (100%) dari Jumlah Perlindungan Lampiran ini akan dibayar selepas Tempoh Hidup. Orang Yang Dilindungi dibenarkan membuat tiga (3) tuntutan dan sehingga tiga (3) kali Jumlah Perlindungan sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini. Setiap kondisi penyakit kritikal boleh dibuat tuntutan hanya sekali dan minimum dua belas (12) bulan tempoh menunggu akan terpakai di antara setiap tuntutan penyakit kritikal.
- 3.1.4 Amaun maksimum yang akan dibayar bagi jumlah tuntutan daripada kejadian, penyakit atau Kecederaan yang sama di bawah Lampiran ini adalah seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan Lampiran ini. Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) penyakit kritikal yang didiagnosis pada tarikh yang sama, Kami hanya akan membayar satu (1) tuntutan penyakit kritikal sahaja.
- 3.1.5 Sekiranya jumlah pembayaran bagi penyakit kritikal telah mencapai seratus peratus (100%) atau lebih daripada Jumlah Perlindungan bagi Lampiran ini, tiada manfaat akan dibayar bagi sebarang tuntutan yang timbul daripada 'Penyakit Terminal' (seperti yang ditakrifkan di dalam Klausula 3.2.37) dan 'Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)' (seperti yang ditakrifkan di dalam Klausula 3.2.33).
- 3.1.6 Sekiranya penyakit kritikal berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil di mana umur Orang Yang Dilindungi mencapai umur lima (5) tahun pada hari lahir yang akan datang, Jumlah Perlindungan Lampiran ini akan berkurang mengikut jadual di bawah, berdasarkan umur beliau pada hari lahir akan datang:

Umur Hari Lahir Akan Datang pada Tarikh Diagnosis Penyakit Kritikal	Jumlah Manfaat Baru (Peratusan (%) Jumlah Perlindungan Lampiran ini)
Satu (1)	20
Dua (2)	40
Tiga (3)	60
Empat (4)	80
Lima (5) dan ke atas	100

Apabila pembayaran penuh amaun manfaat baru dibuat seperti jadual di atas, Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik, tertakluk kepada Klausula 3.1.3.

- 3.1.7 Amaun keseluruhan Jumlah Perlindungan yang dibayar oleh Kami adalah terhad sehingga Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) di bawah ini dan semua perlindungan myMultipay Critical Illness,

perlindungan myCritical Illness, dan sebarang perlindungan penyakit kritikal pada masa akan datang dengan sebarang nama atau deskripsi, melindungi Orang Yang Dilindungi yang sama.

### 3.2 DEFINISI PENYAKIT KRITIKAL

#### 3.2.1 SERANGAN JANTUNG - KETERUKAN TERTENTU

Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

- (a) Sejarah sakit dada tipikal;
- (b) Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyonsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
- (c) Peningkatan petunjuk kardiium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:  
Troponin T Kardiium atau Troponin I Kardiium  $> / = 0.5$  ng/ml.

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil; dan
- (ii) Peningkatan petunjuk kardiium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

#### 3.2.2 STROK/ANGIN AHMAR - MENGAKIBATKAN DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM - SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang Pakar Neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah digunapakai.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Serangan iskemia sementara (TIA);
- (b) Simptom serebral yang disebabkan oleh migrain;
- (c) Kecederaan traumatik pada tisu otak atau salur darah; dan
- (d) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi vestibular.

#### 3.2.3 KANSER-KETERUKAN TERTENTU DAN TIDAK MELINDUNGI KANSER TAHAP AWAL

Sebarang tumor malignan yang didiagnosis positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dengan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
  - Pra-malignan;
  - Bukan invasif;
  - Karsinoma in situ;
  - Mempunyai malignan pinggiran (borderline); dan/atau
  - Mempunyai potensi malignan;
- (b) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);

- (c) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (d) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (e) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;
- (f) Semua kanser dengan kewujudan HIV; dan
- (g) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.

### 3.2.4 PEMBEDAHAN PINTASAN ARTERI KORONARI

Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Angioplasti;
- (b) Teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
- (c) Prosedur lubang kunci (keyhole); dan
- (d) Prosedur laser.

### 3.2.5 PENYAKIT ARTERI KORONARI SERIUS

Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleksi (tidak termasuk cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleksi. Kejadian yang dilindungi akan dibayar tidak mengira sama ada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.

### 3.2.6 KARDIOMIOPATI-KETERUKAN TERTENTU

Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel Kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- (a) Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom.
- (b) Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.

### 3.2.7 PEMBEDAHAN INJAP JANTUNG

Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau membaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Pembaikan menerusi prosedur intra-arteri; dan
- (b) Pembaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa.



### 3.2.8 PEMBEDAHAN AORTA

Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) angioplasti;
- (b) lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berasaskan kateter;
- (c) prosedur lubang kunci; dan
- (d) prosedur laser.

### 3.2.9 HIPERTENSI ARTERI PULMONARI PRIMER - KETERUKAN TERTENTU

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal Kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.

Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini. Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- (a) Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom.
- (b) Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

### 3.2.10 SKLEROSIS MULTIPLEL

Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh Pakar Neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:

- (a) Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
- (b) Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
- (c) Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.

### 3.2.11 PENYAKIT ALZHEIMER / DEMENSIA TERUK

Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Demensia Teruk yang disebabkan oleh Kecelaruan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Orang Yang Dilindungi. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh Pakar Neurologi.

Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Kecelaruan otak bukan organik seperti neurosis;
- (b) Penyakit psikiatrik; dan
- (c) Kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

### 3.2.12 PENYAKIT NEURON MOTOR-DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh Pakar Neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsy progresif, sklerosis amiotrofik lateral atau sklerosis lateral utama. Mesti ada Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan.



### **3.2.13 PENYAKIT PARKINSON - MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN**

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
- (b) Menunjukkan tanda kemerosotan progresif; dan
- (c) Pengesahan keilatan Kekal Orang Yang Dilindungi untuk melaksanakan tiga (3) atau lebih Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.

### **3.2.14 ENSEFALITIS - MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN**

Keradangan teruk bahan otak, mengakibatkan kecacatan fungsian Kekal. Kecacatan fungsian Kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai. Kejadian yang dilindungi mestilah disahkan oleh Pakar Neurologi.

Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.

### **3.2.15 MENINGITIS BAKTERIA - MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN**

Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi Kekal. Kerosakan fungsi Kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- (a) seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan
- (b) kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar.

Untuk definisi di atas, lain-lain bentuk meningitis, termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.

### **3.2.16 TUMOR OTAK BENIGN - KETERUKAN TERTENTU**

Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Ia mengancam nyawa;
- (b) Ia menyebabkan kerosakan otak;
- (c) Ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan; dan
- (d) Kewujudannya mesti disahkan oleh Pakar Neurologi pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Sista;
- (ii) Granuloma;
- (iii) Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak;
- (iv) Hematoma;
- (v) Tumor di dalam kelenjar pituitary;
- (vi) Tumor di dalam tulang belakang; dan
- (vii) Tumor saraf akustik.

### 3.2.17 PEMBEDAHAN OTAK

Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Prosedur lubang gerudi (burr hole);
- (b) Prosedur transfenoid;
- (c) Prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum; dan
- (d) Pembedahan otak akibat Kemalangan.

### 3.2.18 TRAUMA KEPALA MAJOR (TERUK) - MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN

Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan Kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh Pakar Neurologi. Kerosakan Kekal fungsian mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan digunapakai.

### 3.2.19 HEPATITIS VIRAL FULMINAN

Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:

- (a) Penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;
- (b) Nekrosis Gangguan (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;
- (c) Ujian kefungsi hati yang semakin merosot; dan
- (d) Jaundis yang semakin mendalam.

Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas adalah tidak dilindungi.

### 3.2.20 KEGAGALAN HATI TAHAP AKHIR

Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:

- (a) Jaundis kekal;
- (b) Asites (lebih cecair dalam kaviti peritoneal); dan
- (c) Ensefalopati hepatic.

Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.

### 3.2.21 PENYAKIT PARU - PARU TAHAP AKHIR

Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik.

Semua kriteria berikut mestilah dipenuhi:

- (a) Keperluan rawatan oksigen berkala secara Kekal;
- (b) Gangguan Kekal pada fungsi paru-paru dengan Isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;
- (c) Sesak nafas dalam keadaan rehat; dan
- (d) Analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.

### 3.2.22 ANEMIA APLASTIK KRONIK - MENGAKIBATKAN KEGAGALAN KEKAL SUMSUM TULANG

Kegagalan Kekal dan tidak boleh pulih sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:

- (a) Tranfusi produk darah berkala;

- (b) Agen perangsang sumsum;
- (c) Agen immunosupresif; atau
- (d) Transplan sumsum tulang.

Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.

### **3.2.23 DISTROFI OTOT**

Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh Pakar Neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut:

- (a) Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;
- (b) Tiada penglibatan saraf tengah / periferan sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor; dan
- (c) Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Peristiwa Dilindungi sebelum Orang Yang Dilindungi mencapai umur dua belas (12) tahun hari lahir akan datang.

### **3.2.24 KEGAGALAN BUAH PINGGANG - MEMERLUKAN DIALISIS ATAU TRANSPLAN BUAH PINGGANG**

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik Tidak Boleh Pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

### **3.2.25 BUTA - KEKAL DAN TIDAK BOLEH PULIH**

Kehilangan penglihatan Kekal dan Tidak Boleh Pulih akibat Kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

### **3.2.26 PEKAK - KEKAL DAN TIDAK BOLEH PULIH**

Hilang Upaya mendengar secara Kekal dan Tidak Boleh Pulih akibat Kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

### **3.2.27 HILANG KEUPAYAAN BERTUTUR**

Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya, Kekal dan Tidak Boleh Pulih disebabkan oleh Kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai. Bukti perubatan untuk mengesahkan Kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Semua sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi.

### **3.2.28 KELECURAN TAHAP KETIGA - KETERUKAN TERTENTU**

Lecuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.

### 3.2.29 TRANSPLAN ORGAN UTAMA/ SUMSUM TULANG

Penerimaan transplan seperti berikut:

- (a) Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasi sumsum tulang menyeluruh; atau
- (b) Salah satu daripada organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang Tidak Boleh Pulih akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.

Lain-lain pemindahan sel stem adalah tidak dilindungi.

### 3.2.30 KELUMPUHAN ANGGOTA

Hilang penggunaan penuh, Kekal dan Tidak Boleh Pulih kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, akibat lumpuh disebabkan oleh penyakit atau Kecederaan. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

### 3.2.31 KOMA - MENGAKIBATKAN DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL YANG BERTERUSAN

Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang gerak balas atau tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari digunapakai. Pengesahan oleh Pakar Neurologi mesti dikemukakan.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Koma diakibatkan secara langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

### 3.2.32 LUPUS ERITEMATOSUS SISTEMIK DENGAN KOMPLIKASI BUAH PINGGANG YANG TERUK

Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus oleh WHO:

Jenis III : Glomerulonefritis Segmen Fokus

Jenis IV : Glomerulonefritis Resap

Jenis V : Glomerulonefritis Bermembran

### 3.2.33 KEHILANGAN UPAYA HIDUP SENDIRI (BERDIKARI)

Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

### 3.2.34 JANGKITAN HIV MELALUI TRANSFUSI DARAH

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- (b) Transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas kuat kuasa sijil;
- (c) Sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfusi darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV;
- (d) Orang Yang Dilindungi tidak menghidap hemofilia; dan

- (e) Orang Yang Dilindungi bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.

### 3.2.35 AIDS DENGAN GEJALA PENUH

Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) mesti disokong oleh keputusan positif ujian antibodi HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan satu ujian pengesahan. Sebagai tambahan, Orang Yang Dilindungi perlu mempunyai kiraan sel CD4 kurang daripada dua ratus (200)/ $\mu$ L dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria berikut:

- (a) Kehilangan lebih daripada 10% daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom susut badan);
- (b) Sarkoma Kaposi;
- (c) Radang Paru-Paru Pneumocystis Carinii;
- (d) Leukoensefalopati multifokal progresif;
- (e) Tuberkulosis (batuk kering) aktif;
- (f) Kurang daripada seribu (1,000) Limfosit; dan
- (g) Limfoma Malignan.

### 3.2.36 JANGKITAN VIRUS (HIV) YANG DIPEROLEHI SECARA PEKERJAAN

Jangkitan dengan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (sekiranya Orang Yang Dilindungi adalah Kakitangan Perubatan), di mana ia diperolehi hasil daripada Kemalangan yang berlaku dalam masa enam (6) bulan dari Kemalangan. Sebarang Kemalangan menimbulkan tuntutan berpotensi mesti dilaporkan kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kemalangan berlaku disokong oleh ujian HIV negatif yang diambil dalam tempoh tujuh (7) hari dari Kemalangan.

### 3.2.37 PENYAKIT TERMINAL

Diagnosis konklusif bagi keadaan yang dijangka mengakibatkan kematian Orang Yang Dilindungi dalam masa dua belas (12) bulan. Orang Yang Dilindungi tidak lagi menerima rawatan aktif selain dari melegakan kesakitan. Diagnosis mesti disokong dengan pengesahan bertulis daripada pakar yang sesuai dan disahkan oleh doktor yang dilantik oleh Kami.

### 3.2.38 PENYAKIT MEDULLARY CYSTIC

Penyakit keturunan progresif buah pinggang yang dicirikan oleh kehadiran sista dalam medulla, atrofi tiub dan fibrosis interstisial dengan manifestasi klinikal anemia, poliuria dan kehilangan natrium buah pinggang, berkembang menjadi kegagalan buah pinggang kronik. Diagnosis mesti disokong oleh biopsi buah pinggang.

### 3.2.39 SINDROM APALIK (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)

Nekrosis universal korteks otak dengan batang otak utuh. Diagnosis ini mesti disahkan oleh perunding Pakar Neurologi dengan mengadakan temujanji sedemikian di hospital yang diluluskan. Keadaan ini mesti didokumenkan secara perubatan untuk sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

### 3.2.40 HEPATITIS AUTOIMUN KRONIK

Gangguan hati nekro-radang kronik yang tidak diketahui punca yang dikaitkan dengan auto-antibodi yang beredar dan paras globulin serum yang tinggi. Diagnosis mesti berdasarkan semua kriteria berikut:

- (a) Hypergammaglobulinaemia;
- (b) Kehadiran sekurang-kurangnya satu (1) daripada autoantibodi berikut:
  - (i) Antibodi anti-nuklear;
  - (ii) Antibodi otot anti licin;
  - (iii) Antibodi anti-aktin;
  - (iv) Antibodi anti-LKM-1;

- (v) Antibodi anti-LC1; atau
- (vi) Antibodi anti-SLA/LP
- (c) Biopsi hati pengesahan diagnosis hepatitis auto-imun.

Ini hanya dilindungi jika Orang Yang Dilindungi telah menjalani terapi immunosupresif berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan diagnosis mesti disahkan oleh pakar gastroenterologi atau hepatologi.

### 3.2.41 PANKREATITIS BERSAMBUNG KRONIK

Lebih daripada tiga (3) serangan pankreatitis mengakibatkan Kekal disfungsi pankreas menyebabkan malabsorpsi yang memerlukan terapi penggantian enzim.

Diagnosis mesti dibuat oleh pakar gastroenterologi perunding dan disahkan oleh *Endoscopic Retrograde Cholangiopancreatography (ERCP)*.

Pankreatitis Berulang Kronik yang disebabkan oleh pengambilan alkohol atau penyalahgunaan dadah dikecualikan.

### 3.2.42 PENYAKIT CREUTZFELDT - JAKOB

Kejadian Penyakit Creutzfeldt-Jakob atau Varian Penyakit Creutzfeldt-Jakob di mana terdapat defisit neurologi yang berkaitan, disertai dengan tanda dan gejala disfungsi cerebellar, demensia progresif yang teruk, kekejangan otot yang tidak terkawal, gegaran dan athetosis yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk ketidakupayaan Kekal Orang Yang Dilindungi untuk melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) dari senarai Aktiviti Kehidupan Harian.

Keadaan ini perlu didokumenkan secara perubatan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan disahkan oleh perunding Pakar Neurologi berdasarkan penemuan konklusif Electroencephalography (EEG) dan Cerebrospinal Fluid (CSF) serta imbasan Tomografi Berkomputer (CT) dan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI).

Penyakit yang disebabkan oleh rawatan hormon pertumbuhan manusia dikecualikan.

### 3.2.43 DEMAM BERDARAH EBOLA

Jangkitan virus Ebola menyebabkan demam dan pendarahan dalaman atau luaran. Semua kriteria berikut mesti dipenuhi:

- (a) Kehadiran virus Ebola telah disahkan oleh ujian makmal;
- (b) Pendarahan mukosa atau gastrousus telah berlaku; dan
- (c) Diagnosis Ebola Hemorrhagic Fever mesti disahkan oleh pakar Pengamal Perubatan.

### 3.2.44 ELEPHANTIASIS

Elephantiasis adalah akibat dan komplikasi filariasis, yang dicirikan oleh pembengkakan besar-besaran dalam tisu badan akibat daripada peredaran terhalang Kekal dalam saluran limfa, mengakibatkan ketidakupayaan Kekal Orang Yang Dilindungi untuk melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada yang disenaraikan Aktiviti Kehidupan Harian.

Diagnosis jelas Elephantiasis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar penyakit berjangkit atau pakar dalam bidang berkaitan, termasuk pengesahan makmal mikrofilaria.

Limfoedema yang disebabkan oleh jangkitan dengan penyakit kelamin, trauma, parut selepas pembedahan, kegagalan jantung kongestif atau keabnormalan sistem limfa kongenital adalah dikecualikan.



### 3.2.45 POLIOMYELITIS

Kejadian Poliomieltitis di mana syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) Poliovirus dikenal pasti sebagai punca; dan
- (b) Kelumpuhan otot anggota badan atau otot pernafasan mesti ada dan berterusan selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan.

### 3.2.46 SCLERODERMA PROGRESIF

Penyakit kolagen-vaskular sistemik yang menyebabkan fibrosis meresap progresif pada kulit, saluran darah dan organ viseral. Diagnosis ini mesti disokong dengan jelas oleh biopsi dan bukti serologi dan gangguan itu mestilah mencapai perkadaran sistemik untuk melibatkan jantung, paru-paru atau buah pinggang.

### 3.2.47 SINDROM EISENMENGER TERUK

Sindrom Eisenmenger yang teruk bermaksud berlakunya shunt terbalik atau dua arah akibat hipertensi pulmonari, yang disebabkan oleh gangguan jantung.

Kedua-dua kriteria berikut mesti dipenuhi:

- (a) Kehadiran kecacatan fizikal Kekal yang dikelaskan sebagai NYHA IV; dan
- (b) Diagnosis Sindrom Eisenmenger dan tahap kecacatan fizikal mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar yang merupakan pakar kardiologi.

Manfaat di atas akan dibayar daripada AKP.

## PENGECCUALIAN

Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk penyakit kritikal yang berlaku secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana sebab berikut:

- 4.1 Penyakit kritikal yang telah wujud pada Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian;
- 4.2 Penyakit kritikal dimana:
  - 4.2.1 Sebarang keadaan yang wujud atau telah didiagnosis semasa Tempoh Menunggu atau selepas tamat Tempoh Menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang wujud atau telah didiagnosis semasa Tempoh Menunggu, kecuali bagi penyakit kritikal yang dialami akibat Kecelakaan; atau
  - 4.2.2 Tanda atau symptom yang wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang mendorong seseorang mendapatkan rawatan dan perhatian perubatan, walaupun diagnosis yang terhasil berlaku sebelum atau selepas Tempoh Menunggu tamat.
- 4.3 Tuntutan bagi penyakit kritikal yang diperihalkan di dalam 4.2.1 dan/atau 4.2.2 di atas tidak boleh diterima jika pemberitahuan bagi tuntutan tersebut telah diberikan kepada Kami selepas tamat Tempoh Menunggu.
- 4.4 Sebarang penyakit secara langsung atau tidak langsung, disebabkan atau berpunca daripada bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau pencemaran akibat radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses penyelenggaraan pembelahan nuklear.
- 4.5 Semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda.
- 4.6 Kecelakaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras.



## PERUNTUKAN AM

### 5.1 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

- 5.1.1 Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam Klausa 4, Klausa 5.1.2 atau peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, kesahihan Lampiran ini tidak dapat dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.
- 5.1.2 Sekiranya Lampiran ini telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang dibuat atau yang belum dibuat;
- 5.1.2.1 dalam peringkat cadangan;
  - 5.1.2.2 dalam laporan doktor yang dirujuk, atau orang lain; atau
  - 5.1.2.3 dalam dokumen yang membawa kepada penerbitan Sijil Anda
- yang mana ianya tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara material atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (dinyatakan dalam Klausa 5.1.3) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.
- 5.1.3 Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

### 5.2 SALAH NYATA / FRAUD

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Lampiran ini telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

- 5.2.1 Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;
- 5.2.2 perubahan kepada terma Sijil Anda;
- 5.2.3 perubahan dalam amaun Caruman; atau
- 5.2.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

### 5.3 PERKHIDMATAN SIJIL

Perubahan kewangan terhadap Lampiran ini, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

Anda boleh membuat mengemukakan permintaan Anda untuk mengubah Jumlah Perlindungan Lampiran ini kepada Kami. Bukti kesihatan yang memuaskan bagi Orang Yang Dilindungi termasuk bayaran tambahan Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permintaan untuk sebarang pertukaran terhadap Sijil Anda. Jika bukti perubatan terbukti tidak memuaskan, Kami mempunyai hak untuk membuat tawaran balas atau menolak permintaan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

### 5.4 PEMBATALAN LAMPIRAN INI

Anda boleh memohon untuk membatalkan Lampiran ini kepada Kami. Anda tidak akan layak untuk menerima pulangan Caruman dan perlindungan Anda akan terhenti pada tarikh Caruman patut dibayar yang akan datang.

Pembatalan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan Lampiran ini.

### 5.5 SERAHAN

Lampiran ini akan diserahkan sekali bersama Sijil Asas apabila permohonan serahan telah diserahkan oleh Anda.

Serahan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan,

yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa serahan Lampiran ini.

#### **5.6 SYARAT PENARIKAN PORTFOLIO**

Kami mempunyai hak untuk membatalkan portfolio ini secara menyeluruh jika Kami membuat keputusan untuk tidak meneruskan produk Takaful ini.

Pembatalan portfolio ini secara menyeluruh akan diberikan notis bertulis kepada Anda sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tamat tempoh Tahun Sijil dan Kami akan menamatkan semua Lampiran kepada tamat tempoh Tahun Sijil yang terkini.

#### **5.7 PENAMATAN LAMPIRAN INI**

Perlindungan di bawah Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik;

5.7.1 apabila Lampiran ini dibatalkan;

5.7.2 apabila tiga (3) kali amaun Jumlah Perlindungan Lampiran ini telah dibayar;

5.7.3 setelah notis terakhir dari Kami untuk menarik balik semua Lampiran ini dari pasaran mengikut klausa Syarat Penarikan Portfolio;

5.7.4 apabila Sijil luput;

5.7.5 apabila bayaran serahan Sijil dibuat;

5.7.6 apabila Sijil Asas ditamatkan; atau

5.7.7 apabila Sijil matang pada Tarikh Tamat;

dan Kami tidak akan mengembalikan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Caruman diterima oleh Kami selepas penamatan Lampiran ini tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti kepada Kami tetapi Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.

Perlindungan di bawah Lampiran ini diberikan kepada Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam e-Sijil Sijil Asas yang diuruskan oleh Kami di mana Lampiran ini dilampirkan bersama.

Lampiran ini sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya sah sekiranya Sijil Asas adalah sah. Selain itu, Lampiran ini tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil Asas kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Lampiran ini.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lampiran ini, terma dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti terma dan ungkapan yang digunakan dalam Sijil Asas.

- 1.1 **“KEMALANGAN”** bererti kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, di luar kebiasaan pada masa dan di tempat yang dikenalpasti, tanpa sebarang sebab yang lain, menjadi punca tunggal bagi Kecederaan anggota badan.
- 1.2 **“KECEDERAAN”** bererti Kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan.
- 1.3 **“KEHILANGAN”** bererti:
  - a) pemisahan sebenar bahagian badan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Skala Indemniti Lampiran ini; atau
  - b) keilatan menyeluruh dan kekal yang tidak dapat dipulihkan bagi bahagian badan atau fungsi tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Skala Indemniti Lampiran ini.
- 1.4 **“PENGHANTARAN AWAM”** bererti operasi syarikat penerbangan komersil berlesen bagi laluan berjadual tetap atau pengangkutan awam komersil berlesen (terhad kepada kenderaan dan keretapi yang beroperasi di atas jalan raya dan landasan keretapi sahaja) sepanjang laluan yang ditubuhkan dengan jadual tetap seperti bas, keretapi atau monorel. Kereta kabel, teksi, kereta sewa atau apa bentuk pengangkutan yang disewa bagi perjalanan persendirian, adalah dikecualikan.

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Lampiran ini dikeluarkan atas pertimbangan terhadap permohonan Anda dan pembayaran Caruman tambahan yang ditentukan di dalam e-Sijil atau Endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Kami pada selang masa dan tarikh patut dibayar yang sama sepertimana Caruman di bawah Sijil Asas bermula dari Tarikh Permulaan lampiran ini sehingga dan termasuk tarikh Caruman terakhir yang patut di bayar.

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa, semua Caruman perlu dibayar terlebih dahulu pada tarikh patut di bayar berdasarkan Jumlah Perlindungan Lampiran ini, Umur Kemasukan dan kelas pekerjaan Orang Yang Dilindungi sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini. Caruman tambahan boleh dikenakan berdasarkan pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

Caruman yang perlu dibayar akan dikreditkan ke dalam AP. Selepas itu, yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, seperti dinyatakan di dalam Klausula 2.2 dan Klausula 2.3 di bawah, akan ditolak tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Asas dan Lampiran ini.

### 2.2 YURAN DAN CAJ

#### 2.2.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Lampiran ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda.

Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Caruman telah dibuat.

#### 2.2.2 CAJ PERKHIDMATAN

Caj Perkhidmatan bulanan akan ditolak secara bulanan daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, pada setiap Ulang Tahun Bulanan Sijil ini, sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini.

Caj Perkhidmatan di bawah Lampiran ini adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) setiap bulan.

## 2.3 TABARRU'

2.3.1 Pengiraan Tabarru' bulanan akan berdasarkan:

- a) Jumlah Perlindungan Lampiran ini; dan
- b) kadar Tabarru' pada Umur Dicapai dan kelas pekerjaan Orang Yang Dilindungi.

2.3.2 Sekiranya Orang Yang Dilindungi terjejas dari segi kesihatan dan/atau terlibat di dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, tambahan Tabarru' mungkin dikenakan tertakluk kepada keputusan underait Kami.

2.3.3 Amaun Tabarru' akan ditolak secara bulanan bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk Ulang Tahun Bulanan sebaik sebelum Tarikh Tamat.

2.3.4 Tabarru' akan terus dipotong daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, ke dalam AKP tanpa mengambil kira sama ada Anda telah membuat Caruman seterusnya atau tidak di bawah Lampiran ini.

2.3.5 Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin. Kami mungkin mengubah kadar Tabarru' pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar Tabarru' baharu akan diguna pakai ke atas semua Orang Yang Dilindungi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

Semua yuran, caj dan Tabarru' di atas adalah tidak dijamin. Sekiranya ada perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Yuran, caj dan Tabarru' baharu hanya akan dikenakan pada Ulang Tahun Sijil akan datang.

## KEJADIAN DI MANA MANFAAT AKAN DIBAYAR

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, Kami akan membayar manfaat berikut, apabila berlaku kejadian berikut sebelum Tarikh Tamat:

### 3.1 KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Apabila berlakunya kematian ke atas Orang Yang Dilindungi akibat Kemalangan, Kami akan membayar peratus Jumlah Perlindungan Lampiran ini, mengikut Skala Indemniti, dengan syarat Kami menerima notis pemberitahuan kematian disertakan dengan bukti dokumen kematian Orang Yang Dilindungi berlaku dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh Kemalangan.

### 3.2 KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN – INDEMNITI BERGANDA

Apabila berlakunya kematian ke atas Orang Yang Dilindungi akibat Kemalangan, akibat:

- 3.2.1 perjalanan sebagai penumpang di dalam Pengangkutan Awam;
- 3.2.2 menaiki elevator atau lif elektrik (elevator atau lif elektrik di lombong atau di dalam bangunan dalam pembinaan tidak termasuk); atau
- 3.2.3 akibat daripada pembakaran mana mana teater, pawagam, hotel atau bangunan awam lain di mana Orang Yang Dilindungi berada di tempat kejadian pada masa kebakaran bermula,

Kami akan membayar peratusan Jumlah Perlindungan Lampiran ini, mengikut Skala Indemniti, dengan syarat penerimaan dan kelulusan bukti wajar bahawa Kami menerima notis pemberitahuan kematian disertakan dengan bukti dokumen kematian Orang Yang Dilindungi berlaku dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh Kemalangan.

### 3.3 MANFAAT KEILATAN AKIBAT KEMALANGAN

Kami akan membayar peratusan Jumlah Perlindungan Lampiran ini, mengikut Skala Indemniti, dengan syarat penerimaan dan kelulusan bukti yang wajar Orang Yang Dilindungi mengalami Kecederaan akibat Kehilangan dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh Kemalangan.

Jumlah amaun Jumlah Perlindungan yang dibayar oleh Kami adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) di bawah ini dan semua perlindungan myPA serta sebarang perlindungan yang sama pada masa akan datang dengan sebarang nama atau perihalan, melindungi Orang Yang Dilindungi yang sama.

Manfaat di atas akan dibayar daripada AKP.

#### PENGECUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini bagi sebarang kematian atau Kehilangan Orang Yang Dilindungi berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada sebab berikut:

- 4.1 peperangan (tidak kira peperangan diisytiharkan atau tidak) atau operasi peperangan, penaklukan, perlakuan musuh luar, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, kekacauan awam kerana menyangka adanya kebangkitan ketenteraan, kebangkitan kuasa, penentangan, ketenteraan atau rampasan kuasa atau sebarang perlakuan Orang Yang Dilindungi yang bertindak bagi pihak atau berhubungan aktif dengan sebarang organisasi yang bertujuan mengguling mana-mana kerajaan secara paksa atau mempengaruhinya melalui keganasan atau kekerasan;
- 4.2 bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau kontaminasi akibat radioaktiviti dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang penyimpanan-tenaga semasa proses pembelahan atom;
- 4.3 sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau serangan yang diprovokasinya;
- 4.4 bunuh diri, cubaan bunuh diri atau Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
- 4.5 penyalahgunaan dadah atau alkohol;
- 4.6 sebarang keilatan atau kelemahan fizikal;
- 4.7 melahirkan anak atau keguguran, kehamilan;
- 4.8 penerbangan, meluncur atau apa-apa bentuk penerbangan udara lain selain sebagai juruterbang, anak kapal kabin atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan atau perkhidmatan sewa yang diiktiraf;
- 4.9 penyertaan dalam atau latihan untuk sebarang sukan atau pertandingan yang berbahaya atau pertandingan atau menunggang atau memandu dalam sebarang jenis perlumbaan atau pertandingan;
- 4.10 antraks, keracunan darah, erisipelas, keracunan ptomaine, pyaemia, septikemia dan/atau tetanus;
- 4.11 perkhidmatan ketenteraan termasuk tentera laut semasa peperangan samada diisytiharkan atau tidak atau ketika menerima arahan bagi operasi peperangan atau pemulihan aturan awam; atau
- 4.12 Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

## PERUNTUKAN AM

### 5.1 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

- 5.1.1 Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam Klausula 4, Klausula 5.1.2 atau peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, ketidaksahan Lampiran ini tidak dapat dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.
- 5.1.2 Sekiranya Lampiran ini telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang dibuat atau yang belum dibuat;
- 5.1.2.1 dalam peringkat cadangan;
  - 5.1.2.2 dalam laporan doktor yang dirujuk, atau orang lain; atau
  - 5.1.2.3 dalam dokumen yang membawa kepada penerbitan Sijil Anda

yang mana ianya tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara material atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (dinyatakan dalam Klausula 5.1.3) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.

- 5.1.3 Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

### 5.2 SALAH NYATA / FRAUD

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Lampiran ini telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

- 5.2.1 Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;
- 5.2.2 perubahan kepada terma Sijil Anda;
- 5.2.3 perubahan dalam amaun Caruman; atau
- 5.2.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

### 5.3 PERKHIDMATAN SIJIL

Perubahan kewangan terhadap Lampiran ini, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

Anda boleh mengemukakan permintaan Anda untuk mengubah Jumlah Perlindungan Lampiran ini kepada Kami. Bukti kesihatan yang memuaskan bagi Orang Yang Dilindungi termasuk bayaran tambahan Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permintaan untuk sebarang pertukaran terhadap Sijil Anda. Jika bukti perubatan tidak memuaskan, Kami mempunyai hak untuk membuat tawaran balas atau menolak permohonan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

### 5.4 PEMBATALAN LAMPIRAN INI

Anda boleh mengemukakan permintaan Anda untuk membatalkan Lampiran ini kepada Kami. Anda tidak akan layak untuk menerima pulangan Caruman dan perlindungan Anda akan terhenti pada tarikh Caruman patut di bayar yang akan datang.

Pembatalan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan Lampiran ini.

### 5.5 SERAHAN

Lampiran ini akan diserahkan sekali bersama Sijil Asas apabila permohonan serahan telah diserahkan oleh Anda.

Serahan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa serahan Lampiran ini.

#### 5.6 **PENAMATAN LAMPIRAN INI**

Perlindungan di bawah Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik;

5.6.1 apabila Lampiran ini dibatalkan;

5.6.2 apabila tuntutan terkumpul telah mencapai seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan Lampiran ini di bawah Seksyen A dan Seksyen C Skala Indemniti atau dua ratus peratus (200%) daripada Jumlah Perlindungan Lampiran ini di bawah Seksyen B dan Seksyen C Skala Indemniti;

5.6.3 apabila Sijil luput;

5.6.4 apabila bayaran serahan Sijil dibuat;

5.6.5 apabila penamatan Sijil Asas; atau

5.6.6 apabila Sijil matang pada Tarikh Tamat;

dan Kami tidak akan mengembalikan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Caruman diterima oleh Kami selepas penamatan Lampiran ini tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti tetapi Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.



**SKALA INDEMNITI**

Seksyen	Deskripsi Peristiwa Berbayar	% Jumlah Perlindungan
A.	Kematian Akibat Kemalangan	100
B.	Kematian Akibat Kemalangan Indemniti Berganda	200
C.	Keilatan Kekal Akibat Kemalangan	
	1. Kehilangan dua anggota badan	100
	2. Kehilangan kedua tangan , atau semua jari dan kedua dua ibu jari	100
	3. Kehilangan menyeluruh penglihatan kedua dua mata	100
	4. Lumpuh secara menyeluruh	100
	5. Kehilangan penglihatan pada satu mata	50
	6. Kehilangan lengan	
	a) pada bahu	100
	b) antara bahu dan siku	100
	c) pada siku	100
	d) antara siku dan pergelangan	100
	e) pada pergelangan tangan	100
	7. Kehilangan kaki	
	a) pada pinggul	100
	b) antara lutut dan pinggul	100
	c) lutut ke bawah	100
	8. Hilang pendengaran	
	a) kedua dua belah telinga	75
	b) sebelah telinga	15
	9. Kehilangan keupayaan bertutur	50
	10. Kehilangan jari	
	a) Empat jari dan ibu jari satu tangan	50
	b) Empat jari satu tangan	40
	c) Ibu jari	
	i. kedua dua ruas	25
	ii. satu ruas	10
	d) Jari telunjuk	
	i. tiga ruas	10
	ii. dua ruas	8
	iii. satu ruas	4
	e) Jari hantu	
	i. tiga ruas	6
	ii. dua ruas	4
iii. satu ruas	2	
f) Jari manis		
i. tiga ruas	5	
ii. dua ruas	4	
iii. satu ruas	2	
g) Jari kelingking		
i. tiga ruas	4	
ii. dua ruas	3	
iii. satu ruas	2	

	h) Metakarpus	
	i. pertama atau kedua (tambahan)	3
	ii. ketiga , keempat atau kelima (tambahan)	2
	i) Jari-jari kaki	
	i. kesemua jari pada satu kaki	15
	ii. ibu jari kaki, kedua-dua ruas	5
	iii. satu ruas ibu jari kaki	2
	iv. selain ibu jari kaki jika kehilangan lebih dari satu jari kaki, setiap satu	1

Amaun Agregat bagi manfaat yang perlu dibayar di bawah Skala Indemniti Lampiran ini diambil bersama tidak boleh melebihi seratus peratus (100%) Jumlah Perlindungan Lampiran ini di bawah Seksyen A dan Seksyen C, atau dua ratus peratus (200%) dari Jumlah Perlindungan Lampiran ini di bawah Seksyen B dan Seksyen C.

Jika mana mana keilangan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain daripada kehilangan deria rasa atau bau Kami akan menerima pakai peratusan keilangan yang pada pendapat Kami tidak bercanggah dengan peruntukan di atas.

Perlindungan di bawah Lampiran ini diberikan kepada Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam e-Sijil Sijil Asas yang diuruskan oleh Kami di mana Lampiran ini dilampirkan bersama.

Lampiran ini adalah sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya sah sekiranya Sijil Asas adalah sah. Selain itu, Lampiran ini tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil Asas kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Lampiran ini.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lampiran ini, terma dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti terma dan ungkapan yang digunakan dalam Sijil Asas.

- 1.1 “KEMALANGAN”** bererti kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, di luar kebiasaan pada masa dan di tempat yang dikenalpasti, tanpa sebarang sebab yang lain, menjadi punca tunggal bagi Kecederaan anggota badan.
- 1.2 “KECEDERAAN”** bererti Kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan.

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Lampiran ini dikeluarkan atas pertimbangan terhadap permohonan Anda dan pembayaran tambahan Caruman yang ditentukan di dalam e-Sijil atau Endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Kami pada selang masa dan tarikh patut dibayar yang sama sepertimana Caruman di bawah Sijil Asas bermula dari Tarikh Permulaan lampiran ini sehingga dan termasuk tarikh Caruman terakhir yang patut dibayar.

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa, semua Caruman perlu dibayar terlebih dahulu pada tarikh patut di bayar berdasarkan Jumlah Perlindungan Lampiran ini, Umur Kemasukan dan jantina Orang Yang Dilindungi sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini. Caruman tambahan boleh dikenakan berdasarkan pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

Caruman yang perlu dibayar akan dikreditkan ke dalam AP. Selepas itu, yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, seperti dinyatakan di dalam Klausula 2.2 dan Klausula 2.3 di bawah, akan ditolak tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Asas dan Lampiran ini.

### 2.2 YURAN DAN CAJ

#### 2.2.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Lampiran ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda.

Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Caruman telah dibuat.

#### 2.2.2 CAJ PERKHIDMATAN

Caj Perkhidmatan bulanan akan ditolak secara bulanan daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, pada setiap Ulang Tahun Bulanan Sijil ini, sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini.

Caj Perkhidmatan di bawah Lampiran ini adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) setiap bulan.

## 2.3 TABARRU'

2.3.1 Pengiraan Tabarru' bulanan akan berdasarkan:

- (a) Jumlah Perlindungan Lampiran ini; dan
- (b) kadar Tabarru' pada Umur Dicapai dan jantina Orang Yang Dilindungi.

2.3.2 Sekiranya Orang Yang Dilindungi terjejas dari segi kesihatan dan/atau terlibat di dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, tambahan Tabarru' mungkin dikenakan tertakluk kepada keputusan underait Kami.

2.3.3 Amaun Tabarru' akan ditolak secara bulanan bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk Ulang Tahun Bulanan sebaik sebelum Tarikh Tamat.

2.3.4 Tabarru' akan terus dipotong daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, ke dalam AKP tanpa mengambil kira sama ada Anda telah membuat Caruman seterusnya atau tidak di bawah Lampiran ini.

2.3.5 Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin. Kami mungkin mengubah kadar Tabarru' pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar Tabarru' baharu akan diguna pakai ke atas semua Orang Yang Dilindungi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

Semua yuran, caj dan Tabarru' di atas adalah tidak dijamin. Sekiranya ada perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Yuran, caj dan Tabarru' baharu hanya akan dikenakan pada Ulang Tahun Sijil akan datang.

## KEJADIAN DI MANA MANFAAT AKAN DIBAYAR

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, Kami akan membayar manfaat berikut, apabila berlakunya mana yang berikut sebelum Tarikh Tamat:

### 3.1 MANFAAT KEMATIAN

Apabila berlakunya kematian ke atas Orang Yang Dilindungi, Kami akan membayar amaun sekali gus bersamaan dengan:

3.1.1 Seratus peratus (100%) Jumlah Perlindungan Lampiran ini; atau

3.1.2 Dua ratus peratus (200%) Jumlah Perlindungan Lampiran ini jika kematian Orang Yang Dilindungi berpunca daripada Kemalangan yang berlaku dalam tempoh sah visa yang telah dikeluarkan kepada Orang Yang Dilindungi hanya bagi tujuan mengerjakan Haji atau Umrah.

Dengan syarat:

- (a) Kami menerima notis pemberitahuan kematian tersebut yang disertakan dengan dokumen sebagai bukti kematian beserta dengan visa yang digunakan untuk menunaikan Haji atau Umrah; dan
- (b) jika Orang Yang Dilindungi meninggal dunia sebelum Ulang Tahun Sijil di mana dia mencapai umur lima (5) tahun pada hari lahir akan datang, Jumlah Perlindungan akan berkurang mengikut jadual di bawah, berdasarkan umurnya pada hari lahir akan datang:

Umur Hari Lahir Akan Datang Pada Tarikh Kematian	Jumlah Manfaat Baru (Peratusan (%) Jumlah Perlindungan Lampiran ini)
Satu (1)	20
Dua (2)	40
Tiga (3)	60
Empat (4)	80
Lima (5) dan ke atas	100

- (c) Apabila pembayaran penuh Jumlah Perlindungan baru seperti jadual di atas, Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik.

### 3.2 MANFAAT KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL (KMK)

Sekiranya berlaku KMK ke atas Orang Yang Dilindungi sebelum Ulang Tahun Sijil di mana dia mencapai umur tujuh puluh (70) tahun pada hari lahir akan datang, Kami akan membayar:

3.2.1 Seratus peratus (100%) Jumlah Perlindungan Lampiran ini; atau

3.1.2 Dua ratus peratus (200%) Jumlah Perlindungan Lampiran ini jika KMK Orang Yang Dilindungi berpunca daripada Kemalangan yang berlaku dalam tempoh sah visa yang telah dikeluarkan kepada Orang Yang Dilindungi hanya bagi tujuan mengerjakan Haji atau Umrah.

Dengan syarat:

- Kami menerima bukti KMK yang memuaskan terhadap Orang Yang Dilindungi bersama dengan visa yang berkaitan untuk mengerjakan Haji atau Umrah.
- Jika KMK Orang Yang Dilindungi berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil di mana dia mencapai umur lima (5) tahun hari lahir akan datang, Jumlah Perlindungan Lampiran ini akan berkurang mengikut jadual di bawah, berdasarkan umurnya pada hari lahir akan datang:

Umur Hari Lahir Akan Datang Pada Tarikh Berlakunya KMK	Jumlah Manfaat Baru (Peratusan (%) Jumlah Perlindungan Lampiran ini)
Satu (1)	20
Dua (2)	40
Tiga (3)	60
Empat (4)	80
Lima (5) dan ke atas	100

- (c) Apabila pembayaran penuh jumlah manfaat baru seperti jadual di atas, Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik.

Amaun keseluruhan Jumlah Perlindungan yang dibayar oleh Kami adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM 300,000) di bawah ini dan semua perlindungan mylhram serta sebarang perlindungan yang sama pada masa akan datang dengan sebarang nama atau deskripsi, melindungi Orang Yang Dilindungi yang sama.

Manfaat di atas akan dibayar daripada AKP.

## PENGECUALIAN

### 4.1 KEMATIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk kematian Orang Yang Dilindungi yang disebabkan oleh bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana yang terkemudian.

### 4.2 MANFAAT KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL (KMK)

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk KMK Orang Yang Dilindungi:

- 4.2.1 yang telah wujud sebelum atau pada Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana yang terkemudian;
- 4.2.2 secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau disebabkan oleh mana Keadaan Sedia ada di mana KMK berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan yang pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana yang terkemudian; atau
- 4.2.3 yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada mana sebab berikut:
  - 4.2.3.1 cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
  - 4.2.3.2 penerbangan, peluncuran, atau sebarang jenis penerbangan di udara selain juruterbang, anak kapal atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
  - 4.2.3.3 peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;
  - 4.2.3.4 sebarang pelanggaran undang-undang atau sebarang aktiviti jenayah atau pengganas yang dilakukan, cuba dilakukan atau diprovokasi oleh Anda;
  - 4.2.3.5 semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda; atau
  - 4.2.3.6 Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

Keadaan Sedia Ada bermaksud sebarang Kecederaan atau penyakit:

- i. Yang wujud atau telah mengalami gejala;
- ii. Di mana wujudnya manifestasi penyakit, yang Anda sedar atau sepatutnya sedar;
- iii. Berdasarkan perkembangan patologi penyakit yang diterima secara perubatan, penyakit tersebut telah wujud; atau
- iv. Di mana Anda telah menerima atau sedang menerima rawatan, diagnosis, perundingan atau ubat-ubatan yang ditetapkan;

dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari sebelum Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, termasuk keadaan yang tidak diketahui dan /atau dimaklumkan kepada Kami.

### 4.3 KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN / KMK DISEBABKAN KEMALANGAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar tambahan seratus peratus (100%) kematian disebabkan kemalangan atau KMK di bawah Lampiran ini berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada sebab berikut:

- 4.3.1 peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan) atau operasi berunsur peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, kekecohan awam dengan mengandaikan pemberontakan tentera, tentera atau rampasan kuasa atau sebarang tindakan Orang Yang Dilindungi bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi yang secara aktif diarahkan ke arah penggulingan secara paksa mana-mana kerajaan atau untuk mempengaruhinya melalui keganasan atau keganasan;
- 4.3.2 bahan senjata nuklear, pengionan, sinaran atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran akan merangkumi sebarang proses pembelahan nuklear yang berterusan;
- 4.3.3 Orang Yang Dilindungi melanggar mana-mana undang-undang atau sebarang serangan yang dicituskan olehnya;
- 4.3.4 bunuh diri, cubaan bunuh diri atau Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
- 4.3.5 penyalahgunaan dadah atau alkohol;
- 4.3.6 sebarang keilangan atau kelemahan fizikal;
- 4.3.7 bersalin atau keguguran, kehamilan;
- 4.3.8 penerbangan, meluncur atau apa-apa bentuk penerbangan udara lain selain sebagai juruterbang, krew kabin atau penumpang yang membayar tambang syarikat penerbangan atau perkhidmatan sewa yang diiktiraf;
- 4.3.9 penyertaan dalam atau latihan untuk sebarang sukan atau pertandingan yang berbahaya atau berbahaya atau menunggang atau memandu dalam sebarang bentuk perlumbaan atau pertandingan;
- 4.3.10 antraks, keracunan darah, erisipelas, keracunan ptomaine, pyaemia, septikemia dan/atau tetanus;
- 4.3.11 perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada masa perang yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa di bawah perintah untuk operasi seperti berperang atau pemulihan ketenteraman awam; atau
- 4.3.12 Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan.



## PERUNTUKAN AM

### 5.1 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

5.1.1 Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam Klausa 4.1, Klausa 4.2, Klausa 4.3 dan Klausa 5.1.2 atau peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, kesahihan Lampiran ini tidak dapat dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.

5.1.2 Sekiranya Lampiran ini telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang dibuat atau yang belum dibuat;

5.1.2.1 dalam peringkat cadangan;

5.1.2.2 dalam laporan doktor yang dirujuk, atau orang lain; atau

5.1.2.3 dalam dokumen yang membawa kepada penerbitan Sijil Anda

yang mana ianya tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara material atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (dinyatakan dalam Klausa 5.1.3) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.

5.1.3 Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

### 5.2 SALAH NYATA / FRAUD

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Lampiran ini telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

5.2.1 Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;

5.2.2 perubahan kepada terma Sijil Anda;

5.2.3 perubahan dalam amaun Caruman; atau

5.2.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

### 5.3 PERKHIDMATAN SIJIL

Perubahan kewangan terhadap Lampiran ini, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

Anda boleh mengemukakan permintaan Anda untuk mengubah Jumlah Perlindungan Lampiran ini kepada Kami. Bukti kesihatan yang memuaskan bagi Orang Yang Dilindungi termasuk bayaran tambahan Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permintaan untuk sebarang pertukaran terhadap Sijil Anda. Sekiranya bukti perubatan tidak memuaskan, Kami berhak untuk membuat tawaran balas atau menolak permintaan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

#### **5.4 PEMBATALAN LAMPIRAN INI**

Anda boleh mengemukakan permohonan untuk membatalkan Lampiran ini kepada Kami. Anda tidak akan layak untuk menerima pulangan Caruman dan perlindungan Anda akan terhenti pada tarikh Caruman patut di bayar yang akan datang.

Pembatalan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan Lampiran ini.

#### **5.5 SERAHAN**

Lampiran ini akan diserahkan sekali bersama Sijil Asas apabila permohonan serahan telah diserahkan oleh Anda.

Serahan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa serahan Lampiran ini.

#### **5.6 PENAMATAN LAMPIRAN INI**

Perlindungan di bawah Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik;

5.6.1 apabila Lampiran ini dibatalkan;

5.6.2 apabila Sijil luput;

5.6.3 apabila bayaran serahan Sijil dibuat;

5.6.4 apabila penamatan Sijil Asas; atau

5.6.5 apabila Sijil matang pada Tarikh Tamat;

dan Kami tidak akan memulangkan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Caruman diterima oleh Kami selepas penamatan Lampiran ini tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti kepada Kami, tetapi Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.

Perlindungan di bawah Lampiran ini diberikan kepada Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam e-Sijil Sijil Asas yang diuruskan oleh Kami di mana Lampiran ini dilampirkan bersama.

Lampiran adalah sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya sah sekiranya Sijil Asas adalah sah. Selain itu, Lampiran ini tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil Asas kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Lampiran ini.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lampiran ini, terma dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti terma dan ungkapan yang digunakan dalam Sijil Asas.

- 1.1 **“KEMALANGAN”** bererti kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, di luar kebiasaan pada masa dan di tempat yang dikenalpasti, tanpa sebarang sebab yang lain, menjadi punca tunggal bagi Kecederaan anggota badan.
- 1.2 **“AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN”** adalah seperti berikut:
  - (a) Pemindahan  
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
  - (b) Pergerakan  
Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
  - (c) Perihal Mengawal  
Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.
  - (d) Pemakaian  
Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
  - (e) Mandi/ Membersihkan diri  
Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tab mandi atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
  - (f) Makan  
Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.
- 1.3 **“JUMLAH MANFAAT”** bererti Jumlah Perlindungan Lampiran ini seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil, dari tarikh akhir Caruman sehingga Tarikh Luput Lampiran ini.
- 1.4 **“TEMPOH PENILAIAN”** bererti tempoh yang mana Kami akan menilai keadaan sebelum menentukan samada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai Kekal. Tempoh Penilaian adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi yang berkaitan dan tidak akan lebih daripada dua belas (12) bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).
- 1.5 **“KECEDERAAN”** bererti Kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan.
- 1.6 **“TIDAK BOLEH PULIH”** bererti tidak boleh dipulihkan dengan sewajarnya oleh rawatan perubatan dan/atau prosedur pembedahan yang konsisten dengan piawaian semasa perkhidmatan perubatan yang boleh didapati di Malaysia.
- 1.7 **“PENGAMAL PERUBATAN”** bererti seseorang yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang semasa memberikan rawatan, mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihannya di kawasan geografi di mana dia berkhidmat, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Peserta atau Orang Yang Dilindungi.

- 1.8 “KAKITANGAN PERUBATAN”** ditakrifkan sebagai doktor (doktor am dan pakar), pengamal tradisional, jururawat, paramedik, juruteknik makmal, doktor gigi, jururawat pergigian atau pekerja ambulans yang bekerja di pusat perubatan atau hospital atau klinik/poliklinik pergigian di Malaysia. Doktor, pengamal tradisional, jururawat dan doktor gigi mesti berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 1.9 “PAKAR NEUROLOGI”** bererti seorang Pengamal Perubatan yang mana di perakui oleh lembaga dalam bidang neurologi dan Fellow bagi Persatuan Neurologi samada di United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada atau Australia.
- 1.10 “KEKAL”** bererti dijangka untuk kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi.
- 1.11 “DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN”** bererti simptom difungsi dalam sistem saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi. Simptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthria (kesukaran bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.
- 1.12 “TEMPOH MENUNGGU”** bererti enam puluh (60) hari pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula di dalam lampiran ini, yang mana kemudian, untuk Kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari dan penyakit arteri koronari serius. Bagi penyakit kritikal (seperti dinyatakan di dalam Klausa 3) selain dari di atas, Tempoh Menunggu bererti tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula di dalam Lampiran ini, yang mana kemudian. Sekiranya ada pecahan di dalam perlindungan, Tempoh Menunggu akan diaplikasikan semula dari Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini.

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Lampiran ini dikeluarkan atas pertimbangan terhadap permohonan Anda dan pembayaran tambahan Caruman yang ditentukan di dalam e-Sijil atau Endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Kami pada selang masa dan tarikh patut dibayar yang sama sepertimana Caruman di bawah Sijil Asas bermula dari Tarikh Permulaan Lampiran ini sehingga dan termasuk tarikh tamat Caruman terakhir yang patut dibayar.

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa, semua Caruman perlu dibayar terlebih dahulu pada tarikh kuat kuasa berdasarkan Jumlah Perlindungan Lampiran ini, Umur Kemasukan dan jantina Orang Yang Dilindungi sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini. Caruman tambahan boleh dikenakan berdasarkan pekerjaan dan kondisi kesihatan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

Caruman yang perlu dibayar akan dikreditkan ke dalam AP. Selepas itu, yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, seperti dinyatakan di dalam Klausa 2.2 dan Klausa 2.3 di bawah, akan ditolak tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Asas dan Lampiran ini.

### 2.2 YURAN DAN CAJ

#### 2.2.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Lampiran ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda.

Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Caruman.

## 2.2.2 CAJ PERKHIDMATAN

Caj Perkhidmatan bulanan akan ditolak secara bulanan, daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, pada setiap Ulang Tahun Bulanan Sijil ini, sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini.

Caj Perkhidmatan di bawah Lampiran ini adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) setiap bulan.

## 2.3 TABARRU'

2.3.1 Pengiraan Tabarru' bulanan akan berdasarkan:

- (a) Jumlah Manfaat; dan
- (b) kadar Tabarru' pada Umur Dicapai dan jantina Orang Yang Dilindungi.

2.3.2 Sekiranya Orang Yang Dilindungi terjejas dari segi kesihatan dan/atau terlibat di dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, potongan Tabarru' mungkin dikenakan subjek kepada keputusan underait Kami.

2.3.3 Amaun Tabarru' bulanan akan ditolak secara bulanan bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk Ulang Tahun Bulanan sebaik sebelum Tarikh Tamat Lampiran ini.

2.3.4 Tabarru' akan terus dipotong daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, ke dalam AKP tanpa mengambil kira sama ada Anda telah membuat Caruman seterusnya atau tidak di bawah Lampiran ini.

2.3.5 Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin. Kami mungkin mengubah kadar Tabarru' pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar Tabarru' baru akan diguna pakai ke atas semua Orang Yang Dilindungi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

Semua yuran, caj dan Tabarru' adalah tidak dijamin. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Kadar yuran, caj dan Tabarru' yang baharu hanya akan dikenakan pada Ulang Tahun Sijil akan datang.

## KEJADIAN DI MANA MANFAAT AKAN DIBAYAR

Semasa Lampiran ini sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma, syarat dan Tempoh Menunggu, Kami akan menyetujui Jumlah Manfaat apabila Orang Yang Dilindungi didiagnosis mempunyai penyakit kritikal seperti yang dinyatakan di dalam 'Definisi Penyakit Kritikal' di bawah, dengan syarat penyakit kritikal yang hendak dibuat tuntutan mestilah didiagnosis oleh Pengamal Perubatan atau Pakar Neurologi dan disokong sewajarnya oleh bukti klinikal, radiologi, histologi yang boleh diterima dan bukti makmal yang memuaskan kepada Kami.

Dengan syarat:

- 3.1 Bayaran Jumlah Manfaat akan dibuat oleh Kami bermula dari tarikh akhir Caruman seterusnya secara serta merta diikuti dengan tarikh kejadian pada mana-mana kejadian yang dilindungi di atas dan berakhir pada tarikh akhir Caruman sejurus sebelum Tarikh Luput Lampiran ini.
- 3.2 Bayaran Jumlah Manfaat jatuh pada atau selepas Tarikh Luput Lampiran ini tidak boleh diketepikan dan bayaran hendaklah disambung oleh Anda.

## DEFINISI PENYAKIT KRITIKAL

### 1. SERANGAN JANTUNG – KETERUKAN TERTENTU

Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut :

- (a) Sejarah sakit dada tipikal;
- (b) Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyonsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
- (c) Peningkatan petunjuk kardiium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:  
Troponin T Kardiium atau Troponin I Kardiium  $> / = 0.5$  ng/ml.

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi :

- (i) kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil; dan
- (ii) Peningkatan petunjuk kardiium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

### 2. STROK/ANGIN AHMAR – MENGAKIBATKAN DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM –SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang Pakar Neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah digunapakai.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Serangan iskemia sementara (TIA);
- (b) Simptom serebral yang disebabkan oleh migrain;
- (c) Kecederaan traumatik pada tisu otak atau salur darah; dan
- (d) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi vestibular.

### 3. KANSER–KETERUKAN TERTENTU DAN TIDAK MELINDUNGI KANSER TAHAP AWAL

Sebarang tumor malignan yang didiagnosis positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dengan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi :

- (a) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
  - Pra-malignan;
  - Bukan invasif;
  - Karsinoma in situ;
  - Mempunyai malignan pinggir (borderline); dan/atau
  - Mempunyai potensi malignan;
- (b) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (c) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);

- (d) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (e) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;
- (f) Semua kanser dengan kewujudan HIV; dan
- (g) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.

#### 4. PEMBEDAHAN PINTASAN ARTERI KORONARI

Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi :

- (a) Angioplasti;
- (b) Teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
- (c) Prosedur lubang kunci (keyhole); dan
- (d) Prosedur laser.

#### 5. PENYAKIT ARTERI KORONARI SERIUS

Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks (tidak termasuk cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks. Kejadian yang dilindungi akan dibayar tidak mengira sama ada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.

#### 6. KARDIOMIOPATI – KETERUKAN TERTENTU

Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel Kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- (a) Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom.
- (b) Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.

#### 7. PEMBEDAHAN INJAP JANTUNG

Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau membaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi :

- (a) Pembaikan menerusi prosedur intra-arteri; dan
- (b) Pembaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain teknik yang serupa.

#### 8. PEMBEDAHAN AORTA

Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) angioplasti;
- (b) teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
- (c) prosedur lubang kunci (keyhole) yang lain; dan
- (d) prosedur laser.



## 9. HIPERTENSI ARTERI PULMONARI PRIMER – KETERUKAN TERTENTU

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal Kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.

Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini. Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- (a) Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom.
- (b) Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

## 10. SKLEROSIS MULTIPLEL

Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh Pakar Neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut :

- (a) Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
- (b) Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
- (c) Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.

## 11. PENYAKIT ALZHEIMER / DEMENSIA TERUK

Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Demensia Teruk yang disebabkan oleh Kecelaruhan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Orang Yang Dilindungi. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh Pakar Neurologi.

Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Kecelaruhan otak bukan organik seperti neurosis;
- (b) Penyakit psikiatrik; dan
- (c) Kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

## 12. PENYAKIT NEURON MOTOR – DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh Pakar Neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsy progresif, sklerosis amiotrofik lateral atau sklerosis lateral utama. Mesti ada Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan.

## 13. PENYAKIT PARKINSON – MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
- (b) Menunjukkan tanda kemerosotan progresif; dan
- (c) Pengesahan keilatan Kekal Orang Yang Dilindungi untuk melaksanakan tiga (3) atau lebih Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

**14. ENSEFALITIS - MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN**

Keradangan teruk substansi otak, mengakibatkan kecacatan fungsian Kekal. Kecacatan fungsian Kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai. Kejadian yang dilindungi mestilah disahkan oleh Pakar Neurologi.

Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.

**15. MENINGITIS BAKTERIA - MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN**

Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi Kekal. Kerosakan fungsi Kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- (a) seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan
- (b) kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar.

Untuk definisi di atas, lain bentuk meningitis, termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.

**16. TUMOR OTAK BENIGN – KETERUKAN TERTENTU**

Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Ia mengancam nyawa;
- (b) Ia menyebabkan kerosakan otak;
- (c) Ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan; dan
- (d) Kewujudannya mesti disahkan oleh Pakar Neurologi atau pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Sista;
- (ii) Granuloma;
- (iii) Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak;
- (iv) Hematoma;
- (v) Tumor di dalam kelenjar pituitari;
- (vi) Tumor di dalam tulang belakang; dan
- (vii) Tumor saraf akustik.

**17. PEMBEDAHAN OTAK**

Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Prosedur lubang gerudi (burr hole);
- (b) Prosedur transfenoid;
- (c) Prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum; dan
- (d) Pembedahan otak akibat Kemalangan.

**18. TRAUMA KEPALA MAJOR (TERUK) – MENGAKIBATKAN KEILATAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN**

Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan Kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh Pakar Neurologi. Kerosakan Kekal fungsian mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan digunapakai.

**19. HEPATITIS VIRAL FULMINAN**

Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:

- (a) Penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;
- (b) Nekrosis (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;
- (c) Ujian kefungsi hati yang semakin merosot; dan
- (d) Jaundis yang semakin mendalam.

Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas adalah tidak dilindungi.

**20. KEGAGALAN HATI TAHAP AKHIR**

Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:

- (a) Jaundis kekal;
- (b) Asites (lebih cecair dalam kaviti peritoneal); dan
- (c) Ensefalopati hepatic.

Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.

**21. PENYAKIT PARU-PARU TAHAP AKHIR**

Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik.

Semua kriteria berikut mestilah dipenuhi:

- (a) Keperluan rawatan oksigen berkala secara Kekal;
- (b) Gangguan Kekal pada fungsi paru-paru dengan Isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;
- (c) Sesak nafas dalam keadaan rehat; dan
- (d) Analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.

**22. ANEMIA APLASTIK KRONIK – MENGAKIBATKAN KEGAGALAN KEKAL SUMSUM TULANG**

Kegagalan Kekal dan tidak boleh pulih sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:

- (a) Tranfusi produk darah berkala;
- (b) Agen perangsang sumsum;
- (c) Agen immunosupresif; atau
- (d) Transplan sumsum tulang.

Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.

**23. DISTROFI OTOT**

Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh Pakar Neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut:

- (a) Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;
- (b) Tiada penglibatan saraf tengah / periferan sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor; dan
- (c) Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Peristiwa Dilindungi sebelum Orang Yang Dilindungi mencapai umur 12 tahun tarikh lahir berikutnya.

**24. KEGAGALAN BUAH PINGGANG – MEMERLUKAN DIALISIS ATAU TRANSPLAN BUAH PINGGANG**

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik Tidak Boleh Pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

**25. BUTA – KEKAL DAN TIDAK BOLEH PULIH**

Kehilangan penglihatan Kekal dan Tidak Boleh Pulih akibat Kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

**26. PEKAK – KEKAL DAN TIDAK BOLEH PULIH**

Hilang Upaya mendengar secara Kekal dan Tidak Boleh Pulih akibat Kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

**27. HILANG KEUPAYAAN BERTUTUR**

Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya, Kekal dan Tidak Boleh Pulih disebabkan oleh Kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai. Bukti perubatan untuk mengesahkan Kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Semua sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi.

**28. KELECURAN TAHAP KETIGA – KETERUKAN TERTENTU**

Lecuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.

**29. TRANSPLAN ORGAN UTAMA / SUMSUM TULANG**

Penerimaan transplan seperti berikut:

- (a) Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasi sumsum tulang menyeluruh; atau
- (b) Salah satu daripada organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang Tidak Boleh Pulih akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.

Lain-lain pemindahan sel stem adalah tidak dilindungi.

**30. KELUMPUHAN ANGGOTA**

Hilang penggunaan penuh, Kekal dan Tidak Boleh Pulih kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, akibat lumpuh disebabkan oleh penyakit atau Kecederaan. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

**31. KOMA – MENGAKIBATKAN DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL YANG BERTERUSAN**

Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang gerak balas atau tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari digunapakai. Pengesahan oleh Pakar Neurologi mesti dikemukakan.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Koma diakibatkan secara langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

**32. LUPUS ERITEMATOSUS SISTEMIK DENGAN KOMPLIKASI BUAH PINGGANG YANG TERUK**

Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus oleh WHO:

Jenis III : Glomerulonefritis Segmen Fokus

Jenis IV : Glomerulonefritis Resap

Jenis V : Glomerulonefritis Bermembran

**33. KEHILANGAN UPAYA HIDUP SENDIRI (BERDIKARI)**

Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

**34. JANGKITAN HIV MELALUI TRANSFUSI DARAH**

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- (b) Transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas kuat kuasa sijil;
- (c) Sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfusi darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV;
- (d) Orang Yang Dilindungi tidak menghidap hemofilia; dan
- (e) Orang Yang Dilindungi bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.

### 35. AIDS DENGAN GEJALA PENUH

Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) mesti disokong oleh keputusan positif ujian antibodi HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan satu ujian pengesahan. Sebagai tambahan, Orang Yang Dilindungi perlu mempunyai kiraan sel CD4 kurang daripada dua ratus (200)/ $\mu$ L dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria berikut:

- (a) Kehilangan lebih daripada 10% daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom susut badan);
- (b) Sarkoma Kaposi;
- (c) Radang Paru-Paru Pneumocystis Carinii;
- (d) Leukoensefalopati multifokal progresif;
- (e) Tuberkulosis (batuk kering) aktif;
- (f) Kurang daripada seribu (1,000) Limfosit; dan
- (g) Limfoma Malignan

### 36. JANGKITAN VIRUS KURANG DAYA TAHAN MANUSIA (HIV) YANG DIPEROLEHI SECARA PEKERJAAN

Jangkitan dengan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (sekiranya Orang Yang Dilindungi adalah Kakitangan Perubatan), di mana ia diperolehi hasil daripada Kemalangan yang berlaku dalam masa enam (6) bulan dari Kemalangan. Sebarang Kemalangan menimbulkan tuntutan berpotensi mesti dilaporkan kepada Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kemalangan berlaku disokong oleh ujian HIV negatif yang diambil dalam tempoh tujuh (7) hari dari Kemalangan.

### 37. PENYAKIT TERMINAL

Diagnosis konklusif bagi keadaan yang dijangka mengakibatkan kematian Orang Yang Dilindungi dalam masa dua belas (12) bulan. Orang Yang Dilindungi tidak lagi menerima rawatan aktif selain dari melegakan kesakitan. Diagnosis mesti disokong dengan pengesahan bertulis daripada pakar yang sesuai dan disahkan oleh doktor yang dilantik oleh Kami.

### 38. PENYAKIT MEDULLARY CYSTIC

Penyakit keturunan progresif buah pinggang yang dicirikan oleh kehadiran sista dalam medulla, atrofi tiub dan fibrosis interstitial dengan manifestasi klinikal anemia, poliuria dan kehilangan natrium buah pinggang, berkembang menjadi kegagalan buah pinggang kronik. Diagnosis mesti disokong oleh biopsi buah pinggang.

### 39. SINDROM APALIK (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)

Nekrosis universal korteks otak dengan batang otak utuh. Diagnosis ini mesti disahkan oleh perunding Pakar Neurologi dengan mengadakan temujanji sedemikian di hospital yang diluluskan. Keadaan ini mesti didokumenkan secara perubatan untuk sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

### 40. HEPATITIS AUTOIMUN KRONIK

Gangguan hati nekro-radang kronik yang tidak diketahui punca yang dikaitkan dengan auto-antibodi yang beredar dan paras globulin serum yang tinggi. Diagnosis mesti berdasarkan semua kriteria berikut:

- (a) Hypergammaglobulinaemia;
- (b) Kehadiran sekurang-kurangnya satu (1) daripada autoantibodi berikut:
  - (i) Antibodi anti-nuklear;
  - (ii) Antibodi otot anti licin;
  - (iii) Antibodi anti-aktin;
  - (iv) Antibodi anti-LKM-1;
  - (v) Antibodi anti-LC1; atau

- (vi) Antibodi anti-SLA/LP
- (c) Biopsi hati pengesahan diagnosis hepatitis auto-imun.

Ini hanya dilindungi jika Orang Yang Dilindungi telah menjalani terapi immunosupresif berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan diagnosis mesti disahkan oleh pakar gastroenterologi atau hepatologi.

#### 41. PANKREATITIS BERSAMBUNG KRONIK

Lebih daripada tiga (3) serangan pankreatitis mengakibatkan Kekal disfungsi pankreas menyebabkan malabsorpsi yang memerlukan terapi penggantian enzim.

Diagnosis mesti dibuat oleh pakar gastroenterologi perunding dan disahkan oleh *Endoscopic Retrograde Cholangiopancreatography (ERCP)*.

Pankreatitis Berulang Kronik yang disebabkan oleh pengambilan alkohol atau penyalahgunaan dadah dikecualikan.

#### 42. PENYAKIT CREUTZFELDT-JAKOB

Kejadian Penyakit Creutzfeldt-Jakob atau Varian Penyakit Creutzfeldt-Jakob di mana terdapat defisit neurologi yang berkaitan, disertai dengan tanda dan gejala disfungsi cerebellar, demensia progresif yang teruk, kekejangan otot yang tidak terkawal, gegaran dan athetosis yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk ketidakupayaan Kekal Orang Yang Dilindungi untuk melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) dari senarai Aktiviti Kehidupan Harian.

Keadaan ini perlu didokumenkan secara perubatan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan disahkan oleh perunding Pakar Neurologi berdasarkan penemuan konklusif Electroencephalography (EEG) dan Cerebrospinal Fluid (CSF) serta imbasan Tomografi Berkomputer (CT) dan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI).

Penyakit yang disebabkan oleh rawatan hormon pertumbuhan manusia dikecualikan.

#### 43. DEMAM BERDARAH EBOLA

Jangkitan virus Ebola menyebabkan demam dan pendarahan dalaman atau luaran. Semua kriteria berikut mesti dipenuhi:

- (a) Kehadiran virus Ebola telah disahkan oleh ujian makmal;
- (b) Pendarahan mukosa atau gastrousus telah berlaku; dan
- (c) Diagnosis Ebola Hemorrhagic Fever mesti disahkan oleh pakar Pengamal Perubatan.

#### 44. ELEPHANTIASIS

Elephantiasis adalah akibat dan komplikasi filariasis, yang dicirikan oleh pembengkakan besar-besaran dalam tisu badan akibat daripada peredaran terhalang Kekal dalam saluran limfa, mengakibatkan ketidakupayaan Kekal Orang Yang Dilindungi untuk melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada yang disenaraikan Aktiviti Kehidupan Harian.

Diagnosis jelas Elephantiasis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar penyakit berjangkit atau pakar dalam bidang berkaitan, termasuk pengesahan makmal mikrofilaria.

Limfoedema yang disebabkan oleh jangkitan dengan penyakit kelamin, trauma, parut selepas pembedahan, kegagalan jantung kongestif atau keabnormalan sistem limfa kongenital adalah dikecualikan.



**45. POLIOMIELITIS**

Kejadian Poliomielititis di mana syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) Poliovirus dikenal pasti sebagai punca; dan
- (b) Kelumpuhan otot anggota badan atau otot pernafasan mesti ada dan berterusan selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan.

**46. SCLERODERMA PROGRESIF**

Penyakit kolagen-vaskular sistemik yang menyebabkan fibrosis meresap progresif pada kulit, saluran darah dan organ viseral. Diagnosis ini mesti disokong dengan jelas oleh biopsi dan bukti serologi dan gangguan itu mestilah mencapai perkadaran sistemik untuk melibatkan jantung, paru-paru atau buah pinggang.

**47. SINDROM EISENMENGER TERUK**

Sindrom Eisenmenger yang teruk bermaksud berlakunya shunt terbalik atau dua arah akibat hipertensi pulmonari, yang disebabkan oleh gangguan jantung.

Kedua-dua kriteria berikut mesti dipenuhi:

- (a) Kehadiran kecacatan fizikal Kekal yang dikelaskan sebagai NYHA IV; dan
- (b) Diagnosis Sindrom Eisenmenger dan tahap kecacatan fizikal mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar yang merupakan pakar kardiologi.

Faedah di atas akan dibayar daripada AKP.

**PENGECUALIAN**

Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk penyakit kritikal yang berlaku secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana sebab berikut:

- 4.1 Penyakit kritikal yang telah wujud pada Tarikh Permulaan atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian;
- 4.2 Penyakit kritikal dimana:
  - 4.2.1 Sebarang keadaan yang wujud atau telah didiagnosis semasa Tempoh Menunggu atau selepas tamat Tempoh Menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang wujud atau telah didiagnosis semasa Tempoh Menunggu, kecuali bagi penyakit kritikal yang dialami akibat Kecederaan; atau
  - 4.2.2 tanda atau simptom yang wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang mendorong seseorang mendapatkan rawatan dan perhatian perubatan, walaupun diagnosis yang terhasil berlaku sebelum atau selepas Tempoh Menunggu tamat.
- 4.3 Tuntutan bagi penyakit kritikal yang diperihalkan di dalam 4.2.1 dan/atau 4.2.2 di atas tidak boleh diterima jika pemberitahuan bagi tuntutan tersebut telah diberikan kepada Kami selepas tamat Tempoh Menunggu.
- 4.4 Sebarang penyakit secara langsung atau tidak langsung, disebabkan atau berpunca daripada bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau pencemaran akibat radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses penyelenggaraan pembelahan nuklear.
- 4.5 Semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda.
- 4.6 Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras.

## PERUNTUKAN AM

### 5.1 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

5.1.1 Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam Klausa 4, Klausa 5.1.2 atau peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, kesahihan Lampiran ini tidak dapat dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.

5.1.2 Sekiranya Lampiran ini telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang dibuat atau yang belum dibuat;

5.1.2.1 dalam peringkat cadangan;

5.1.2.2 dalam laporan doktor yang dirujuk, atau orang lain; atau

5.1.2.3 dalam dokumen yang membawa kepada penerbitan Sijil Anda

yang mana ianya tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara material atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (dinyatakan dalam Klausa 5.1.3) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.

5.1.3 Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

### 5.2 SALAH NYATA / FRAUD

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Lampiran ini telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

5.2.1 Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;

5.2.2 perubahan kepada terma Sijil Anda;

5.2.3 perubahan dalam amaun Caruman; atau

5.2.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

### 5.3 PERKHIDMATAN SIJIL

Perubahan kewangan terhadap Lampiran ini, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

Jumlah Perlindungan Lampiran ini akan diubah suai secara automatik jika terdapat perubahan kewangan yang dibuat ke atas Sijil Asas atau Rider yang lain. Bukti kesihatan yang memuaskan bagi Peserta dan Orang Yang Dilindungi termasuk bayaran tambahan Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permohonan untuk sebarang pertukaran terhadap Sijil Anda. Jika bukti kesihatan terbukti tidak memuaskan, Kami mempunyai hak untuk membuat tawaran balas atau menolak permohonan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

### 5.4 PEMBATALAN LAMPIRAN INI

Anda boleh memohon untuk membatalkan Lampiran ini kepada Kami. Anda tidak akan layak untuk menerima pulangan Caruman dan perlindungan Anda akan terhenti pada tarikh Caruman patut dibayar yang akan datang.

Pembatalan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan Lampiran ini.

## **5.5 SERAHAN**

Lampiran ini akan diserahkan sekali bersama Sijil Asas apabila permohonan serahan telah diserahkan oleh Anda.

Serahan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa serahan Lampiran ini.

## **5.6 PENAMATAN LAMPIRAN INI**

Perlindungan di bawah Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik;

5.6.1 apabila pembatalan Lampiran ini;

5.6.2 apabila tuntutan di bawah Lampiran ini diterima;

5.6.3 apabila Sijil luput;

5.6.4 apabila bayaran serahan Sijil dibuat;

5.6.5 apabila Sijil Asas ditamatkan; atau

5.6.6 apabila Sijil matang pada Tarikh Tamat;

dan Kami tidak akan mengembalikan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Caruman diterima oleh Kami selepas penamatan Lampiran ini tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti tetapi Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.

Perlindungan di bawah Lampiran ini diberikan kepada Anda, Peserta, yang dinamakan di dalam e-Sijil Sijil Asas yang diuruskan oleh Kami di mana Lampiran ini dilampirkan bersama.

Lampiran ini adalah sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya sah sekiranya Sijil Asas adalah sah. Selain itu, Lampiran ini tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil Asas kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Lampiran ini.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lampiran ini, terma dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti terma dan ungkapan yang digunakan dalam Sijil Asas.

- 1.1 **“UMUR KEMASUKAN”** bererti umur Anda pada hari lahir yang akan datang yang ditentukan dari Tarikh Permulaan.
- 1.2 **“JUMLAH MANFAAT”** bererti Jumlah Perlindungan Lampiran ini seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil, dari tarikh Caruman patut dibayar yang akan datang sehingga Tarikh Tamat Lampiran ini.
- 1.3 **“UMUR DICAPAI”** bererti Umur Kemasukan Anda dicampur jumlah Tahun Sijil dari Tarikh Permulaan.

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Lampiran ini dikeluarkan atas pertimbangan terhadap permohonan Anda dan pembayaran tambahan Caruman yang ditentukan di dalam e-Sijil atau Endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Kami pada selang masa dan tarikh patut dibayar yang sama sepertimana Caruman di bawah Sijil Asas bermula dari Tarikh Permulaan lampiran ini sehingga dan termasuk tarikh Caruman terakhir yang patut dibayar.

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa, semua Caruman perlu dibayar terlebih dahulu pada tarikh patut dibayar berdasarkan Jumlah Perlindungan Lampiran ini, Umur Kemasukan dan jantina Peserta sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini. Caruman tambahan boleh dikenakan berdasarkan pekerjaan dan keadaan kesihatan Peserta, tertakluk kepada keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

Caruman yang perlu dibayar akan dikreditkan ke dalam AP. Selepas itu, yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, seperti dinyatakan di dalam Klausula 2.2 dan Klausula 2.3 di bawah, akan ditolak tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Asas dan Lampiran ini.

### 2.2 YURAN DAN CAJ

#### 2.2.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Lampiran ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda.

Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Caruman telah dibuat.

#### 2.2.2 CAJ PERKHIDMATAN

Caj Perkhidmatan bulanan akan ditolak secara bulanan daripada AP dan/atau ILF, mana yang berkenaan, pada setiap Ulang Tahun Bulanan Sijil ini, sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini.

Caj Perkhidmatan di bawah Lampiran ini adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) setiap bulan.

## 2.3 TABARRU'

- 2.3.1 Pengiraan Tabarru' bulanan akan berdasarkan:
- (a) Jumlah Manfaat; dan
  - (b) kadar Tabarru' pada Umur Dicapai dan jantina Anda.
- 2.3.2 Sekiranya Anda terjejas dari segi kesihatan dan/atau terlibat di dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, tambahan Tabarru' mungkin dikenakan tertakluk kepada keputusan underait Kami.
- 2.3.3 Amaun Tabarru' akan ditolak secara bulanan bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk Ulang Tahun Bulanan sebaik sebelum Tarikh Tamat Lampiran ini.
- 2.3.4 Tabarru' akan terus dipotong daripada AP dan/atau ILF, mana yang berkenaan, ke dalam AKP tanpa mengambil kira sama ada Anda telah membuat Caruman seterusnya atau tidak di bawah Lampiran ini.
- 2.3.5 Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin. Kami mungkin mengubah kadar Tabarru' pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar Tabarru' baharu akan diguna pakai ke atas semua Peserta tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

Semua yuran, caj dan Tabarru' di atas adalah tidak dijamin. Sekiranya ada perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Yuran, caj dan Tabarru' baharu hanya akan dikenakan pada Ulang Tahun Sijil akan datang.

### KEJADIAN DI MANA MANFAAT AKAN DIBAYAR

Semasa Lampiran ini sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, Kami akan mengetepikan Jumlah Manfaat apabila berlaku kejadian berikut sebelum Tarikh Tamat Lampiran ini:

- (a) Kami menerima notis pemberitahuan bersama bukti dokumen Kematian Anda; atau
- (b) Menerima kelulusan terhadap bukti yang memuaskan bahawa Anda telah mengalami KMK sebelum umur tujuh puluh (70) tahun pada hari lahir akan datang.

Dengan syarat:

- 3.1 Bayaran Jumlah Manfaat akan dibuat oleh Kami bermula dari tarikh Caruman patut dibayar akan datang secara serta merta diikuti dengan tarikh kejadian pada mana-mana kejadian yang dilindungi di atas dan berakhir pada tarikh Caruman patut dibayar sejurus sebelum Tarikh Tamat Lampiran ini.
- 3.2 Bayaran Jumlah Manfaat jatuh pada atau selepas Tarikh Tamat Lampiran ini tidak boleh diketepikan dan bayaran hendaklah disambung oleh Anda.

Manfaat di atas akan dibayar daripada AKP.

### PENGECUALIAN

#### 4.1 KEMATIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk kematian Anda yang disebabkan oleh bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam masa satu (1) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian.

#### 4.2 KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL (KMK)

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk KMK Anda:

- 4.2.1 yang telah wujud sebelum atau pada Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian;
- 4.2.2 secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau disebabkan oleh mana-mana Keadaan Sedia ada di mana KMK berlaku dalam dua belas (12) bulan yang pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian; atau
- 4.2.3 yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana sebab berikut:
  - 4.2.3.1 cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
  - 4.2.3.2 penerbangan, peluncuran, atau sebarang jenis penerbangan di udara selain dari seorang juruterbang, anak kapal atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
  - 4.2.3.3 peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;
  - 4.2.3.4 sebarang pelanggaran undang-undang oleh Anda atau sebarang aktiviti jenayah atau penganas yang dilakukan, cuba dilakukan atau diprovokasi oleh Anda;
  - 4.2.3.5 semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubahan minda; atau
  - 4.2.3.6 Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan dengannya.

Keadaan Sedia Ada bermaksud sebarang Kecederaan atau penyakit:

- i. Yang telah wujud atau telah mengalami gejala;
- ii. Di mana wujudnya manifestasi penyakit, yang Anda sedar atau sepatutnya sedar;
- iii. Berdasarkan perkembangan patologi penyakit yang diterima secara perubatan, penyakit tersebut akan wujud; atau
- iv. Di mana Anda telah menerima atau sedang menerima rawatan, diagnosis, perundingan atau ubat-ubatan yang ditetapkan;

dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari sebelum Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, termasuk keadaan yang tidak diketahui dan/atau dimaklumkan kepada Kami.

## PERUNTUKAN AM

### 5.1 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

- 5.1.1 Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam Klausula 4.1, Klausula 4.2 dan Klausula 5.1.2 atau peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, ketidaksahan Lampiran ini tidak dapat dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.
- 5.1.2 Sekiranya Lampiran ini telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang dibuat atau yang belum dibuat;
  - 5.1.2.1 dalam peringkat cadangan;
  - 5.1.2.2 dalam laporan doktor yang dirujuk, atau orang lain; atau
  - 5.1.2.3 dalam dokumen yang membawa kepada penerbitan Sijil Anda,yang mana ianya tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara material atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (dinyatakan dalam Klausula 5.1.3) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.
- 5.1.3 Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

## 5.2 SALAH NYATA / FRAUD

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Lampiran ini telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

- 5.2.1 Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;
- 5.2.2 perubahan kepada terma Sijil Anda;
- 5.2.3 perubahan dalam amaun Caruman; atau
- 5.2.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

## 5.3 PERKHIDMATAN SIJIL

Perubahan kewangan terhadap Lampiran ini, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

Jumlah Perlindungan Lampiran ini akan diubah suai secara automatik jika terdapat perubahan kewangan yang dibuat ke atas Sijil Asas atau Rider yang lain. Bukti kesihatan yang memuaskan bagi Peserta dan Orang Yang Dilindungi, mana yang berkenaan, termasuk bayaran tambahan Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permohonan untuk sebarang pertukaran terhadap Sijil Anda. Sekiranya bukti perubatan tidak memuaskan, Kami berhak untuk membuat tawaran balas atau menolak permintaan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

## 5.4 PEMBATALAN LAMPIRAN INI

Anda boleh mengemukakan permohonan untuk membatalkan Lampiran ini kepada Kami. Anda tidak akan layak untuk menerima pulangan Caruman dan perlindungan Anda akan terhenti pada tarikh Caruman patut di bayar yang akan datang.

Pembatalan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan Lampiran ini.

## 5.5 SERAHAN

Lampiran ini akan diserahkan sekali bersama Sijil Asas apabila permohonan serahan telah diserahkan oleh Anda.

Serahan Lampiran ini tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa serahan Lampiran ini.

## 5.6 PENAMATAN LAMPIRAN INI

Perlindungan di bawah Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik;

- 5.6.1 apabila Lampiran ini dibatalkan;
  - 5.6.2 apabila tuntutan di bawah Lampiran ini diterima;
  - 5.6.3 apabila Sijil luput;
  - 5.6.4 apabila bayaran serahan Sijil dibuat;
  - 5.6.5 apabila penamatan Sijil Asas; atau
  - 5.6.6 apabila Lampiran ini matang pada Tarikh Tamat;
- dan Kami tidak akan mengembalikan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Caruman diterima oleh Kami selepas penamatan Lampiran ini tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti kepada Kami tetapi Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.



Perlindungan di bawah Lampiran ini diberikan kepada Peserta yang dinamakan di dalam e-Sijil Sijil Asas yang diuruskan oleh Kami di mana Lampiran ini dilampirkan bersama.

Lampiran ini adalah sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya sah sekiranya Sijil Asas adalah sah. Selain itu, Lampiran ini tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil Asas kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Lampiran ini.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lampiran ini, terma dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti terma dan ungkapan yang digunakan dalam Sijil Asas.

- 1.1 “KEMALANGAN”** bererti kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, di luar kebiasaan pada masa dan di tempat yang dikenalpasti, tanpa sebarang sebab yang lain, menjadi punca tunggal bagi **Kecederaan** anggota badan.
- 1.2 “AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN”** adalah seperti berikut:
- (a) Pemindahan  
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
  - (b) Pergerakan  
Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
  - (c) Perihal Mengawal  
Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.
  - (d) Pemakaian  
Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
  - (e) Mandi/ Membersihkan diri  
Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tab mandi atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
  - (f) Makan  
Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.
- 1.3 “UMUR KEMASUKAN”** bererti umur Anda pada hari lahir akan datang yang ditentukan dari Tarikh Permulaan.
- 1.4 “JUMLAH MANFAAT”** bererti Jumlah Perlindungan Lampiran ini seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil, dari tarikh Caruman patut dibayar yang akan datang sehingga Tarikh Tamat Lampiran ini.
- 1.5 “TEMPOH PENILAIAN”** bererti tempoh yang mana Kami akan menilai keadaan sebelum menentukan samada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai Kekal. Tempoh Penilaian adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi yang berkaitan dan tidak akan lebih daripada dua belas (12) bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).
- 1.6 “UMUR DICAPAI”** bererti Umur Kemasukan Anda dicampur jumlah Tahun Sijil dari Tarikh Permulaan.
- 1.7 “KECEDERAAN”** bererti Kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan.
- 1.8 “TIDAK BOLEH PULIH”** bererti tidak boleh dipulihkan dengan sewajarnya oleh rawatan perubatan dan/atau prosedur pembedahan yang konsisten dengan piawaian semasa perkhidmatan perubatan yang boleh didapati di Malaysia.
- 1.9 “PENGAMAL PERUBATAN”** bererti seseorang yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang semasa memberikan rawatan, mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihannya di kawasan geografi di mana dia berkhidmat, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Peserta.
- 1.10 “KAKITANGAN PERUBATAN”** ditakrifkan sebagai doktor (pakar perubatan am dan pakar), pengamal tradisional, jururawat, paramedik, juruteknik makmal, doktor gigi, jururawat pergigian atau pekerja ambulans

yang bekerja di pusat perubatan atau hospital atau klinik/poliklinik pergigian di Malaysia. Doktor, pengamal tradisional, jururawat dan doktor gigi mesti berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

- 1.11 “PAKAR NEUROLOGI”** bererti seorang Pengamal Perubatan yang mana di perakui oleh lembaga dalam bidang neurologi dan Fellow bagi Persatuan Neurologi samada di United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada atau Australia.
- 1.12 “KEKAL”** bererti dijangka untuk kekal sepanjang kehidupan Anda.
- 1.13 “DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN”** bererti simptom difungsi dalam sistem saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup Anda. Simptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthria (kesukaran bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.
- 1.14 “TEMPOH MENUNGGU”** bererti enam puluh (60) hari pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana yang terkemudian, bagi Kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari dan penyakit arteri koronari serius. Bagi penyakit kritikal (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 3) selain daripada yang di atas, Tempoh Menunggu bererti tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana yang terkemudian. Sekiranya ada pecahan di dalam perlindungan, Tempoh Menunggu akan diaplikasikan semula dari Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini.

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Lampiran ini dikeluarkan atas pertimbangan terhadap permohonan Anda dan pembayaran tambahan Caruman yang ditentukan di dalam e-Sijil atau Endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Kami pada selang masa dan tarikh patut dibayar yang sama sepertimana Caruman di bawah Sijil Asas bermula dari Tarikh Permulaan Lampiran ini sehingga dan termasuk tarikh Caruman terakhir yang patut dibayar.

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa, semua Caruman perlu dibayar terlebih dahulu pada tarikh patut dibayar berdasarkan Jumlah Perlindungan Lampiran ini, Umur Kemasukan dan jantina Peserta sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini. Caruman tambahan boleh dikenakan berdasarkan pekerjaan dan kondisi kesihatan Peserta, tertakluk kepada keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

Caruman yang perlu dibayar akan dikreditkan ke dalam AP. Selepas itu, yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2.2 dan Klausa 2.3 di bawah, akan ditolak tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Asas dan Lampiran ini.

### 2.2 YURAN DAN CAJ

#### 2.2.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Lampiran ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda.

Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Caruman telah dibuat.

#### 2.2.2 CAJ PERKHIDMATAN

Caj Perkhidmatan bulanan akan ditolak secara bulanan daripada AP dan/atau *ILF*, mana yang berkenaan, pada setiap Ulang Tahun Bulanan Sijil ini, sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini.

Caj Perkhidmatan di bawah Lampiran ini adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) setiap bulan.

## 2.3 TABARRU'

- 2.3.1 Pengiraan Tabarru' bulanan akan berdasarkan:
- (a) Jumlah Manfaat; dan
  - (b) kadar Tabarru' pada Umur Dicapai dan jantina Anda.
- 2.3.2 Sekiranya Anda terjejas dari segi kesihatan dan/atau terlibat di dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, tambahan Tabarru' mungkin dikenakan tertakluk kepada keputusan underait Kami.
- 2.3.3 Amaun Tabarru' akan ditolak secara bulanan bermula dari Tarikh Permulaan sehingga dan termasuk Ulang Tahun Bulanan sebaik sebelum Tarikh Tamat Lampiran ini.
- 2.3.4 Tabarru' akan terus dipotong daripada AP dan/atau ILF, mana yang berkenaan, ke dalam AKP tanpa mengambil kira sama ada Anda telah membuat Caruman seterusnya atau tidak di bawah Lampiran ini.
- 2.3.5 Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin. Kami mungkin mengubah kadar Tabarru' pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar Tabarru' baharu akan diguna pakai ke atas semua Peserta tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

Semua yuran, caj dan Tabarru' di atas adalah tidak dijamin. Sekiranya ada perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Yuran, caj dan Tabarru' baharu hanya akan dikenakan pada Ulang Tahun Sijil akan datang.

### KEJADIAN DI MANA MANFAAT AKAN DIBAYAR

Semasa Lampiran ini sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma, syarat dan Tempoh Menunggu, Kami akan menetapkan Jumlah Manfaat apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut sebelum Tarikh Tamat Lampiran ini:

- (a) Kami menerima notifikasi bersama bukti dokumen kematian Anda; atau
- (b) Resit dan bukti yang memuaskan yang telah disahkan bahawa Anda telah mengalami KMK sebelum umur tujuh puluh (70) tahun pada hari lahir akan datang; atau
- (c) Apabila Anda didiagnos mempunyai penyakit kritikal seperti yang dinyatakan di dalam 'Definisi Penyakit Kritikal' di bawah, dengan syarat penyakit kritikal yang hendak dibuat tuntutan mestilah didiagnos oleh Pengamal Perubatan atau Pakar Neurologi dan disokong sewajarnya oleh bukti klinikal, radiologi, histologi yang boleh diterima dan bukti makmal yang memuaskan kepada Kami.

Dengan syarat:

- 3.1 Bayaran Jumlah Manfaat akan dibuat oleh Kami bermula dari tarikh akhir Caruman seterusnya secara serta merta diikuti dengan tarikh kejadian pada mana-mana kejadian yang dilindungi di atas dan berakhir pada tarikh akhir Caruman sejurus sebelum Tarikh Luput Lampiran ini.
- 3.2 Bayaran Jumlah Manfaat jatuh pada atau selepas Tarikh Luput Lampiran ini tidak boleh diketepikan dan bayaran hendaklah disambung oleh Anda.

### DEFINISI PENYAKIT KRITIKAL

#### 1. SERANGAN JANTUNG – KETERUKAN TERTENTU

Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

- (a) Sejarah sakit dada tipikal;
- (b) Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyonsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
- (c) Peningkatan petunjuk kardium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:  
Troponin T Kardium atau Troponin I Kardium  $> / = 0.5$  ng/ml.

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil; dan
- (ii) Peningkatan petunjuk kardium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

## **2. STROK/ANGIN AHMAR – MENGAKIBATKAN DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM – SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN**

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang Pakar Neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah digunakan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Serangan iskemia sementara (TIA);
- (b) Simptom serebral yang disebabkan oleh migrain;
- (c) Kecederaan traumatik pada tisu otak atau salur darah; dan
- (d) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi vestibular.

## **3. KANSER–KETERUKAN TERTENTU DAN TIDAK MELINDUNGI KANSER TAHAP AWAL**

Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dengan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
  - Pra-malignan;
  - Bukan invasif;
  - Karsinoma in situ;
  - Mempunyai malignan pinggiran (borderline); dan/atau
  - Mempunyai potensi malignan;
- (b) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (c) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (d) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (e) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;
- (f) Semua kanser dengan kewujudan HIV; dan
- (g) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.

## **4. PEMBEDAHAN PINTASAN ARTERI KORONARI**

Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) angioplasti;
- (b) Teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
- (c) Prosedur lubang kunci (keyhole); dan
- (d) Prosedur laser.

## **5. PENYAKIT ARTERI KORONARI SERIUS**

Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks (tidak termasuk cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam

setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleksi. Kejadian yang dilindungi akan dibayar tidak mengira sama ada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.

## 6. KARDIOMIOPATI – KETERUKAN TERTENTU

Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel Kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal Kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- (a) Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom.
- (b) Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.

## 7. PEMBEDAHAN INJAP JANTUNG

Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau memperbaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Pembaikan menerusi prosedur intra-arteri; dan
- (b) Pembaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa.

## 8. PEMBEDAHAN AORTA

Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) angioplasti;
- (b) teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
- (c) prosedur lubang kunci (keyhole) yang lain; dan
- (d) prosedur laser.

## 9. HIPERTENSI ARTERI PULMONARI PRIMER – KETERUKAN TERTENTU

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal Kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.

Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- (a) Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom.
- (b) Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

**10. SKLEROSIS MULTIPLEL**

Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh Pakar Neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:

- (a) Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
- (b) Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
- (c) Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.

**11. PENYAKIT ALZHEIMER / DEMENSIA TERUK**

Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Demensia Teruk yang disebabkan oleh Kecelaruhan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Peserta. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh Pakar Neurologi.

Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Kecelaruhan otak bukan organik seperti neurosis;
- (b) Penyakit psikiatrik; dan
- (c) Kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

**12. PENYAKIT NEURON MOTOR – DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN**

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh Pakar Neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsy progresif, sklerosis amiotrofik lateral atau sklerosis lateral utama. Mesti ada Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan.

**13. PENYAKIT PARKINSON – MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN**

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
- (b) Menunjukkan tanda kemerosotan progresif; dan
- (c) Pengesahan keilatan Kekal Peserta untuk melaksanakan tiga (3) atau lebih Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.

**14. ENSEFALITIS – MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN**

Keradangan teruk bahan otak, mengakibatkan kecacatan fungsian Kekal. Kecacatan fungsian Kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai. Kejadian yang dilindungi mestilah disahkan oleh Pakar Neurologi.

Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.

**15. MENINGITIS BAKTERIA – MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN**

Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi Kekal. Kerosakan fungsi Kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan



sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- (a) seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan
- (b) kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar.

Untuk definisi di atas, lain-lain bentuk meningitis, termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.

#### **16. TUMOR OTAK BENIGN – KETERUKAN TERTENTU**

Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Ia mengancam nyawa;
- (b) Ia menyebabkan kerosakan otak;
- (c) Ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan; dan
- (d) Kewujudannya mesti disahkan oleh Pakar Neurologi pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Sista,
- (ii) Granuloma,
- (iii) Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak,
- (iv) Hematoma,
- (v) Tumor di dalam kelenjar pituitary;
- (vi) Tumor di dalam tulang belakang; dan
- (vii) Tumor saraf akustik.

#### **17. PEMBEDAHAN OTAK**

Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Prosedur lubang gerudi (burr hole);
- (b) Prosedur transfenoid;
- (c) Prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum; dan
- (d) Pembedahan otak akibat Kemalangan.

#### **18. TRAUMA KEPALA MAJOR (TERUK) – MENGAKIBATKAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL UNTUK MELAKUKAN AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN**

Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan Kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh Pakar Neurologi. Kerosakan Kekal fungsian mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan digunapakai.

#### **19. HEPATITIS VIRAL FULMINAN**

Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:

- (a) Penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;
- (b) Nekrosis (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;
- (c) Ujian kefungsi hati yang semakin merosot; dan
- (d) Jaundis yang semakin mendalam.

Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas adalah tidak dilindungi.



**20. KEGAGALAN HATI TAHAP AKHIR**

Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:

- (a) Jaundis kekal;
- (b) Asites (lebih cecair dalam kaviti peritoneal); dan
- (c) Ensefalopati hepatic.

Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.

**21. PENYAKIT PARU-PARU TAHAP AKHIR**

Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik.

Semua kriteria berikut mestilah dipenuhi:

- (a) Keperluan rawatan oksigen berkala secara Kekal;
- (b) Gangguan Kekal pada fungsi paru-paru dengan Isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;
- (c) Sesak nafas dalam keadaan rehat; dan
- (d) Analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.

**22. ANEMIA APLASTIK KRONIK – MENGAKIBATKAN KEGAGALAN KEKAL SUMSUM TULANG**

Kegagalan Kekal dan tidak boleh pulih sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:

- (a) Tranfusi produk darah berkala;
- (b) Agen perangsang sumsum;
- (c) Agen immunosupresif; atau
- (d) Transplan sumsum tulang.

Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.

**23. DISTROFI OTOT**

Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh Pakar Neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut:

- (a) Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;
- (b) Tiada penglibatan saraf tengah / periferan sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor; dan
- (c) Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Peristiwa Dilindungi sebelum Peserta mencapai umur dua belas (12) tahun tarikh lahir berikutnya.

**24. KEGAGALAN BUAH PINGGANG – MEMERLUKAN DIALISIS ATAU TRANSPLAN BUAH PINGGANG**

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik Tidak Boleh Pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

**25. BUTA – KEKAL DAN TIDAK BOLEH PULIH**

Kehilangan penglihatan Kekal dan Tidak Boleh Pulih akibat Kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

**26. PEKAK – KEKAL DAN TIDAK BOLEH PULIH**

Hilang Upaya mendengar secara Kekal dan Tidak Boleh Pulih akibat Kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua

belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

#### **27. HILANG KEUPAYAAN BERTUTUR**

Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya, Kekal dan Tidak Boleh Pulih disebabkan oleh Kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai. Bukti perubatan untuk mengesahkan Kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Semua sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi.

#### **28. KELECURAN TAHAP KETIGA – KETERUKAN TERTENTU**

Lecuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.

#### **29. TRANSPLAN ORGAN UTAMA / SUMSUM TULANG**

Penerimaan transplan seperti berikut:

- (a) Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasi sumsum tulang menyeluruh; atau
- (b) Salah satu daripada organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang Tidak Boleh Pulih akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.

Lain-lain pemindahan sel stem adalah tidak dilindungi.

#### **30. KELUMPUHAN ANGGOTA**

Hilang penggunaan penuh, Kekal dan Tidak Boleh Pulih kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, akibat lumpuh disebabkan oleh penyakit atau Kecederaan. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

#### **31. KOMA – MENGAKIBATKAN DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL YANG BERTERUSAN**

Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang gerak balas atau tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari digunapakai. Pengesahan oleh Pakar Neurologi mesti dikemukakan.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Koma diakibatkan secara langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

#### **32. LUPUS ERITEMATOSUS SISTEMIK DENGAN KOMPLIKASI BUAH PINGGANG YANG TERUK**

Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus oleh WHO:

Jenis III – Glomerulonefritis Segmen Fokus

Jenis IV – Glomerulonefritis Resap

Jenis V – Glomerulonefritis Bermembran

**33. KEHILANGAN UPAYA HIDUP SENDIRI (BERDIKARI)**

Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

**34. JANGKITAN HIV MELALUI TRANSFUSI DARAH**

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi:

- (a) Transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- (b) Transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas kuat kuasa sijil;
- (c) Sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfusi darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV;
- (d) Peserta tidak menghidap hemofilia; dan
- (e) Peserta bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.

**35. AIDS DENGAN GEJALA PENUH**

Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) mesti disokong oleh keputusan positif ujian antibodi HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan satu ujian pengesahan. Sebagai tambahan, Peserta perlu mempunyai kiraan sel CD4 kurang daripada dua ratus (200)/ $\mu\text{L}$  dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria berikut:

- (a) Kehilangan lebih daripada 10% daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom susut badan);
- (b) Sarkoma Kaposi;
- (c) Radang Paru-Paru Pneumocystis Carinii;
- (d) Leukoensefalopati multifokal progresif;
- (e) Tuberkulosis (batuk kering) aktif;
- (f) Kurang daripada seribu (1,000) Limfosit; dan
- (g) Limfoma Malignan.

**36. JANGKITAN VIRUS KURANG DAYA TAHAN MANUSIA (HIV) YANG DIPEROLEHI SECARA PEKERJAAN**

Jangkitan dengan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (sekiranya Peserta adalah Kakitangan Perubatan), di mana ia diperolehi hasil daripada Kemalangan yang berlaku dalam masa enam (6) bulan dari Kemalangan. Sebarang Kemalangan menimbulkan tuntutan berpotensi mesti dilaporkan kepada Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kemalangan berlaku disokong oleh ujian HIV negatif yang diambil dalam tempoh tujuh (7) hari dari Kemalangan.

**37. PENYAKIT TERMINAL**

Diagnosis konklusif bagi keadaan yang dijangka mengakibatkan kematian Peserta dalam masa dua belas (12) bulan. Peserta tidak lagi menerima rawatan aktif selain dari melegakan kesakitan. Diagnosis mesti disokong dengan pengesahan bertulis daripada pakar yang sesuai dan disahkan oleh doktor yang dilantik oleh Kami.

**38. PENYAKIT MEDULLARY CYSTIC**

Penyakit keturunan progresif buah pinggang yang dicirikan oleh kehadiran sista dalam medulla, atrofi tiub dan fibrosis interstisial dengan manifestasi klinikal anemia, poliuria dan kehilangan natrium buah pinggang, berkembang menjadi kegagalan buah pinggang kronik. Diagnosis mesti disokong oleh biopsi buah pinggang.

**39. SINDROM APALIK (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)**

Nekrosis universal korteks otak dengan batang otak utuh. Diagnosis ini mesti disahkan oleh perunding Pakar Neurologi dengan mengadakan temujanji sedemikian di hospital yang diluluskan. Keadaan ini mesti didokumenkan secara perubatan untuk sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

**40. HEPATITIS AUTOIMUN KRONIK**

Gangguan hati nekro-radang kronik yang tidak diketahui punca yang dikaitkan dengan auto-antibodi yang beredar dan paras globulin serum yang tinggi. Diagnosis mesti berdasarkan semua kriteria berikut:

- (a) Hypergammaglobulinaemia;
- (b) Kehadiran sekurang-kurangnya satu (1) daripada autoantibodi berikut:
  - (i) Antibodi anti-nuklear;
  - (ii) Antibodi otot anti licin;
  - (iii) Antibodi anti-aktin;
  - (iv) Antibodi anti-LKM-1;
  - (v) Antibodi anti-LC1; atau
  - (vi) Antibodi anti-SLA/LP
- (c) Biopsi hati pengesahan diagnosis hepatitis auto-imun.

Ini hanya dilindungi jika Peserta telah menjalani terapi immunosupresif berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan diagnosis mesti disahkan oleh pakar gastroenterologi atau hepatologi.

**41. PANKREATITIS BERSAMBUNG KRONIK**

Lebih daripada tiga (3) serangan pankreatitis mengakibatkan Kekal disfungsi pankreas menyebabkan malabsorpsi yang memerlukan terapi penggantian enzim.

Diagnosis mesti dibuat oleh pakar gastroenterologi perunding dan disahkan oleh *Endoscopic Retrograde Cholangiopancreatography (ERCP)*.

Pankreatitis Berulang Kronik yang disebabkan oleh pengambilan alkohol atau penyalahgunaan dadah dikecualikan.

**42. PENYAKIT CREUTZFELDT-JAKOB**

Kejadian Penyakit Creutzfeldt-Jakob atau Varian Penyakit Creutzfeldt-Jakob di mana terdapat defisit neurologi yang berkaitan, disertai dengan tanda dan gejala disfungsi cerebellar, demensia progresif yang teruk, kekejangan otot yang tidak terkawal, gegaran dan athetosis yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk ketidakupayaan Kekal Peserta untuk melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) dari senarai Aktiviti Kehidupan Harian.

Keadaan ini perlu didokumenkan secara perubatan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan disahkan oleh perunding Pakar Neurologi berdasarkan penemuan konklusif Electroencephalography (EEG) dan Cerebrospinal Fluid (CSF) serta imbasan Tomografi Berkomputer (CT) dan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI).

Penyakit yang disebabkan oleh rawatan hormon pertumbuhan manusia dikecualikan.

**43. DEMAM BERDARAH EBOLA**

Jangkitan virus Ebola menyebabkan demam dan pendarahan dalaman atau luaran.

Semua kriteria berikut mesti dipenuhi:

- (a) Kehadiran virus Ebola telah disahkan oleh ujian makmal;
- (b) Pendarahan mukosa atau gastrosus telah berlaku; dan
- (c) Diagnosis Ebola Hemorrhagic Fever mesti disahkan oleh pakar Pengamal Perubatan.

#### 44. ELEPHANTIASIS

Elephantiasis adalah akibat dan komplikasi filariasis, yang dicirikan oleh pembengkakan besar-besaran dalam tisu badan akibat daripada peredaran terhalang Kekal dalam saluran limfa, mengakibatkan ketidakupayaan Kekal Peserta untuk melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada yang disenaraikan Aktiviti Kehidupan Harian.

Diagnosis jelas Elephantiasis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar penyakit berjangkit atau pakar dalam bidang berkaitan, termasuk pengesahan makmal mikrofilaria.

Limfoedema yang disebabkan oleh jangkitan dengan penyakit kelamin, trauma, parut selepas pembedahan, kegagalan jantung kongestif atau keabnormalan sistem limfa kongenital adalah dikecualikan.

#### 45. POLIOMYELITIS

Kejadian Poliomieltitis di mana syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) Poliovirus dikenal pasti sebagai punca; dan
- (b) Kelumpuhan otot anggota badan atau otot pernafasan mesti ada dan berterusan selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan.

#### 46. SCLERODERMA PROGRESIF

Penyakit kolagen-vaskular sistemik yang menyebabkan fibrosis meresap progresif pada kulit, saluran darah dan organ viseral. Diagnosis ini mesti disokong dengan jelas oleh biopsi dan bukti serologi dan gangguan itu mestilah mencapai perkadaran sistemik untuk melibatkan jantung, paru-paru atau buah pinggang.

#### 47. SINDROM EISENMENGER TERUK

Sindrom Eisenmenger yang teruk bermaksud berlakunya shunt terbalik atau dua arah akibat hipertensi pulmonari, yang disebabkan oleh gangguan jantung.

Kedua-dua kriteria berikut mesti dipenuhi:

- (a) Kehadiran kecacatan fizikal Kekal yang dikelaskan sebagai NYHA IV; dan
- (b) Diagnosis Sindrom Eisenmenger dan tahap kecacatan fizikal mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar yang merupakan pakar kardiologi.

Manfaat di atas akan dibayar daripada AKP.

### PENGECUALIAN

#### 4.1 KEMATIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk kematian Anda yang disebabkan oleh bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam masa satu (1) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian.

#### 4.2 KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL (KMK)

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk KMK Anda:

- 4.2.1 yang telah wujud sebelum atau pada Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian;
- 4.2.2 secara terus atau tidak terus, disebabkan oleh, sambungan daripada, timbul berkaitan dengan atau disebabkan oleh mana-mana keadaan sedia ada di mana KMK berlaku dalam dua belas (12) bulan yang pertama dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian; atau

- 4.2.3 yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana sebab berikut:
- 4.2.3.1 cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
  - 4.2.3.2 penerbangan, peluncuran, atau sebarang jenis penerbangan di udara selain dari seorang juruterbang, anak kapal atau penumpang bertambang biasa syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
  - 4.2.3.3 peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;
  - 4.2.3.4 sebarang pelanggaran undang-undang oleh Anda atau sebarang aktiviti jenayah atau penganas yang dilakukan, cuba dilakukan atau diprovokasi oleh Anda;
  - 4.2.3.5 semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda; atau
  - 4.2.3.6 Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

Keadaan Sedia Ada bermaksud sebarang Kecederaan atau penyakit:

- i. Yang telah wujud atau telah mengalami gejala;
- ii. Di mana manifestasi penyakit wujud, yang Anda sedar atau sepatutnya sedar;
- iii. Berdasarkan perkembangan patologi penyakit yang diterima secara perubatan, penyakit tersebut akan wujud; atau
- iv. Di mana Anda telah menerima atau sedang menerima rawatan, diagnosis, perundingan atau ubat-ubatan yang ditetapkan;

dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari sebelum Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, termasuk keadaan yang tidak diketahui dan/atau dimaklumkan kepada Kami.

### 4.3 PENYAKIT KRITIKAL

Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Lampiran ini untuk penyakit kritikal yang berlaku secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana sebab berikut:

- 4.3.1 Penyakit kritikal yang telah wujud pada Tarikh Kuat Kuasa Risiko atau pada mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, mana-mana yang terkemudian;
- 4.3.2 Penyakit kritikal di mana:
  - 4.3.2.1 Sebarang keadaan yang wujud atau telah didiagnos semasa Tempoh Menunggu atau selepas tamat Tempoh Menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang wujud atau telah didiagnos semasa Tempoh Menunggu, kecuali bagi Penyakit Kritikal yang dialami akibat Kecederaan; atau
  - 4.3.2.2 Tanda atau symptom yang wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang mendorong seseorang mendapatkan rawatan dan perhatian perubatan, walaupun diagnosis yang terhasil berlaku sebelum atau selepas Tempoh Menunggu tamat.
- 4.3.3 Tuntutan bagi Penyakit Kritikal yang diperihalkan di dalam 4.3.2.1 dan/atau 4.3.2.2 di atas tidak boleh diterima jika pemberitahuan bagi tuntutan tersebut telah diberikan kepada Kami selepas tamat Tempoh Menunggu.
- 4.3.4 Sebarang penyakit secara langsung atau tidak langsung, disebabkan atau berpunca daripada bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau pencemaran akibat radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses penyelenggaraan pembelahan nuklear.
- 4.3.5 Semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda.
- 4.3.6 Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras.

## PERUNTUKAN AM

### 5.1 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

- 5.1.1 Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam Klausula 4.1, Klausula 4.2, Klausula 4.3 dan Klausula 5.1.2 atau peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, kesahihan Lampiran ini tidak dapat dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini.



5.1.2 Sekiranya Lampiran ini telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Risiko Lampiran ini, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang dibuat atau yang belum dibuat;

5.1.2.1 dalam peringkat cadangan;

5.1.2.2 dalam laporan doktor yang dirujuk, atau orang lain; atau

5.1.2.3 dalam dokumen yang membawa kepada penerbitan Sijil Anda

yang mana ianya tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara material atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (dinyatakan dalam Klausula 5.1.3) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.

5.1.3 Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

## 5.2 SALAH NYATA / FRAUD

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Lampiran ini telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

5.2.1 Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;

5.2.2 perubahan kepada terma Sijil Anda;

5.2.3 perubahan dalam amaun Caruman; atau

5.2.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

## 5.3 PERKHIDMATAN SIJIL

Perubahan kewangan terhadap Lampiran ini, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

Jumlah Perlindungan Lampiran ini akan diubah suai secara automatik jika terdapat perubahan kewangan yang dibuat ke atas Sijil Asas atau Rider yang lain. Bukti kesihatan yang memuaskan bagi Peserta dan Orang Yang Dilindungi, mana yang berkenaan termasuk bayaran tambahan Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permintaan untuk sebarang pertukaran terhadap Sijil Anda. Sekiranya bukti perubahan terbukti tidak memuaskan, Kami mempunyai hak untuk membuat tawaran balas atau menolak permintaan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan dokumen yang relevan dan / atau kenyataan yang telah dihantar kepada Anda.

## 5.4 PEMBATALAN LAMPIRAN INI

Anda boleh memohon untuk membatalkan Lampiran ini kepada Kami. Anda tidak akan layak untuk menerima pulangan Caruman dan perlindungan Anda akan terhenti pada tarikh tamat tempoh Caruman seterusnya.

Pembatalan Lampiran ini tidak akan mempunyai apa-apa kesan buruk atau apa-apa kesan kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan Lampiran ini.

## 5.5 SERAHAN

Lampiran ini akan diserahkan sekali bersama Sijil Asas apabila permohonan serahan telah diserahkan oleh Anda.

Serahan Lampiran ini tidak akan mempunyai apa-apa kesan buruk atau apa-apa kesan kepada kesahihan tuntutan, yang telah diakui dengan sewajarnya oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa serahan Lampiran ini.



## 5.6 PENAMATAN LAMPIRAN INI

Perlindungan di bawah Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik;

- 5.6.1 apabila Lampiran ini dibatalkan;
  - 5.6.2 apabila tuntutan di bawah Lampiran ini diterima;
  - 5.6.3 apabila Sijil luput;
  - 5.6.4 apabila bayaran serahan Sijil dibuat;
  - 5.6.5 apabila penamatan Sijil Asas; atau
  - 5.6.6 apabila Lampiran ini matang pada Tarikh Tamat;
- dan Kami tidak akan mengembalikan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Caruman diterima oleh Kami selepas penamatan Lampiran ini tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti kepada Kami tetapi Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.

Perlindungan di bawah Lampiran ini diberikan kepada Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam e-Sijil Sijil Asas yang diuruskan oleh Kami di mana Lampiran ini dilampirkan bersama.

Lampiran ini adalah sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya sah sekiranya Sijil Asas adalah sah. Selain itu, Lampiran ini tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Sijil Asas kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Lampiran ini.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lampiran ini, terma dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti terma dan ungkapan yang digunakan dalam Sijil Asas.

## DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

### 2.1 CARUMAN

Lampiran ini dikeluarkan atas pertimbangan terhadap permohonan Anda dan pembayaran Caruman Tambahan Berkala yang ditentukan di dalam e-Sijil atau Endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Kami pada selang masa dan tarikh patut dibayar yang sama sepertimana Caruman di bawah Sijil Asas bermula dari Tarikh Permulaan Lampiran ini sehingga dan termasuk tarikh Caruman terakhir patut dibayar.

Semasa Lampiran ini berkuat kuasa, semua Tambahan Caruman Berkala perlu dibayar terlebih dahulu pada tarikh patut dibayar sepanjang Tempoh Perlindungan Lampiran ini.

Tambahan Caruman Berkala yang perlu dibayar di bawah Lampiran ini dibahagikan mengikut:

#### 2.1 CARUMAN DIPERUNTUKKAN

Sebahagian dari Tambahan Caruman Berkala akan digunakan bagi pembelian unit di dalam *ILF*, di mana bilangan unit yang akan dikreditkan akan ditentukan dengan merujuk kepada Harga Unit yang dikira pada hari:

2.1.1 permohonan Anda diluluskan oleh Kami, untuk perniagaan baharu; atau

2.1.2 Tambahan Caruman Berkala telah dibayar, untuk perniagaan yang sedang berjalan, mana yang terkemudian.

Anda boleh memilih lebih dari satu *ILF* untuk pelaburan Anda di bawah Lampiran ini.

### 2.2 YURAN DAN CAJ

#### 2.2.1 YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah yang dicaj di bawah Lampiran ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil Anda.

Yuran Wakalah akan ditolak selepas pembayaran Tambahan Caruman Berkala telah dibuat.

Yuran Wakalah adalah tidak dijamin. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, Anda akan diberitahu oleh Kami sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum ianya berkuat kuasa. Yuran Wakalah yang baharu hanya akan diaplikasikan pada Ulang Tahun Sijil yang seterusnya.

## 2.2.2 CAJ PENGURUSAN DANA

Caj Pengurusan Dana akan dikenakan terhadap setiap *ILF* seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Dana Berkaitan-Pelaburan di dalam Sijil Asas.

lanya akan ditolak pada setiap Tarikh Penilaian dan akan ditunjukkan di dalam Harga Unit. Kami mempunyai hak untuk menukar peratusan dengan memberikan Anda tiga (3) bulan notis bertulis terlebih dahulu.

## PERUNTUKAN AM

### 2.1 PERTUKARAN DALAM PEMBAHAGIAN DANA

Anda boleh memohon untuk mengubah pembahagian dana *ILF* untuk Tambahan Caruman Berkala di masa hadapan yang dibayar kepada Kami di dalam bentuk yang telah ditetapkan oleh Kami atau di dalam dokumen yang lain bagi tujuan pindaan Pembahagian Dana yang diterima oleh Kami.

### 2.2 PERKHIDMATAN SIJIL

Perubahan kewangan terhadap Lampiran ini, seperti di bawah, termasuk perubahan bukan kewangan seperti pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya, adalah dibenarkan.

Anda boleh membuat permohonan untuk mengubah amaun Tambahan Caruman Berkala kepada Kami.

### 2.3 PEMBATALAN LAMPIRAN INI

Anda boleh memohon untuk membatalkan Lampiran ini kepada Kami. Anda akan layak untuk menerima Jumlah Nilai Akaun yang akan ditentukan mengikut Harga Unit yang dikira pada Tarikh Penilaian selepas tarikh kelulusan permohonan tersebut.

### 2.4 SERAHAN

Lampiran ini akan diserahkan sekali bersama Sijil Asas apabila permohonan serahan telah diserahkan oleh Anda dan Anda akan layak untuk menerima Jumlah Nilai Akaun.

### 2.5 PENAMATAN LAMPIRAN INI

Perlindungan di bawah Lampiran ini akan ditamatkan secara automatik;

2.5.1 apabila Lampiran ini dibatalkan;

2.5.2 apabila Sijil luput;

2.5.3 apabila bayaran serahan Sijil dibuat;

2.5.4 apabila Sijil Asas ditamatkan; atau

2.5.5 apabila Sijil matang pada Tarikh Tamat;

dan Kami tidak akan mengembalikan kepada Anda yuran Wakalah.

Sebarang Tambahan Caruman Berkala diterima oleh Kami selepas penamatan Lampiran ini tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti tetapi Kami akan mengembalikan Tambahan Caruman Berkala tersebut kepada Anda tanpa sebarang keuntungan.